

**PERANAN SISTEM PERBANKAN ISLAM DALAM  
PEMBANGUNAN EKONOMI UMMAH DI PATTANI,  
SELATAN THAILAND**

**IMRON YAMO**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2013**

**PERANAN SISTEM PERBANKAN ISLAM DALAM  
PEMBANGUNAN EKONOMI UMMAH DI PATTANI,  
SELATAN THAILAND**

**IMRON YAMO**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II  
(SECARA KURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2013**

## **ABSTRAK**

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menganalisis peranan sistem perbankan Islam dalam pembangunan ekonomi di wilayah Pattani, Selatan Thailand dalam konteks pelaksanaan di Islamic Bank of Thailand melalui peruntukan Pelaksanaan produk-produk perbankan Islam di Islamic Bank of Thailand di wilayah Pattani. Berasaskan bagaimakah Islamic Bank of Thailand memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi dalam masyarakat Islam di wilayah Pattani Selatan Thailand. Ini kerana, perkembangan Islamic Bank of Thailand yang berkembang pesat di wilayah-wilayah Selatan Thai khususnya di wilayah Pattani. Dalam menjalankan kajian terhadap sistem perbankan dan perannya di wilayah Pattani Selatan Thailand, pengkaji telah menganalisis dan meneliti fail-fail dan dokumen-dokumen yang diterbitkan oleh Islamic Bank of Thailand tentang pelaksanaan dan pemakaian produk-produk serta dengan senarai pembiayaan. Begitu juga dengan metode pengumpulan data, pengkaji telah mengadakan temu bual bersama responden yang merupakan pegawai-pegawai dan agensi dan pelanggan yang berkaitan dengan Islamic Bank of Thailand. Kajian ini membuktikan bahawa pelaksanaan dan pemakaian produk-produk perbankan Islam yang dilaksanakan oleh Islamic Bank of Thailand di Wilayah Pattani mencukupi dan memadai pada satu tahap keperluan penduduk di wilayah ini. Ini menunjukkan bahawa Islamic Bank of Thailand telah berjaya dalam memenuhi keperluan sosio-ekonomi yang tidak bercanggah dengan prinsip Syariah.

## **ABSTRACT**

The purpose of this research was to analyze the roles of Islamic banking in developing the economy in Pattani province, southern Thailand as practised by Islamic Bank of Thailand through the implementation of the Islamic banking products as provided by Islamic Bank of Thailand at Pattani province. Based on how the Islamic Bank of Thailand plays a role in the economic development of Muslim community in Pattani province, southern Thailand. Since the Islamic Bank of Thailand has grown rapidly in Thailand's southern provinces particularly in Pattani province. In doing research on the banking system and its role in Pattani province, the researcher have analyzed and examined the files and documents published by the Islamic Bank of Thailand on the implementation and application of the products and lists of banking services. Likewise, another data collection method was that, the researcher conducted interviews with respondents whom were officers and agents working with the Islamic Bank of Thailand. This research proved that the implementation and application of Islamic banking products provided by the Islamic Bank of Thailand Pattani Province were sufficient and appropriate to the needs of the population in this region. This shows the Islamic Bank of Thailand has been successful in meeting socio-economic needs that do not conflict with the principles of Shariah.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*Alhamdulillah*, segala puji dipanjatkan ke hadrat Allah (S.W.T) serta selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi *Muhammad* (S.A.W) dan para sahabat serta pengikut Baginda (S.A.W). Disertasi yang bertajuk **“Peranan Sistem Perbankan Islam Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah Di Pattani, Selatan Thailand”** disediakan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Syariah Bahagian II di Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Saya bersyukur kepada Allah (S.W.T) kerana memberi taufiq, hidayah serta kesabaran dan ketenangan kepada saya sehingga dapat menyiapkan kajian ini. Sukacita ingin saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak ternilai kepada penyelia saya yang berbahagia Prof. Dr. Joni Tamkin bin Borhan, dalam seliaan beliau yang telah banyak memberi tunjuk ajar, pertolongan, bimbingan, galakan, nasihat dan kritikan membina kepada saya dalam tempoh kajian sehingga dapat menyiapkan disertasi ini. Begitu juga tidak ketinggalan kepada Dr. Patmawati bt. Hj. Ibrahim, selaku pensyarah semasa saya ambil kelas kursus dalam bahagian pertama.

Terima kasih juga ditujukan kepada para pensyarah Akademi pengajian Islam yang telah mencerahkan ilmu sepanjang saya membuat kursus. Begitu juga Jabatan Syariah dan Ekonomi di atas segala kerjasama dan sumbangan sehingga kajian ini dapat disiapkan.

Tidak ketinggalan ucapan terima kasih dan penghargaan diajukan kepada pengawai dan kakitangan di Islamic Bank of Thailand, di atas segala kerjasama yang baik dan bantuan yang diberikan sepanjang kajian ini.

Terima kasih juga ditujukan kepada sahabat handai Asnee (Su'), Saifu, Amin, Torik, Khalil, Najmee, Ismail, Azizi, Zulkarnai, dan abang saya yang terhormat Dr. Mahamatayuding Samah serta dengan Ustaz Hasanuddin bin Daud dan juga kepada dua orang kekanda kak Zan dan Kak Ma yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan disertasi ini.

Kepada ibu dan ayah yang tercinta ***Khadijah bt Abd. Allah*** dan ***Abd. Wahab bin Abd. Allah*** setinggi-tinggi ribuan ucapan terima kasih atas jasa dan sumbangan keduanya yang tidak jemu sentiasa memahami situasi, memberi semangat dan dorongan kepada saya dalam memcapai kejayaan ini.

Di atas sumbangan dan jasa baik yang diberikan dalam apa-apa bentuk sekalipun, didoakan semoga mendapat ganjaran dari Allah (S.W.T) dan saya hanya berupaya mengucapkan ribuan terima kasih.

## **IMRON YAMO**

111/2 M. 3 T. Poming A.Panare Ch.Pattani 94130.  
Thailand.  
Email : [khalifah111@gmail.com](mailto:khalifah111@gmail.com)  
Tel. +66807055071

## **DEDIKASI**

Ingatan abadi untuk kedua ibu bapa yang dikasihi ;

***Abd. Wahab bin Abd. Allah dan Khadijah bt. Ahmad***

Tidak jemu-jemu menabur jasa. Begitu juga kekanda;

Nurizan bt Abd. Wahab

Nurma bt Abd. Wahab

Jasa mu sentiasa dalam ingatan ku abadi

dan adinda

Nasriah bt Abd. Wahab

Keluarga masih menunggu kejayaan mu.

## **KANDUNGAN**

TAJUK	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI KEPENDEKATAN	xi
SENARAI TRANLITERASI	xiii

## **BAB SATU** **PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang	1
1.3 Permasalahan kajian	4
1.4 Persoalan kajian	4
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	5
1.7 Skop Kajian	5
1.8 Sorotan kajian lepas	6
1.9 Metodologi Kajian	15
1.8.1 Metode Pengumpulan data	16
1.8.2 Metode Analisis data	21
1.10 Sistematika kajian	22
1.10 Kesimpulan	24

## **BAB DUA** **SISTEM PERBANKAN DAN PEMBANGUNAN** **DALAM EKONOMI ISLAM**

2.1 Pengenalan	25
2.2 Model Pelaksanaan Perbankan Islam	25
2.3 Definisi sistem perbankan Islam	26
2.4 Sejarah perkembangan sistem perbankan Islam	28
2.4.1 Sejarah perkembangan pada zaman awal Islam	28
2.4.2 Sejarah perkembangan pada zaman moden	30
2.5 Objektif sistem perbankan Islam	41

2.6 Perbezaan sistem perbankan Islam dengan sistem perbankan konvensional	42
2.7 Prinsip-prinsip syariah dalam perbankan Islam.	45
2.8 Konsep pembangunan dalam Ekonomi Islam	61
2.8.1 Pengertian pembangunan ekonomi	61
2.8.2 Pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam	62
2.9 Hubungkait perbankan Islam dengan pembangunan ekonomi ummah	67
2.10 kesimpulan	69

## **BAB TIGA**

### **SISTEM PERBANKAN ISLAM DI THAILAND**

3.1 Pengenalan	70
3.2 Masyarakat dan sejarah sistem kewangan Islam di Thailand	70
3.2.1 Masyarakat Islam di Thailand	71
3.2.2 Masyarakat Islam di Patani, Selatan Thailand	72
3.2.3 Ekonomi masyarakat Islam Pattani Selatan Thailand	73
3.3 Sejarah penubuhan sistem perbankan Islam di Thailand	73
3.3.1 Tabung zakat dan dana amal Chularachamontri	74
3.3.2 Koperasi dan kelab kewangan Islam	75
3.3.3 Tabung haji	77
3.3.4 Bank Sri-Nakhon	78
3.3.5 Bank Om-sin ( <i>Government Saving Bank</i> )	78
3.3.6 Krung Thai Bank PLC.	79
3.4 Sejarah penubuhan <i>Islamic Bank of Thailand</i> ( Ibank)	80
3.4.1 Sejarah penubuhannya	80
3.4.2 Dasar Hukum <i>Islamic Bank of Thailand</i>	81
3.4.3 Objektif penubuhannya	83
3.4.4 Visi dan Misi	83
3.4.5 Rasional Logo	84
3.5 Pelaburan Islamic Bank of Thailand dalam syarikat Amanah leasing	85
3.6 Produk-produk Islamic Bank of Thailand dalam pembangunan ekonomi.	88
3.7 Kesimpulan	93

## **BAB EMPAT**

### **ANALISIS TERHADAP PERANAN SISTEM PERBANKAN ISLAM DI ISLAMIC BANK OF THAILAND DALAM MEMBANGUNKAN EKONOMI UMMAH DI PATANI, SELATAN THAILAND**

4.1 Pengenalan	94
4.2 Beberapa polisi (Ibank) dalam membangunkan ekonomi masyarakat	94
4.3 Penerapan Islamic Bank of Thailand (Ibank) dan pengaruhnya terhadap	

perkembangan ekonomi masyarakat di Patani Selatan Thailand.	97
4.4 Peranan <i>Islamic Bank of Thailand</i> (Ibank) dalam memajukan ekonomi ummah di Patani Selatan Thailand	98
4.4.1 Peranan Ibank dalam pembangunan perusahaan SME	98
4.4.2 Peranan Ibank dalam pembangunan Industri besar	100
4.4.3 Peranan Ibank dalam pembangunan Industri halal	102
4.4.4 Peranan Ibank dalam pembangunan ekonomi 5 wilayah Selatan Thai	103
4.4.4.1 Pengenalan bahagian Pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand	103
4.4.4.2 Pusat Pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand dan produk-produknya.	104
4.5 Peranan Ibank dalam bidang sosial dan kemanusiaan di Pattani.	110
4.5.1 Peranan Ibank dalam sektor pembiayaan pendidikan.	110
4.6 Perancangan Ibank dalam pembangunan ekonomi	111
4.7 Ibank telah berdaya mendapat penghargaan	114
4.8 Kesimpulan	115

## **BAB LIMA**

## **PENUTUP**

5.1 Penutup	116
5.2 Rumusan	118
5.3 Saranan	119

**BIBLIOGRAFI**

121

**SENARAI TEMUBUAL**

130

**LAMPIRAN**

132

## **SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>	<b>Tajuk Jadual</b>	<b>Hlm.</b>
Jadual 2.1	: Perbezaan di antara bank Islam dan bank konvensional	44
Jadual 3.1	: Keterangan aktiviti pelaburan Ibank dalam Syarikat Amanah.	87
Jadual 4.1	: Jumlah pembiayaan produk akar umbi	105
Jadual 4.2	: Jumlah pembiayaan produk gerai untuk kerjaya bebas	106
Jadual 4.3	: Jumlah pembiayaan buruh Thai yang bekerja di Malaysia	107
Jadual 4.4	: Jumlah pembiayaan perusahaan masyarakat	108
Jadual 4.5	: Jumlah pembiayaan perniagaan pakaian Muslim	109
Jadual 4.6	: Jumlah pembiayaan perniagaan makanan halal runcit	110

## **SENARAI KEPENDEKATAN**

ABD.	-	Abdul
ADIB	-	Abu Dhabi Islamic Bank
ATM	-	Automatic Teller Machine
b.	-	bin
B. E.	-	Buddhist Era
BC	-	Bank Coordinator
BAI.	-	Bay al-Inah
BBA	-	Bay bi al-Thaman al-Ajil
BIMB	-	Bank Islam Malaysia Berhad
C.	-	Cetakan
DMI	-	Dar al-Mal al-Islami
et al	-	Et alia (dan lain-lain)
FO	-	Field Officer
Ibank	-	Islamic Bank of Thailand
<i>Ibid.</i>	-	Ibidem
IFCI	-	Islamic Finance Country Index
KTB	-	Krung Thai Bank
LUTH	-	Lembaga Tabung Haji
M.	-	Masehi
M.A	-	Master
No.	-	Nombor

Nov	-	November
OIC	-	Organisation of Islamic Cooperation
PLC	-	Public Limited Company
RM	-	Ringgit Malaysia
S.A.W	-	Şallalahu‘alaihi Wasallam
S.W.T	-	Subhanahu Wata‘ala
SBP	-	State Bank of Pakistan
SBPAC	-	Pusat Pentadbiran Wilayah Selatan Thai
SDN BHD	-	Sendirian Berhad
SPI	-	Sistem Perbankan Islam
t.t	-	Tanpa tarikh
THB	-	Thai Bath
TKB	-	Turkiye Finans Katilim Bankasi
UAE	-	United Arab Emirates
USD	-	United States Dollar

## SENARAI TRANLITERASI

### A. Konsonan

Arab	Latin	Contoh	Contoh Tranliterasi
ء	,	أمي	'ummi
ب	B	بط	Batṭon
ت	T	تاج	tāj
ث	Th	ثلث	thulus
ج	J	جمل	jamal
ح	H	حامل	Hāmil
خ	Kh	خمر	khamar
د	D	دجال	dajjal
ذ	Dh	منذ	mundh
ر	R	رون	rawan
ز	Z	زمان	zaman
س	S	سوف	saufa
ش	Sy	شريف	syarif
ص	Ş	صفى	Şafiy
ض	Đ	ضمير	Đamir
ط	Ṭ	طنطا	Ṭanṭā
ظ	Ẓ	ظهر	Zahara
ع	‘	عمل	‘amala
غ	Gh	غضبان	Ghaḍbān

ف	F	فِيل	fīl
ق	Q	قَمَر	qamar
ك	K	كَرَم	karama
ل	L	لَمْعَان	lam‘ān
م	M	مَلَك	malaka
ن	N	نَعِيم	na‘īm
ه	h	هَجْر	hajara
و	W	وَرْدَة	wardah
ي	Y	يَا أَرْحَمْ	Yā ’arhma

## B. Vokal

### Vokal Panjang

Vokal pendek	Tranliterasi	Contoh	Tranliterasi
—	a	قَنَّت	Qanata
—	i	سَلَّمٌ	Salima
—	u	فُتْحٌ	Futiha

### Vokal Pendek

Vocal panjang	Tranliterasi	Contoh	Tranliterasi
ا, ي	a	كُبْرَى, بَابٌ	Bab / Kubra
ي	i	وَكِيلٌ	Wakil
و	u	سُورَةٌ	Surah

### C. Diftong

Diftong	Tranliterasi	Contoh	Tranliterasi
أُو	Aw	قُول	Qawl
أُي	Ay	خَيْر	Khayr
أُو	Uww	فُوَّة	Quwwah
إِيْ	Iy, i	عَرَبِيٌّ	'Arabiyyī

Sumber : Buku Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam, Edisi ketiga, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013.

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Pada bab pertama merupakan bab pendahuluan, penulis membincarakan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan kajian lepas dan metodologi kajian. Bagi menjalankan kajian ini penulis menggunakan dua metode iaitu metode pengumpulan data dan metode penganalisisan data dan diikuti dengan pembahagian sistematika kajian.

### **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Thailand adalah sebuah negara yang mempunyai penduduk pelbagai bangsa dan agama. Islam juga adalah agama kedua terbesar dengan lebih dari 6 juta pengikutnya<sup>1</sup> yang mempunyai penduduk majoritinya di bahagian Selatan Thailand, sempadan dengan Malaysia, terkandungnya wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat.

Wilayah Pattani adalah salah satu wilayah yang terletak di Selatan Thailand yang mangandungi majoriti penduduk yang beragama Islam. Berdasarkan statistik dari jumlah penduduk Patani adalah berjumlah 655,259 orang yang terdiri dari lelaki 323,573 orang dan perempuan 331,686 orang<sup>2</sup> dan yang beragama Islam 532,876<sup>3</sup>. Dari 655,259 orang tersebut,

---

<sup>1</sup>Sudin Haron & KuMajdi Yamirudeng “Islamic Banking in Thailand: Prospects and Challenges” *International Journal of Islamic Financial Services*, 5 no. 2, 1.

<sup>2</sup>“National Statistical Office of Thailand, dicapai 15 March 2012,  
<http://service.nso.go.th/nso/nsopublish/districtList/S010107/th/78.htm>.

Ternyata bahawa majoriti penduduk di wilayah Patani adalah muslim yang perlu menjalani urusan kehidupan harian menurut perinsip syariah yang diperintah oleh Allah S.W.T. Salah satu perkara yang penting iaitu urusan kewangan seperti simpanan wang untuk keselamatan dari kehilangan wang, dan urusan perniagaan, pimjaman yang tidak bercampur dengan unsur-unsur riba dan bercanggah dengan apa yang ditetapkan oleh Allah S.W.T.

Keperluan rakyat yang beragama Islam terhadap institusi perbankan Islam yang tidak mengamalkan riba turut diambil perhatian oleh pihak kerajaan Thailand lalu meminta institusi perbankan konvensional menawarkan unit “*Islamic Windows*” (Jendela Perkhidmatan Perbankan Secara Islam) kepada pelanggan seperti di Om-sin Bank yang mengadakan unit itu Pada tahun 1998.<sup>4</sup> Perkhidmatan perbankan Islamm terbuka kepada semua penduduk tanpa mengira agama. Penubuhan “*Islamic Bank of Thailand*” pada tahun 2004 adalah hasil daripada perjanjian pembangunan ekonomi tiga segi ”*Growth Triangle*” (Indonesia, Thailand dan Malaysia) dalam projek itu, kejaraan Thailand dalam membangunkan 5 Wilayah selatannya, termasuk membangunkan sistem perbankan Islam.<sup>5</sup>

Usaha menujuhkan Bank Islam telah berjaya pada 26 jun 2003, dengan rasminya Akta Perbankan Islam di bawah pentadbiran Kementerian Kewangan Thailand dengan modal pelaburan 1,000 juta Bath. Bank Islam yang pertama ditubuhkan di Negara Thai dinamakan “*Islamic Bank of Thailand*” dengan ibu pejabatnya di Bangkok kawasan *Khlong Tan* dan membuka cawangannya di kawasan Selatan Thai. Pada akhir tahun 2005, Bank Islam ini berkembang sehingga mempunyai 9 buah kesemuanya. Bank Islam ini telah mengikuti dasar

---

<sup>3</sup>Majlis Agama Islam Wilayah Pattani, dicapai 15 March 2012,  
[http://www.maip.in.th/home/index.php?option=com\\_content&view=article&id=14:2010-08-27-08-53-29&catid=2:2010-08-27-04-25-28&Itemid=3](http://www.maip.in.th/home/index.php?option=com_content&view=article&id=14:2010-08-27-08-53-29&catid=2:2010-08-27-04-25-28&Itemid=3).

<sup>4</sup>Islamic Bank of Thailand, dicapai 7 May 2012, <http://www.oknation.net/blog/print.php?id=250369>.

<sup>5</sup>Islamic Bank of Thailand, dicapai 9 April 2012 [http://www.ibank.co.th/2010/th/about/about\\_detail.aspx?ID=19/4/2012](http://www.ibank.co.th/2010/th/about/about_detail.aspx?ID=19/4/2012)

penyatuan Kementerian Kewangan dengan membeli perkhidmatan kewangan Islam *Krung Thai Bank Limited.*, melalui perjanjian pemindahan perkhidmatan pada 9 November 2005. Hasilnya, Islamic Bank of Thailand mempunyai lebih banyak cawangan, iaitu dari 18 cawangan menjadi 27 cawangan untuk menampung peningkatan jumlah perniagaan. Operasi perniagaan ibu pejabatnya telah berpindah dari *Khlong Tan* ke Bangunan *Q-House A-soke*<sup>6</sup> iaitu pada bulan Ogos tahun 2006.<sup>7</sup> Dalam operasinya, Bank ini menyediakan pelbagai perkhidmatan produk perbankan Islam terdiri dari produk simpanan seperti akaun simpanan, akaun simpanan *Mudārabah*, *al-Wadī'ah*, dan produk pembiayaan seperti Pembiayaan untuk kegunaan individu, Pembiayaan untuk penindustrian dan perdagangan, Bill dan kontingen (*bill & contingents*), Perkhidmatan perdagangan (*trade financing facilities*).

Bank Islam ini merancang visi dan misi dalam membangunkan sosio-ekonomi masyarakat Islam, dalam operasinya dengan memberi sumbangan terhadap pembangunan industeri kecil dan sederhana, yang mana pihak bank mengeluarkan produk-produk bagi mereka yang berpendapatan rendah seperti produk pembiayaan grass root, pembiayaan Pembiayaan sewa beli kenderaan, Pembiayaan untuk pendidikan, Pembiayaan perumahan dan sebagainya. Perbankan Islam ini juga mengambil berat tentang aktiviti-aktiviti sosial dengan mangadakan penyaluran zakat menurut prinsip *al-Qur'ān*, dengan aktiviti ini juga dapat mengurangkan masalah kemiskinan bagi mereka yang kurang upaya dalam masyarakat Islam di Thailand. Justeru itu, kajian ini akan melihat peranan sistem perbankan Islam yang dijalankan Islamic Bank of Thailand dalam pembangunan ekonomi masyarakat di Patani Selatan Thailand.

---

<sup>6</sup> Terletak di 66 Bangunan Q-House Asoke Jalan Sukhumvit 21, Khlong teae nuar, Wathana, Bangkok Pos kod 10110.

<sup>7</sup>Ibid.,

### **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

Kewujudan Islamic Bank of Thailand telah beroperasi di negara Thailand sebagai institusi kewangan Islam yang terbesar untuk memenuhi keperluan umat Islam dalam menjalani urusan kewangan selaras dengan prinsip Syariah dan Islamic Bank of Thailand juga mempunyai objektif yang penting ialah membangunkan ekonomi masyarakat mengikut landasan Islam. Seperti yang dijelaskan bahawa negara Thai adalah negara Buddha yang tidak mengambil berat tentang sistem kewangan Islam seperti mana yang kita dapat lihat di Malaysia, maka penuhuhan Islamic Bank of Thailand yang berusia hampir satu dekat ini, telah menarik perhatian penduduk dalam dan luar negara tentang operasi sistem perbankan Islam serta dengan memenuhi objektif utama iaitu pembangunan ekonomi yang berteraskan Islam. Justeru itu, dalam kajian ini akan mendedahkan beberapa permasalahan yang akan dijelaskan tentang amalan keseluruhan perbankan Islam yang dijalankan oleh Islamic Bank of Thailand khususnya di wilayah Pattani bagaimana operasinya dan peranan Islamic Bank of Thailand dalam pembangunan ekonomi ummah yang menjadi objektif utama penubuhanya.

### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Daripada latarbelakang dan permasalahan kajian itu, akan dirumuskan dengan beberapa persoalan iaitu;

1. Bagaimanakah amalan perbankan Islam yang beroperasi di Pattani, Selatan Thailand?
2. Bagaimanakah Islamic Bank of Thailand menjalankan operasi produk-produk perbankan Islam dalam pembangunan ekonomi di Pattani, Selatan Thailand?
3. Sejauhmanakah sistem perbankan Islam memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi ummah di Pattani, Selatan Thailand?

## **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

1. Menjelaskan amalan sistem perbankan Islam di Pattani, Selatan Thailand.
2. Mengenalpasti produk-produk dalam sistem perbankan Islam yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi di Pattani, selatan Thailand
3. Menganalisis peranan perbankan Islam dalam pembangunan ekonomi ummah di Pattani, Selatan Thailand.

## **1.6 SKOP KAJIAN.**

Kajian ini berkisar tentang operasi sistem perbankan Islam di Islamic Bank of Thailand (Ibank) di wilayah Pattani tentang peranannya dalam peningkatan ekonomi masyarakat melalui penawaran produk-produk perbankan Islam. Oleh sebab kekangan masa yang terhad, maka penelitian ini hanya dikaji daripada data yang diperolehi pada tahun 2009-2011 di Islamic Bank of Thailand Wilayah Patani, Selatan Thailand sahaja.

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini akan membantu dan memberi penjelasan kepada masyarakat Islam terhadap mekanisme dalam sistem perbankan Islam dan juga akan menjadi panduan kepada pihak Bank Islam dalam mempertingkatkan daya perkhidmatan agar memberi kesan dan memberi kefahaman kepada masyarakat malayu Islam Pattani terhadap sistem perbankan Islam, dan meningkatkan daya perkhidmatan ke arah kemuncak kejayaan menurut perspektif Syariah. Dan bagi pelajar, juga menjadi sebagai rujukan bagi kajian kesinambungan seterusnya.

## **1.8 ULASAN KAJIAN LEPAS**

Tindakan pertama yang perlu dilakukan oleh seserorang penyelidik setelah mengenalpasti masalah yang hendak dikajinya ialah membuat *Literature Review* atau menyoroti hasil kajian-kajian lepas yang ada kaitan dengan masalah itu.<sup>8</sup> Banyak kajian tentang perbankan Islam dan ekonomi pembangunan yang telah dikaji di Malaysia dan negara-negara lain. Malalui pembacaan secara amnya, kajian tentang perbankan Islam dan ekonomi pembangunan di Thailand tidak beberapa banyak dan tidak diperolehi satu kajian pun yang meneliti sistem perbankan Islam dan Peranannya dalam pembangunan ekonomi khusus di Pattani, Selatan Thailand. Namun hanya dibuat secara umum sahaja.

Namun, dari pembacaan penulis terhadap beberapa kajian yang mengkaji institusi-intitusi kewangan Islam di Thailand yang berkaitan dengan sejarah gerakan penubuhan Islamic Bank of Thailand, yang menjadi inspirasi bagi penulis untuk membuat kajian ini. Kajian-kajian tersebut seperti hasil penulisan disertasi sarjana (M.A) seperti kajian yang dibuat oleh Arphandee Hasan di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya tentang pelaksanaan mudarabah dalam Krung Thai Bank PCL., yang beroperasi dalam unit jendela perkhidmatan perbankan Islam yang bertajuk “*Pelaksanaan Mudarabah di Krung Thai Bank Public Company Limited, Wilayah Yala, Thailand : Analisis Menurut Perspektif Islam*”. Kajian tersebut menumpu kepada pelaksanaan Mudarabah yang dilaksanakan di *Islamic Windows* Krung Thai Bank PCL., menurut perspektif Islam. Kajian tersebut bertujuan untuk melihat dari pandangan Islam serta mengkaji kesahihan pelaksanaan Mudarabah di Krung Thai Bank PCL. Hasil dari kajian tersebut

---

<sup>8</sup>Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah : Amalan Dalam Pengajian Islam*, (Kamil & Syakir Sdn. Bhd, 2009), 36.

didapati bahawa pelaksanaan Mudarabah di Krung Thai Bank PCL selaras menurut prinsip Syariah yang telah ditetapkan.<sup>9</sup>

Satu kajian lagi hasil penulisan disertasi (M.A) tentang sistem kewangan Islam di Pattani, yang juga menjadi gambaran bagi penulis untuk membuat kajian ini. Iaitu kajian dibuat oleh Syukri Samae, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya tentang peranan koperasi terhadap pembangunan masyarakat di Thailand, yang bertajuk “ Koperasi Ibn Affan : Sejarah dan Peranannya Dalam Pembangunan Masyarakat Islam Selatan Thailand”. Kajian ini menumpu kepada melihat sejarah dan peranan koperasi Islam iaitu koperasi Ibn Affan dalam pembangunan masyarakat Islam di wilayah Selatan Thailand. Hasil dari kajian tersebut, didapati bahawa sejak pertubuhan koperasi ini, dapat membantu masyarakat Melayu Pattani dari segi pembiayaan dan juga dapat mengumpul dana zakat sebagai bantuan untuk mengagihkan kepada penduduk tempatan yang berhak menerimanya<sup>10</sup>

Fauzi Kado<sup>11</sup>dalam kajian beliau tentang sistem perbankan Islam di Thailand yang menumpu kepada skim pelaburan di Islamic Bank of Thailand yang mana beliau mengkhususkan kepada skim *al-Muḍārabah*. Kajian beliau menjelaskan tentang *Mudarabah* yang dianjurkan oleh Islam seperti definisi sistem perbankan Islam, mendapati bahawa sistem *Mudarabah* yang dilaksanakan di Islamic Bank of Thailand adalah bertepatan dan tidak bercanggah dengan prinsip Syariah dan pendapat para ulama mazhab fiqh seperti amalan pada akad pembukaan akaun

---

<sup>9</sup>Arphandee Hasan, “Pelaksanaan Mudarabah di Krung Thai Bank Public Company Limited, Wilayah Yala, Thailand : Analisis Menurut Perspektif Islam” (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006)

<sup>10</sup>Syukri Samae, “Koperasi Ibn Affan : Sejarah dan Peranannya Dalam Pembangunan Masyarakat Islam Selatan Thailand” (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006)

<sup>11</sup>Fauzi Kado, “Analisis skim pelaburan al-Muḍārabah di Islamic Bank of Thailand” (Disertasi Sarjana Syariah, JSE, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009)

simpanan, akaun semasa, dan pembiayaan pelabuaran berdasarkan prinsip *Mudārabah*. Pelaksanaan pelaburan muḍarabah bagi tempoh masa tertentu, pelaksanaan dengan pengusaha yang ramai, pelaksanaan muḍarabah dari segi pembatalan akad *mudārabah* sebelum tarikh matang tempoh akad dan pelaksanaan pembiayaan *mudārabah* pada bidang usaha yang dibiayai merupakan antara sistem-sistem yang digunakan oleh *Islamic Bank of Thailand* pada hari ini.

Suttijak Jaisamut<sup>12</sup> dalam kajian beliau tentang peranan bank Islam dalam pembangunan masyarakat adalah kajian kualitatif dengan menggunakan metode wawancara terhadap kaki tangan Bank Islam. Kajian ini meneliti dokumentasi hasil implementasi Bank Islam dari tahun 2004-2006 dan menganalisis pandangan kaki tangan tersebut terhadap peranan bank Islam dalam pembangunan masyarakat. Hasil kajian mendapati bahawa implementasi bank Islam tidak berbeza dengan bank konvensional akan tetapi dalam memberi perkhidmatan simpanan dan pembiayaan itu adalah berbeza kerana tidak menggunakan kiraan tingkat bunga dan juga didapati bahawa perkhidmatan bank Islam banyak menuju kepada pembangunan masyarakat dan seterusnya bank Islam yang terletak kawasan bandar mendorong bank berperanan dalam pembangunan sosio-ekonomi dalam kawasan bandar itu. Hasil dari wawancara ahli jawatan kuasa dan kakitangan bank Islam berkaitan dengan produk-produk perbankan Islam didapati bahawa kebanyakan penduduk tidak faham tentang sistem perbankan Islam dan beranggap bank Islam itu hanya untuk orang Islam sahaja.

Surapong Sirilimp dalam kajiannya dalam bahasa Thai tentang operasi perkhidmatan perbankan Islam di Thailand, yang beroperasi di 4 buah bank di Thailand. Kajian didapati bahawa *The Goverment Saving Bank (GSB), Bank for Agriculture and Agricultural Cooperatives*

---

<sup>12</sup> Suttijuk Jaismut, “Bot bath khong Thanakhan Islam tor karn patthana chumchon” (Peranan Bank Islam dalam Pembangunan Masyarakat), (Disertasi Sarjana, Master of Art, Universiti Ramkhamhaeng, Bangkok, Thailand, 2007)

(BAAC), Krung Thai Bank PLC. (KTB) dan The Islamic Bank of Thailand, bank yang telah menawarkan perkhidmatan perbankan Islam hanya bank yang dimiliki kerajaan dan bank komersial sahaja. Kesemua 4 buah bank yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam itu berbeza dengan satu sama lain, tidak ada panduan yang sama dalam penawaran perkhidmatan.<sup>13</sup>

Sudin Haron dan Kumajdi Yamirudeng dalam kajian mereka tentang sistem perbankan di Thailand dari prospek dan cabaran.<sup>14</sup> Dalam kajian ini juga beliau mengklasifikasikan bank-bank yang beroperasi di Thailand dan membincangkan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh sistem perbankan Islam di Thailand. Cabaran yang diketengahkan dalam kajian ini adalah wilayah ekonomi, penerimaan orang ramai, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan dan sumber manusia. Di tengah-tengah cabaran itu, prospek bagi sistem perbankan baru ini sebagai alternatif kepada sistem perbankan yang sedia ada

Sistem perbankan konvensional masih kekal, pada masa itu umat Islam majoriti yang tinggal di Wilayah Selatan, terdapat kemungkinan besar bahawa bank-bank Islam di Thailand akan muncul sebagai institusi kewangan utama di masa depan. Untuk memastikan kejayaan mereka, pengurusan bank-bank ini mestilah berorientasikan pelanggan, inovatif, kreatif, dan mudah terdedah kepada sebarang kemungkinan perubahan dalam pasaran. Kerajaan juga perlu memainkan peranan penting dalam menyediakan persekitaran yang kondusif untuk Islam bank untuk beroperasi. Peraturan yang sesuai dan peraturan-peraturan perlu diperkenalkan untuk melindungi kedua-dua bank dan pelanggan. Sebagai pemain pasaran baru, bank Islam menghadapi peluang-peluang pelaburan yang terhad. Salah satu daripada langkah-langkah yang

---

<sup>13</sup> Surapong Sirilimp, “Karn Prakob Kijakarn Thang Karn Ngen Tam Lak Sasana Islam Nai Prathet Thai : Suksa Korani Thanakhan Islam Haeng Prathet Thai” ( Operasi Perkhidmatan Kewangan Islam di Thailand : Kajian Kes di Islamic Bank of Thailand) (Disertasi Master of Laws, Universiti Ramkhamhaeng, Bangkok, Thailand, 2003)

<sup>14</sup> Sudin Haron & KuMajdi Yamirudeng “Islamic Banking in Thailand: Prospects and Challenges ” *Jurnal Perkhidmatan Kewangan Islam Antarabangsa* 5, no. 2(2002)

boleh diambil oleh kerajaan untuk mengatasi had ini adalah melalui terbitan bon Islam dan bil. Akhir sekali, kerjasama di kalangan negara-negara Islam, terutamanya Malaysia adalah paling utama dalam membantu Thailand untuk membangunkan sistem perbankan Islam yang lebih menyeluruh.

Tidak boleh dinafikan bahawa kesemua kajian tersebut, dapat memberi inspirasi dan gambaran kepada penulis untuk menjalankan kajian ini, yang bertajuk : *Peranan Sistem Perbankan Islam dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Pattani, Selatan Thailand*, dengan melihat corak Pelaksanaan perbankan Islam dan Peranannya dalam pembangunan ekonomi masyarakat di Pattani, Selatan Thailand.

Selain dari kajian yang berkaitan dengan sistem perbankan Islam di Thailand. Kajian-kajian tentang sistem perbankan Islam dari Negara-negara lain juga didapati seperti di Malaysia, Timur tengah, dan sebagainya yang membantu penulis dalam menjalankan kajian penulis ini, antaranya :

Ab. Mumin Ab. Ghani<sup>15</sup> dalam bukunya yang membahas tentang sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia, yang cuba memperjelaskan dengan agak terperinci mengenai sejarah perkembangan sistem perbankan Islam, konsep dan bentuk pelaksanaan sistem perbankan Islam dalam sebuah negara multi agama, bangsa dan kebudayaan. Buku ini memperjelaskan bagaimana rupa bentuk dan kerangka suatu sistem kewangan yang dikatakan sebagai sistem kewangan Islam dan cuba membuktikan juga bahawa bank Islam serasi dan berdaya maju untuk dilaksanakan dalam dunia kewangan ini. Dalam buku ini juga, cuba

---

<sup>15</sup> Ab.Mumin Ab.Ghani, *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999)

memperlihat bagaimana prinsip Syariah boleh membentuk produk dan instrumen kewangan Islam yang berdaya maju untuk dilaksanakan dalam masyarakat moden.

M. Mansoor Khan and M. Ishaq Bhatti<sup>16</sup> dalam bukunya membincangkan beberapa topik yang berkaitan dengan perkembangan dan pelaksanaan sistem perbankan Islam di Pakistan. Dalam buku ini, bermula dengan memperkenalkan sistem perbankan Islam dan diikuti dengan menjelaskan amalan perbankan Islam kepada beberapa tahap, tahap pertama iaitu tahun 1981-1991 yang merupakan tahap awal dalam perubahan dalam usaha Islamisasi sistem perbankan di Pakistan, namun usaha ini telah pun tidak Berjaya. Seterusnya tahap kedua pada tahun 1992-1998 adalah tahap usaha-usaha untuk Menghidupkan semula perbankan dan kewangan Islam di Pakistan dengan berusaha yang lebih keras untuk islamisasi sistem perbankan, tetapi masih lagi tidak Berjaya. Tahap yang ketiga iaitu tahun 2001 apabila Kerajaan dapat keputusan untuk menggalakkan perbankan Islam secara beransur-ansur serasi dengan amalan terbaik di peringkat antarabangsa. Dalam buku ini, penulis juga merumuskan beberapa punca kegagalan dalam pelaksanaan perbankan Islam dan kewangan di Pakistan.

Munawar Iqbal dalam tulisannya “Development, History, and prospects of Islamic Banking”<sup>17</sup> yang membincangkan perkembangan sistem perbankan Islam dari sejak tahun 1950 sehingga tahun 2000 yang menjelaskan evolusi sistem perbankan Islam secara terperinci pada satu tahap ke satu tahap. Hasil dari tulisan ini, yang cuba melihat dari hasil pengalaman sistem perbankan Islam lebih dari 50 tahun telah menjelaskan bahawa perbankan Islam adalah satu aktiviti yang berdaya maju, boleh dipercayai, tertakluk kepada taraf pengawalseliaan yang sama

---

<sup>16</sup> M. Mansoor Khan and M. Ishaq Bhatti, *Developments in Islamic Banking The Case of Pakistan* (Palgrave Macmillan Studies in Banking and Financial Institutions, 2008)

<sup>17</sup> Munawar Iqbal, “Development, History, and prospects of Islamic Banking” dalam “*The Foundations of Islamic Banking: Theory, Practice and Education*, ed. Mohamed Ariff, Munawar Iqbal (UK:Edward Elgar Publishing Limited, 2011), 73-85.

di bawah bidang kuasa yang berautoriti. di samping itu, pihak yang berkenaan dengan sistem perbankan Islam perlu mengambil berat tentang pelaksanaan dan operasinya dengan mematuhi pengawasan dan undang-undang yang ketat.

Muhammad Ibrahim Miqdad dan Salim Abdullah Hals<sup>18</sup> dalam kajian yang membincangkan peranan perbankan Islam dalam pembangunan ekonomi di Palestin. Penyelidikan ini bergantung kepada terbitan dan data primer yang dikumpul daripada bank Islam dan cawangan yang beroperasi di semenanjung Gaza, dan melalui soal selidik yang direka bentuk untuk kajian ini. Kajian ini mengesahkan peranan bank Islam dalam pembiayaan ekonomi pembangunan dari sudut pandangan teori, tetapi hasil kajian lapangan terdapat bahawa bank-bank Islam di Palestin tidak dapat memainkan peranan ini. Walaupun keputusan menunjuk bahawa bank Islam berjaya dapat sokongan dan mengumpul jumlah deposit, akan tetapi mereka gagal untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan perbankan terutama di Palestin. Dalam penulisan ini, pengkaji membuat beberapa cadangan dari sudut pembangunan perbankan Islam, yang kebanyakannya tergantung pada perhatian perancangan dan mencari alternatif kepada pembiayaan Murabahah dan kepentingan Mudarabah, Musyarakah. Dan ini termasuklah mangadakan peraturan yang jelas untuk diguna pakai mengikut keadaan sebenar di Palestin.

Shahid Saleem<sup>19</sup> dalam hasil penulisan kertas kerja beliau yang mengkaji dan memberikan makna sebenar pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam. Dalam kertas kerja ini juga mempunyai 2 bahagian utama iaitu pertama : Islam dalam pembangunan ekonomi dan yang kedua : Penggunaan perbankan dan kewangan Islam untuk pembangunan ekonomi di

---

<sup>18</sup>Muhammad Ibrahim Miqdad dan Salim Abdullah Hals, “Daur al-Bunūk al-Islāmiah fi al-Tanmiyyah al-Iqtisādiyyah fi Filasṭin” (Kertas Kerja Kuliah al-Tijārah, al-Jāmiah al-Islāmiyyah-Gaza, Palestin, 2005).

<sup>19</sup>Shahid Saleem, “Role of Islamic Banks in Economic Development” (A Working paper exploring the meaning of Development in Islamic perspective and suggestions regarding possible utilization of Islamic banking for development of Pakistan, 2008).

Pakistan. Dalam kajian beliau juga menjelaskan model dalam pembangunan ekonomi dan membahaskan lagi tentang mekanisme dan cara pelaksanaan sistem perbankan menurut perspektif Islam.

Sofyan<sup>20</sup> dalam kajian beliau tentang Peranan perbankan Islam dalam pembangunan sosio-ekonomi di Nanggroe Aceh Darussalam, yang cuba mengenal pasti pelbagai permasalahan yang dihadapi dalam operasi perbankan Islam di Aceh dan cuba mencari solusi terhadap masalah tersebut, serta menganalisis prospek dan peranan perbankan dalam pembangunan sosio-ekonomi daerah. Kajian ini lebih menumpukan pada analisis amalan operasi BPR Syariah di Aceh mendapati bahawa penubuhan BPR Syariah dan aktiviti-aktiviti perbankan Syariah di Aceh selama ini telah berjaya memperolehi sokongan dari masyarakat Aceh secara keseluruhan dan dapati juga bahawa BPR Syariah memiliki peranan yang amat penting dalam menggerakkan perekonomian masyarakat di kawasan luar bandar dalam membiayai usaha projek-projek ekonomi yang produktif. Hasil kajian ini mendapati bahawa BPR Syariah di Aceh ternyata berjaya mendorong meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat kawasan luar bandar melalui perluasan penyediaan lapangan pekerjaan dan kesempatan berusaha secara adil dan merata.

Dewi Hartin<sup>21</sup> dalam kajian peringkat sarjana (M.A) tentang peranan Bank Pengkreditan Rakyat Syariah dalam pembangunan ekonomi umat di Sumatera utara di Indonesia mendapati bahawa Bank Pengkreditan Rakyat Syariah memiliki peranan yang amat penting dalam membantu mengembangkan perekonomian umat Islam di Sumatera Utara, khususnya bagi para peniaga kecil dan masyarakat berekonomi lemah lainnya. Usaha-usaha yang dilakukan olehh

<sup>20</sup> Sofyan “Peranan perbankan Islam dalam pembangunan sosio-ekonomi daerah di Nanggroe Aceh Darussalam” (Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004)

<sup>21</sup> Dewi Hartini, “Peranan Bank Pengkreditan rakyat syariah (BPRS) dalam pembangunan ekonomi umat Islam di Sumatera Utara, Indonesia” (Disertasi Sarjana pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007)

BPRS dalam membantu perekonomian umat dapat dibahagi kepada dua jenis iaitu penyimpanan wang dan bantuan modal (kewangan) kepada para peniaga, petani dan lainnya.

Helda Rahmi Sina dalam tesis Ph.D nya yang bertajuk “*Sistem Perbankan Syariah dan Pelaksanaannya di Indonesia*”<sup>22</sup> mendedahkan beberapa permasalahan penting tentang perbankan Syariah di Indonesia mulai daripada sejarah dan latarbelakang penubuhannya, cabaran-cabaran yang dihadapi, pekembangannya serta beberapa analisis tentang produk-produknya dan amalannya di Indonesia. Kajian ini didapati bahawa masih banyak terdapat kelemahan-kelemahan, halangan dan cabaran-cabaran dalam proses pengembangan institusi perbankan syariah di Indonesia.

Heri Sunandar dalam hasil penulisan tesis doktor falsafah yang bertajuk “*Sistem Perbankan Syariah dan Peranannya dalam Peningkatan Ekonomi Ummah : Kajian Kes Perbankan Syariah di Provinsi Riau-Indonesia*”<sup>23</sup> dalam kajian beliau yang menghurai dan mengkaji tentang implementasi sistem perbankan Syariah, kemudian bagaimana perkembangan, permasalahan, penyelesaian masalah, sikap dan persepsi masyarakat serta paranannya dalam peningkatan ekonomi masyarakat. Hasil kajian didapati bahawa sistem perbankan syariah pada umumnya telah diterapkan dengan baik dalam industri perbankan di Indonesia, namun masih mengalami pelbagai masalah, antaranya masalah kerangka undang-undang, inovasi produk perbankan syariah dan lain-lain.

---

<sup>22</sup> Helda Rahmi Sina, “*Sistem Perbankan Syariah dan Pelaksanaannya di Indonesia*”(Tesis Ph.D.,JSE, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007)

<sup>23</sup> Heri Sunandar, “*Sistem Perbankan Syariah dan Peranannya dalam Peningkatan Ekonomi Ummah : Kajian Kes Perbankan Syariah di Provinsi Riau-Indonesia*” (Tesis kedoktoran, JSE, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006)

Satu penelitian tentang ekonomi pembangunan yang bertajuk “*Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam*”<sup>24</sup> oleh Joni Tamkin bin Borhan(2008), disimpulkan bahawa pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam adalah Syumul, menyeluruh dan bersepadu antara aspek rohani dan kebendaan malalui pendekatan fungsi kebajikan sosial dalam Islam untuk mencapai kecekapan penggunaan, pengeluaran dan pengagihan pendapatan. Selain dari itu, disebut dalam tulisannya tentang teori pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam adalah asas pembentukan Ummah yang bertamadun, ummah yang teguh rohaninya dan Ummah yang mencapai *al-Falah* (kejayaan) di dunia dan akhirat.

Achmad Tohirin dalam tulisannya tentang perbankan Islam yang bertajuk “*Implimentasi perbankan Islam : Pengaruh sosio-ekonomi dan peranannya dalam pembangunan*”<sup>25</sup> mendapatkan bahawa implementasi perbankan Islam yang tepat pada akhirnya diyakini mampu meningkatkan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan. Misalnya yang diteliti oleh beliau adalah ditandai dengan naiknya pendapatan masyarakat, partisipasi dan distribusi penggunaan dana yang lebih merata. Secara ringkasnya, eksistensi sistem perbankan Islam yang benar dapat mendorong kesejahteraan masyarakat secara kualitatif dan kuantitatif dan mengurangkan kemiskinan. Hasil pelaksanaan sistem perbankan Islam akan mendorong tercapainya tujuan Syariah Islam yaitu mewujudkan kesejahteraan masyarakat yang semakin baik termasuklah kesejahteraan ekonomi.

Kesemua kajian tersebut, hanya dibuat secara am dan juga khas pada lokasi tertentu sahaja, tidak ada kajian khusus yang berkaitan dengan sistem perbankan Islam dan perananya di

---

<sup>24</sup>Joni Tamkin Bin Borhan (2008) “ Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam,” *Jurnal Usuluddin* .27 (2008), 93-107.

<sup>25</sup> Achmad Tohirin (2003) “Implimentasi Perbankan Islam : Pengaruh Sosio-Ekonomi dan Peranannya dalam Pembangunan”, *Jurnal Ekonomi Pembangunan, Fakulti Ekonomi Universiti Islam Indonesia* 8, no. 1, Jun (2003), 73-88.

Pattani Selatan Thailand secara langsung, maka ada ruang bagi pengkaji untuk mengkaji. Penulis berhasrat untuk membuat kajian tentang peranan sistem perbankan Islam (Ibank) dalam pembangunan ekonomi ummah.

## **1.9 METODOLOGI KAJIAN<sup>26</sup>**

Apabila membincangkan proses-proses yang berlangsung dalam penyelidikan, ia lebih bermaksud kaedah-kaedah yang digunakan sepanjang kajian dijalankan. Proses ini termasuklah kaedah mengumpul data cara untuk menguji kaedah yang dibentuk untuk memastikan kekuatannya, kaedah penilaian data bagi memastikan hanya data yang terbaik yang dianalisis dan akhirnya menganalisis data tersebut.

### **1.9.1 METODE PENGUMPULAN DATA<sup>27</sup>**

Metode ini digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada data-data sedia ada tentang kajian yang melibatkan konsep sistem perbankan Islam. Data data ini diperolehi dari jurnal, artikel dan bahan ilmiah. Data ini selalunya bertujuan untuk mendapatkan idea awal tentang subjek kajian dan meneliti kajian kajian lepas yang dibuat untuk mencari landasan baru bagi masalah yang dikaji. Kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat sekunder yang digunakan dalam kajian ini ialah;

#### **a) Penyelidikan Perpustakaan**

---

<sup>26</sup>Ialah sains bagi mencari jawapan kepada soalan-soalan khusus yang telah dikemukakan tentang sesuatu masalah. Lebih lanjut lihat Ahmad Muhammad Zain Ayob (1992) *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi : satu pengenalan*. Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka; Idris Awang (Dr.) (t.t) *Kaedah Penyelidikan : satu Review*, diedarkan kepada pelajar kursus sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Sesi 1999-2000, h.32-33.

<sup>27</sup> Data ialah apa jua maklumat dalam apa jua bentuk yang dikumpul dengan tujuan untuk dianalisis. Data boleh jadi dalam bentuk fakta, keterangan, pendapat, reaksi, ekspresi emosi dan sentimen, sikap, bilangan, pecahan, peratusan dan sebagainya, lihat lebih lanjut dalam Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah : Amalan Dalam Pengajian Islam*, (Kamil & Syakir Sdn. Bhd, 2009), 67.

Metode dokumentasi ini mengutamakan penyelidikan perpustakaan, baik perpustakaan di peringkat negara, negeri, Jabatan atau Universiti. Sumber-sumber ini dapat menyumbangkan maklumat-maklumat yang diperlukan dalam kajian. Di antara bentuk-bentuk sumber dokumentari yang sering digunakan dalam penyelidikan ialah buku-buku, majalah, laporan, kertas-kertas seminar dan sebagainya Kebanyakan sumber ini dapat diperoleh di perpustakaan. Oleh itu, ia dinamakan penyelidikan perpustakaan. Justeru, melalui kaedah ini, ia membantu pengkaji mendapat gambaran awal mengenai konsep perbankan Islam dan pembangunan ekonomi serta istilah-istilah yang berkaitan dengannya.

Pengumpulan data melalui kaedah ini diperolehi daripada beberapa buah perpustakaan iaitu, seperti : Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan Perpustakaan Jonh F Kennedy, Prince of Songkhla University, Pattani, Thailand.

Kecanggihan teknologi pada masa kini merancakkan proses dapatan data. Kecanggihan dan kepentasan teknologi maklumat menjadikan maklumat kini adalah lebih kaya, interaktif dan wujud dalam pelbagai format, media dan multimedia. Oleh itu, penggunaan multimedia seperti laman sesawang, web blog dan seumpamanya dalam mendapatkan data dan maklumat mengenai sesuatu isu dan permasalahan merupakan salah satu daripada kaedah mengumpulkan data yang diaplikasikan.

### **b) Penyelidikan Lapangan**

selain dari pada penyelidikan perpustakaan yang menjadi sumber ilmiah bagi kajian ini, penyelidikan lapangan juga digunakan bagi melengkapkan lagi sebuah disertasi yang

dilaksanakan oleh penulis. Penyelidikan ini bertujuan untuk menyelidiki secara langsung “Sampel” yang dipilih dan diteliti iaitu “Islamic Bank of Thailand”. Ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat dan data-data yang berkaitan dengan tajuk disertasi ini. Penyelidikan lapangan ini, penulis juga menggunakan metode yang berlainan bagi memperolehi maklumat-maklumat yang diperlukan dalam penyelidikan ini, iaitu;

**i) Metode Dokumentasi**

Metode ini lebih bersifat kajian perpustakaan. Penulis banyak bergantung kepada dokumen-dokumen yang berkaitan dengan perkara yang dikaji, iaitu data-data berkenaan dengan produk-produk perbankan Islam di Islamic Bank of Thailand dan sebagainya. Hal ini terdapat dalam bab ketiga, keempat, bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan seperti buku-buku ilmiah, majalah, jurnal dan sebagainya. Selain itu, dokumen-dokumen yang diperolehi ini juga mengambil kira kesahihan dan kepercayaan untuk menghasilkan maklumat-maklumat berautoriti.

**ii) Metode Temubual (wawancara)**

Metode ini bertujuan untuk mendapat maklumat dan keterangan secara lisan daripada responden dengan menemubual (wawancara) responden tersebut dengan menggunakan metode ini, untuk memperolehi maklumat-maklumat tambahan untuk kajian ini. Temubual dilakukan keatas mereka yang mempunyai kaitan dengan Islamic Bank of Thailand dan kakitangan-kakitangannya. Dengan metode ini, ia sangat berkesan untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan terperinci sebagai data-data yang berbentuk primer. Temubual yang dibuat oleh penulis adalah secara formal dan tidak formal. Temubual formal dibuat apabila penulis menulis menyediakan soalan tertentu untuk dituju kepada responden. Temubual tidak formal pula

terhasil akibat keinginan penulis untuk mengetahui secara jelas perkara yang dibincangkan. Dalam hal ini, soalan-soalan yang ditujukan adalah bersifat spontan dan tidak dirancang.

#### **Senarai responden temubual (Pegawai Islamic Bank of Thailand)**

1. Temubual dengan Penvadee Sehsamae, Hari Isnin 28 Jan 2013, jam 10.30 pagi, bertempat di biliknya pejabat Islamic Bank of Thailand cawangan Pattani.
2. Temubual dengan Adul, Hari Jumaat 1 Feb 2013, Jam 14.30 Petang, bertempat di biliknya Islamic Bank of Thailand, Cawangan Yarang.
3. Temubual dengan Anuwat Tongkomong, Hari Rabu 6 Feb 2013, Jam 14.30 Petang, bertempat di biliknya Islamic Bank of Thailand, Cawangan Saiburi.
4. Temubual dengan Abdullah Hayeesaid, Pengurus bahagian penyelarasan rangkaian, Pusat Pattani, Bahagian pembangunan ekonomi 5 wilayah Selatan Thailand. Hari Sabtu 16 Feb 2013, Jam 10.30 pagi, bertempat di rumahnya.

#### **Senarai responden temubual (Pelanggan Islamic Bank of Thailand)**

1. Temubual dengan Rokaya Salaboo, pelanggan di bawah produk akar umbi, Pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand. Pada 3 April 2013, Jam 14.00, bertempat di rumahnya.
2. Temubual dengan Salama Waji, pelanggan di bawah produk projek pembangunan kerjaya kerajaan, Pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand. pada 6 April 2013, Jam 10.00 pagi, bertempat di rumahnya.
3. Temubual dengan Maesong Uma, pelanggan di bawah buruh Thai yang bekerja di Malaysia, Pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand. pada 7 April 2013, Jam 10.00, bertempat di rumahnya.

4. Temubual dengan Sa-aree Jusae, pelanggan di bawah produk pakaian Muslim, Pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand. Pada 10 April 2013, Jam 11.00 pagi, bertempat di rumahnya.
5. Temubual dengan Issama-ae Jehteh, pelanggan di bawah produk makanan halal runcit, Pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand. pada 16 April 2013, Jam 11.00 pagi, bertempat di rumahnya.

#### **Senarai responden temubual ( BC dan FO Islamic Bank of Thailand)**

1. Temubual dengan Ismail Samaeng, Bank Coordinator (BC), Pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand. Pada 20 April 2013, Jam 17.00, bertempat di rumahnya.
2. Temubual dengan Hussam Hayeetahe, Field Officer (FO), Pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand. Pada 23 April 2013, Jam 12.00, bertempat di pejabatnya.

#### **c) Metode Historis atau Persejarahan**

Metode Historis atau Persejarahan ini adalah penyelidikan yang dilakukan dengan melihat dari sudut sejarah sesuatu masalah. Tujuan penggunaan metode ini adalah untuk mendapatkan data-data berbentuk sejarah hasil daripada dokumen-dokumen yang berkaitan dengan masalah tersebut. Metode ini digunakan oleh penulis untuk memperolehi data mengenai kejadian lampau terutama sejarah Patani, sejarah operasi bank Islam di Thailand seperti Islamic Bank of Thailand, Krung Thai Bank, Goverment Saving Bank. Penulis akan digunakan pada bab yang pertama dan yang ketiga.

#### d) Melayari Internet

Dalam menjalankan kajian ini pengkaji akan mencuba menggunakan kecanggihan teknologi iaitu internet dalam mencari maklumat yang berkaitan dengan subjek penelitian iaitu bank Islam, seperti ;

- i) Islamic Bank of Thailand, <http://www.ibank.co.th/2010/th/main/> 12/2/2012
- ii) National Statistical Office <http://service.nso.go.th/nso/nsopublish/districtList/S010107/th/78.htm> 15/3/2012
- iii) Majlis Agama Islam Wilayah Pattani  
[http://www.maip.in.th/home/index.php?option=com\\_content&view=article&id=14:2010-08-27-08-53-29&catid=2:2010-08-27-04-25-28&Itemid=315](http://www.maip.in.th/home/index.php?option=com_content&view=article&id=14:2010-08-27-08-53-29&catid=2:2010-08-27-04-25-28&Itemid=315) 3/2012
- iv) <http://www.oknation.net/blog/print.php?id=250369> 7/5/2012.

#### 1.9.2 Metode Analisis Data

Analisis data boleh difahami dengan proses menghuraikan masalah kajian berdasarkan persoalan kajian (*Research Questions*).<sup>28</sup> Data merupakan bahan mentah. Sebagaimana bahan mentah, data tidak akan memberi sebarang maklumat yang berguna mengenai sesuatu masalah yang dikaji kecuali ia di analisis dengan menggunakan kaedah-kaedah yang tertentu. Penganalisisan data merupakan aktiviti untuk memperolehi maklumat yang berguna daripada data mentah.

Apabila sumber data diperolehi melalui metode yang disebut di atas, maka pengkaji perlu menganalisis data tersebut untuk menjelaskan sesuatu keadaan, membuktikan yang dibuat atau menjawab persoalan-persoalan yang timbul semasa proses pengumpulan data tersebut dilakukan. Maklumat yang diperolehi akan pengkaji bandingkan sumbernya untuk memastikan sumber yang terkuat dan maklumat yang paling sahih untuk dijadikan pegangan.

---

<sup>28</sup>Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah : Amalan Dalam Pengajaran Islam*, (Kamil & Syakir Sdn. Bhd, 2009), 94.

### **a) Metode Induktif**

Metode Induktif bererti kaedah berdasarkan logik akal. Kaedah induktif ini merupakan proses membuat rumusan, prinsip atau hukum berdasarkan sampel yang telah diberikan. Melalui metode ini, kajian mengumpulkan maklumat secara berterusan bagi menjelas atau menghurai fenomena yang dikaji. Metode ini digunakan untuk mencari pembuktian dari perkara-perkara khusus kemudian daripada bukti-bukti tersebut pengkaji akan membuat satu kesimpulan.<sup>29</sup> Penulis menggunakan metode ini dalam meneliti pandangan para ulama silam dan ulama kontemporari terhadap pemahaman yang digunakan oleh mereka tentang konsep pembangunan dan sistem perbankan Islam, Metode ini digunakan dalam bab kedua.

### **b) Metode Deduktif**

Metode ini menerangkan tentang penghuraian permasalahan yang didapati dengan cara melibatkan perinsip umum yang dapat dikutip dan diterjemahkan ke dalam hipotesis untuk cadangan yang tepat dan khusus. Metode ini akan digunakan dalam menanalisis data-data yang diperolehi sama ada melalui temubual, dokumentasi, laporan-laporan serta sumber-suber lain terkait. Dengan metode ini juga penulis dapat mempraktikkan dalam bab yang berkaitan dengan prinsip-prinsip syariah yang terkandung dalam bab kedua. Dalil-dalil al-Qur'an, Hadith, akan diutamakan kemudian akan dihuraikan dalam bentuk yang lebih khusus.<sup>30</sup>

## **1.10 SISTEMATIKA KAJIAN**

Kajian ini terbahagi kepada lima bab iaitu :

---

<sup>29</sup> Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah : Amalan Dalam Pengajaran Islam*, (Kamil & Syakir Sdn. Bhd, 2009), 101.

<sup>30</sup>Ibid.,

Pada bab pertama merupakan bab pendahuluan, penulis membincarakan tentang latarbelakang kajian, persoalan kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan kajian lepas, dan metodologi kajian. Bagi menjalankan kajian ini penulis menggunakan dua metode iaitu metode pengumpulan data dan metode penganalisisan data.

Pada bab kedua akan membincangkan tentang sistem perbankan dalam Ekonomi Islam yang akan membincarakan latarbelakang sejarah sistem kewangan Islam dari awal Islam dan zaman moden, konsep pembangunan ekonomi Islam dan objektif sistem perbankan Islam, perbezaan di antara sistem perbankan Islam dan sistem perbankan konvensional. Juga disertakan dengan prinsip-prinsip syariah yang digunakan dalam sistem perbankan Islam.

Pada bab ketiga akan membincarakan tentang sistem perbankan Islam di Thailand, latarbelakang sistem kewangan Islam di Thailand, sejarah gerakan penubuhan Islamic Bank of Thailand dan juga rangka kerja dalam sistem perbankan Islam dan menjelaskan pelaksanaan Islamic Bank of Thailand dan produk-produk yang diaplikasikan dalam Pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand dan mengklasifikasikan produk yang amat berpengaruh terhadap pembangunan ekonomi ummah di Islam di Islamic Bank of Thailand.

Pada bab keempat akan menganalisis sistem perbankan Islam di Islamic Bank of Thailand dan peranannya dalam pembangunan dari sudut ekonomi dan juga sosial masyarakat umum di Patani, Selatan Thailand dan juga disertakan dengan kesimpulan.

Pada bab kelima adalah bab yang terakhir atau bab kesimpulan, pada bab ini akan membincangkan tentang kesimpulan daripada keseluruhan hasil kajian sebagai rumusan melalui bab-bab yang lepas. Pada bab ini juga, akan memfokuskan kemuncak bagi keseluruhan kajian bagaimanakah peranan Islamic Bank of Thailand dalam pembangunan ekonomi ummah di

Pattani, Selatan Thailand dan juga diikuti dengan saranan-saranan dan cadangan-cadangan yang dianggap berguna dan membina untuk Islamic Bank of Thailand dan pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand.

### **1.11 KESIMPULAN**

Dalam rangka kajian ini sangat penting untuk mengetahui sistem perbankan Islam di Pattani, serta juga dapat mengetahui bagaimana Islamic Bank of Thailand memainkan peranan dalam menolong dan membantu rakyat di kawasan wilayah Pattani, Selatan Thai. Kajian ini lebih menumpu kepada menganalisis dokumen-dokumen yang diterbitkan oleh Islamic Bank of Thailand dengan membuat analisis dari maklumat agensi Islamic Bank of Thailand. Untuk memperkuatkan lagi kajian ini, penulis juga mengambil pandangan dari pengurus Bahagian pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thai, Pusat Pattani dan beberapa orang pengurus Islamic Bank of Thailand cawangan-cawangan wilayah Pattani untuk mengetahui pandangan mereka tentang pelaksanaan Islamic Bank of Thailand wilayah Pattani.

## **BAB II**

### **SISTEM PERBANKAN DAN PEMBANGUNAN DALAM EKONOMI ISLAM**

#### **2.1 PENGENALAN**

Pada bab yang kedua ini penulis akan menjelaskan tentang perbankan dalam sistem ekonomi Islam. Di antara tajuk-tajuk yang akan dibincangkan iaitu definisi sistem perbankan, model pelaksanaannya, pengharaman Ribā dalam Islam, sejarah perkembangan sistem perbankan pada zaman awal Islam dan zaman moden, objektif sistem perbankan Islam dan perbezaan antara sistem perbankan Islam dan sistem perbankan konvensional dan konsep pembangunan dalam ekonomi Islam.

#### **2.2 MODEL PELAKSANAAN PERBANKAN ISLAM**

Model pelaksanaan perbankan Islam di negara-negara Islam terutamanya bagi 57 buah negara yang menjadi anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)<sup>31</sup> dibahagikan kepada empat kelompok berikut :<sup>32</sup>

1. Mempunyai hanya satu sistem perbankan sahaja iaitu sistem perbankan Islam Ialah tiga negara sahaja Iran, Pakistan dan Sudan.
2. Mempunyai dwi-sistem (*Dual-System*) iaitu sistem perbankan Islam yang beroperasi selari dengan sistem konvensional yang sedia ada. Negara ini ialah Malaysia, Malaysia merupakan negara Islam pertama yang mempunyai sistem perbankan Islam yang komprehensif dan cekap yang beroperasi bersama-sama (*side by side*) dengan sistem perbankan konvensional.

---

<sup>31</sup>Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), dicapai 24 September 2012 [http://www.oic-oci.org/member\\_states.asp](http://www.oic-oci.org/member_states.asp)

<sup>32</sup>Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 262.

3. Mempunyai sistem “*Konvensional Campur*” (*Conventional Plus System*) iaitu sistem perbankan yang ada pada asasnya adalah sistem konvensional dengan beberapa buah institusi bank Islam yang beroperasi di pinggiran. Negara-negara ini adalah Arab Saudi, Bahrain, Bangladesh, Brunei, Mesir, Guinea, Indonesia, Jordan, Kuwait, Niger, Qatar, Senegal, Tunisia, Turki dan Arab Emirat.
4. Mempunyai hanya satu sistem konvensional sahaja. Negara-negara ini belum melaksanakan perbankan Islam walaupun negara itu adalah negara Islam atau mempunya penduduk Muslim yang teramai. Negara-negara ini ialah Afghanistan, Albania, Azerbaijan, Benin, Burkina Faso, chad, Cemeroon, Comoros, Djibouti, Gabon, Gambia, Guinea Bissau, Iraq, Kyrgzsten, Lybia, Lebanon, Mali, Mauritius, Maldives, Nigeria, Oman, Palestin, Maghribi, Sierra, Somalia, Syria, Uganda, Turkmenistan, Yaman, Tajikistan dan Mozambique.

### **2.3 DEFINISI SISTEM PERBANKAN ISLAM**

Perkataan Bank berasal dari bahasa Italia yaitu *Banco* yang bererti kepingan papan yang digunakan sebagai tempat meletakkan buku iaitu sejenis meja. Kemudian berubah semakin luas yaitu sebagai meja tempat menukar wang. Aktiviti ini dilakukan oleh para pemberi pinjaman (*Creditor*) dan para penukar wang di Eropah untuk mempamerkan wang mereka kepada pedagang dan orang-orang yang berlayar. Aktiviti ini telah mulai dilakukan pada abad pertengahan dan dari sini lahir timbul istilah “Bank”.<sup>33</sup>


Perbankan Islam dapat didefinisikan sebagai perbankan yang selaras dengan sistem nilai dan etos Islam. Ia juga dikatakan sebagai setiap pertubuhan yang terlibat secara langsung dengan amalan kewangan yang berdasarkan Syariah Islam dan menggunakan kaedah-kaedah fiqh. Al-

---

<sup>33</sup> Irsyad Lubis, *Bank dan Lembaga Keuangan lain* (Perpustakaan Nasional : Katalog Dalam Terbitan (KDT), USU Press, 2010), 1.

Najjar mendefinisikan secara umum tentang sistem perbankan Islam sebagai pertubuhan kewangan yang mengumpul dana dan menjalankan operasinya dalam lingkungan Syariah Islam dengan tujuan membina kesatuan masyarakat Islam bagi merealisasikan keadilan pengagihan serta menggunakan dana-dana itu mengikut landasan Islam.<sup>34</sup>

Perbankan Islam adalah perbankan yang menawarkan produk-produk kewangan yang berasaskan prinsip-prinsip Syariah. Konsep dan mekanisme operasi telah berubah daripada konsep pinjam meminjam yang menjadi asas bagi sistem perbankan konvensional kepada konsep jual beli, perkongsian, kerjasama dan sebagainya. Islam sebagai agama yang universal memiliki kitab suci al-Qur'an sebagai sumber nilai utama,<sup>35</sup> dalam memenuhi prinsip Islam yang diperlembagai oleh al-Qur'an dalam larangan ribā, yang mana ditegaskan dalam al-Qur'an :



Terjemahan : *Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba*

(al-Baqarah 2:275)

Sistem perbankan Islam adalah sistem penghapusan riba, oleh sebab dunia dewasa ini dikuasai oleh sistem kewangan yang berasaskan riba, maka sistem perbankan Islam memainkan peranan yang sangat penting sebagai satu alternatif bagi umat Islam dalam mengelakkan dari terlibat dalam sistem ribawi.

<sup>34</sup> Ab.Mumin Ab.Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 255.

<sup>35</sup> Wiyono Slamet, *Cara Mudah Memahami Akuntansi Perbankan Syariah Berdasar PSAK dan PAPSI*, (Jakarta : Grasindo, 2002), 18.

## **2.4 SEJARAH PERKEMBANGNAN SISTEM PERBANKAN ISLAM**

### **2.4.1 Zaman awal Islam**

Walaupun bank-bank Islam baru mulai didirikan pada 1960-an, sebenarnya aktiviti perbankan dimulai sejak zaman Rasullullah lagi. Nabi Muhammad S.A.W sebelum diutus menjadi Rasul telah dikenali sebagai “*al-Amīn*” yang bererti orang yang terpercaya untuk menyimpan segala macam barang titipan (*Deposit*) orang ramai. Sehingga saat terakhir sebelum Rasullullah S.A.W hijrah ke madinah, beliau melantik ‘Ali bin Abī Ṭalib R.A untuk mengembalikan segala deposit itu kepada pemiliknya.

Tindakan Rasulullah tersebut ternyata dikembangkan lebih lanjut sebagai mana dicontohi oleh seorang sahabat iaitu Zubair bin Awwām R.A yang tidak pernah mahu menerima wang dari semua orang dalam bentuk deposit (simpanan). Beliau lebih suka menerimanya dalam bentuk pinjaman. ‘Abd Allāh bin al-Zubair menceritakan bahawa bila ada orang datang membawa wang untuk disimpan pada ayahnya, maka ayahnya takut jika deposit itu akan hilang. Tindakan Zubair ini menunjukkan dua hal yang dapat melihat hikmatnya, pertama, dengan mengambil wang tersebut sebagai pinjaman, beliau ada hak untuk menggunakannya, kedua, jika wang itu dalam bentuk pinjaman, maka Zubair wajib mengembalikannya

Oleh yang demikian, ada dua bentuk amalan simpanan (deposit) yang diterapkan pada masa awal Islam yaitu *Wadi'ah yad amānah* dan *Wadi'ah yad qamānah* itu adalah suatu amanah yang menjadi konsep pinjaman sebagaimana yang dicontohi oleh Zubair bin Awwam.<sup>36</sup>

Perniagaan yang menggunakan cara *Mudārabah* dan *Musyārakah* juga telah dikenal sejak masa awal Islam, sebagaimana juga perkembangan aktiviti pengiriman wang (seperti kisah Ibn ‘Abbās mengirim wang ke kūfah, dan kisah ‘Abd. Allāh bin al-Zubair mengirim wang dari Makkah kepada adiknya Mis‘ab bin al-Zubair di Irak dan aktiviti Penggunaan Cek (seperti kisah ‘Umar bin al-Khaṭṭāb R.A ketika mengimport sejumlah besar barang dari mesir ke Madinah dan untuk mempercepatkan distribusi barang-barang tersebut kepada penduduk Madinah, Khalifah mengeluarkan cek untuk penduduk Madinah sebagai bentuk mekanisme pembayaran dari suatu perdangan<sup>37</sup>

Ditinjau pada sejarah Islam, masalah kewangan umumnya dan perbankan Islam khususnya dimulai dengan institusi Baitul Mal yang didirikan oleh Nabi Muhammad S.A.W . dalam negara kotanya Madinah. Semua zakat dikumpulkan ke dalam Baitul Mal dan digunakan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat kota Madinah.<sup>38</sup>

Dalam perkembangan institusi Baitul Mal selanjutnya, kita jumpai tiga macam Baitul Mal yaitu :

---

<sup>36</sup> Zainul Arifin, *Dasar-dasar Manajemen Bank Syariah* (Azkia Publisher, divisi Penerbit kelompok Pustaka alvaber Anggota IKAPI, 2009), 4-5.

<sup>37</sup> *Ibid.*,

<sup>38</sup> Abdullah Siddik al-haji, *Inti Dasar Hukum Dagang Islam*. Balai Pustaka, Balai Pustaka, 1993), 97.

1. **Baitul Mal al-khas**, iaitu Bank Negara khusus untuk kepentingan pemerintah di bawah Khalifah sebagai kepala Negara, tugas institusi ini mengurus pendapatan dan pengeluaran negara.<sup>39</sup>

2. **Baitul Mal**, iaitu Bank Negara yang melayani segala keperluan masyarakat baik orang Islam atau bukan Islam (*zimmi*)<sup>40</sup>

3. **Baitul Mal al-Muslimin**, iaitu bank-bank yang didirikan oleh swasta, dalam fungsinya termasuk kesejahteraan semua rakyat negara tanpa mementingkan bangsa, warna kulit dan agama.

Bank-bank ini terdapat di Masjid Agung Negara yang dikelolai oleh ketua Mahkamah Agung di pusat pemerintahan. Dana ini didapati dari

1. Sedekah dan Zakat
2. *Ghanimah* (Rampasan perang)
3. *Fai'* iaitu kharaj (pemungutan pajak dan cukai) dan jizyah (pajak bukan Muslim)<sup>41</sup>

Di zaman pembukaan wilayah-wilayah baru semakin luas pada masa pemerintahan *Mu'awiyah* (4 H.) dalam memudahkan urusan pentadbiran negara. Kerajaan ini telah membina *Baitul Māl* di wilayah-wilayah yang sesuai untuk dijadikan pusat pentadbiran. Hasil pendapatan terus bertambah malalui pembukaan wilayah-wilayah, sehingga pada masa 'Umar bin 'Abd. al-Azīz menjadi khalifah (99 H.) pertambahan mencapai paras berlebihan. Khalifah Umar telah mengeluarkan arahan supaya lebihan itu diberikan kepada mereka yang memerlukan bantuan.<sup>42</sup>

---

<sup>39</sup> *Ibid.*, 97.

<sup>40</sup> *Ibid.*, 98.

<sup>41</sup> *Ibid.*, 98-99.

<sup>42</sup> Hailani Muji Tahir, *Pengenalan Tamadun Islam dalam Institusi Kewangan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1986), 2.

### **2.3.2 Sejarah perkembangan sistem perbankan pada zaman moden**

Di bawah ini, penulis akan memilih sejarah perkembangan sistem perbankan Islam di beberapa negara yang mempelopori gagasan penubuhan sistem perbankan Islam, seperti berikut ;

#### **2.3.2.1 Perbankan Islam di Mesir**

Sistem perbankan Islam boleh dianggap sebagai model yang dipraktik untuk mengambil alih tanggungjawab dalam pembangunan sosio-ekonomi yang lebih berkesan di negara-negara Islam dengan menggunakan konsep pembangunan dari akar umbi. Oleh itu, ia berbeza daripada mana-mana sistem-sistem kewangan yang lain. Bagi negara Islam yang sedang membangun memerlukan kajian dan menganalisis model ujikaji ini dengan tujuan digunakan sebagai sebahagian daripada pelan pembangunan sosio-ekonomi.<sup>43</sup>

Penubuhan sistem perbankan Islam yang dinamakan “*Mit Ghamr Local Saving Bank*”(Bank Simpanan Tempatan) pada 25 Jun 1963 di Mit Ghamr, di pinggir sungai Nil, Mesir<sup>44</sup> oleh al-Najjar yang dapat sambutan dari kalangan masyarakat yang berpendapatan rendah seperti petani yang ingin menyimpan wang mereka dan tidak terjurus dalam unsur-unsur riba, tetapi juga gagal menerus dalam menjalankan sistem itu kerana masalah dalam politik.

---

<sup>43</sup>Ahmed A.El Naggār, *Islamic Banking in Egypt : A Model and The Challenge*”, dalam *Islamic Banking How Far Have We Gone*, ed. Ataul Haq (Reseach Centre, International Islamic University Malaysia, 2006), 248.

<sup>44</sup> Joni Tamkin bin Borhan, “*Pelaksanaan Prinsip Syariah dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia*”, dalam *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem ekonomi Islam di Malaysia* ,ed. Abdullah Alwi Hj Hasan (Utusan Publications&Distributors Sdn Bhd, 2005), 44. ; Ab.Mumin Ab.Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 256.

Setelah demikian, seterusnya dalam rangka usaha menubuhkan bank Islam, maka berhasil menubuhkan Bank Islam yang bernama “*Nasser Social Bank*” pada tahun 1971<sup>45</sup> dan seterusnya penubuhan bank Islam yang ditubuhkan secara rasmi ialah “*Faisal Islamic Bank*” yang mula beroperasi pada tahun 1978 dan berjaya mengumpul aset dengan jumlah sekitar USD2 juta, dan tingkat keuntungan sekitar USD106 juta.<sup>46</sup> Faisal Islamic Bank adalah Bank Islam yang mempunyai cawangan terbanyak di Mesir dan telah berkembang sebagai institusi ekonomi dan sosial yang beroperasi dengan mematuhi hukum Syariah Islam, di mana terdapat permintaan yang besar untuk mamasuki saham Bank sehingga peningkatan berturut-turut dalam modal Bank sehingga mencapai USD500 milion sebagai modal dibenarkan terhadap USD297 milion sebagai modal berbayar dan pada tahun 2012 Bank telah menguruskan lebih daripada satu juta lima puluh ribu akaun. Jumlah aset Bank secara keseluruhan mencapai USD6 bilion menjelang akhir tahun 2012.<sup>47</sup>

### **2.3.2.2 Perbankan Islam di Pakistan**

Pakistan merupakan salah satu dalam golongan pelopor di bidang perbankan syariah. Pada awal julai 1979, sistem bunga dihapuskan dari operasi tiga institusi iaitu National Investment (*Unit Trust*), House Building Finance Corporation (pembiayaan sektor perumahan), dan Mutual Funds of the Invesment Corporation of Pakistan (pelaburan kerajaan), pada 1979-80, pemerintah mensosialisasikan skim pinjaman tanpa bunga kepada petani dan nelayan.

Pada tahun 1981 kerajaan Pakistan memulakan projek mengubah sektor perbankan dan kewangan di garisan Islam, seiring dengan pelaksananya undang-undang perusahaan *Mudārabah*

<sup>45</sup>Amr Mohamed El Tiby Ahmed, *Islamic Banking: How to Manage Risk and Improve Profitability* (John Wiley & Sons, Hoboken, New Jersey, 2011), 12.

<sup>46</sup>Syafi’I Antonio, Muhammad, *Bank Syariah dari Teori dan Praktik*, (Jakarta : Gema Insani Press, 2001), 22.

<sup>47</sup>Faisal Islamic Bank, dicapai 20 November 2013, <http://www.faisalbank.com.eg/FIB/arabic/about-us/incorporation-history.html>

dan *Murābahah*, tujuh ribu cawangan bank komersial di seluruh Pakistan mula menggunakan sistem perkongsian untung.<sup>48</sup> Pada 1 Januari 1985, Pakistan telah mulai beralih ke perbankan Islam dan pemerintah berikrar melarang semua pembayaran bunga cara Barat dalam sistem nasionalnya pada bulan Jun tahun itu.<sup>49</sup> Pada bulan November 1991 Persekutuan mahkamah agung (Federal Shariat Court, FSC) telah mengarahkan kerajaan secara rasmi untuk menerima pakai langkah-langkah yang perlu bagi menghapuskan faedah daripada sistem ekonomi Pakistan pada 30 Jun 1992.<sup>50</sup> Langkah-langkah untuk Islamisasi perbankan dan sistem kewangan di Pakistan telah dimulakan pada tahun 1977. Pakistan adalah antara tiga negara pertama di dunia yang telah cuba untuk melaksanakan perbankan tanpa faedah di peringkat kebangsaan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha ini tidak dapat menghasilkan keputusan yang diingini disebabkan kekurangan mekanisme pematuhan Syariah dan lain-lain.

Memandangkan pengalaman yang dipelajari dari usaha lebih awal, Perbankan Islam di Pakistan telah dilancarkan semula pada tahun 2001 apabila Kerajaan memutuskan untuk menggalakkan perbankan Islam secara beransur-ansur serasi dengan amalan terbaik antarabangsa. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perbankan Islam telah ditubuhkan di State Bank of Pakistan (SBP) pada 15 September 2003 dengan mandat membangunkan dan mengukuhkan rangka kerja pematuhan Syariah bagi industri perbankan Islam dan mengambil inisiatif untuk mempromosikan perbankan Islam sebagai sistem perbankan yang selari dan serasi dalam talian terbaik amalan antarabangsa.

Sejak pelancaran semula pada tahun 2001, kemajuan industri Perbankan Islam di Pakistan telah besar menghasilkan pertumbuhan lebih daripada 30 peratus pada setiap tahun dari segi aset. Pada

<sup>48</sup> Syafi'I Antonio, Muhammad, *Bank Syariah dari Teori dan Praktik*, (Jakarta : Gema Insani Press, 2001), 22.

<sup>49</sup> Abdullah Siddik al-haji, *Inti Dasar Hukum Dagang Islam*. Balai Pustaka, Balai Pustaka, 1993), 130.

<sup>50</sup> M. Mansoor Khan and M. Ishaq Bhatti, *Developments in Islamic Banking The Case of Pakistan* (Palgrave Macmillan Studies in Banking and Financial Institutions, 2008), 158.

masa ini, terdapat lima bank beroperasi secara Islam sepenuhnya dan empat belas bank konvensional dengan berdiri cawangan perbankan Islam yang beroperasi di negara ini. Pelbagai langkah telah diambil untuk menjadikan industri perbankan Islam di Pakistan alternatif yang berdaya maju dengan perbankan konvensional.<sup>51</sup>

### **2.3.2.5 Perbankan Islam di Arab Emirat**

Perkembangam sistem perbankan Islam di Arab Emirat ini, ia bermula dengan penubuhan bank Islam yang bernama “Dubai Islamic Bank”. Bank ini merupakan salah satu pelopor sistem perbankan Islam yang bertujuan untuk membangunkan ekonomi berlandaskan Syariah. Ia adalah Bank Islam persendirian yang pertama ditubuhkan dan merupakan syarikat awam berhad yang menawarkan perkhidmatan Bank tradisi selaras dengan undang-undang Islam yang didirikan pada 1 Oktober 1975 dan masih menjalankan aktiviti dan operasinya sehingga sekarang.<sup>52</sup> Sejak penubuhan sistem perbankan Islam di UAE, salah satu bank Islam yang berperanan dalam sistem perbankan Islam adalah Abu Dhabi Islamic Bank (ADIB), sebuah institusi perkhidmatan kewangan berperanan penting yang dimainkan oleh sektor perbankan Islam dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan kewangan di UAE. Pada tahun 2011 menurut laporan diumumkan oleh Oxford Business Group dengan kerjasama ADIB mendedahkan bahawa sektor perkhidmatan kewangan UAE Islam mewakili 30 peratus daripada industri perbankan Islam global pada tahun 2011 dan disebabkan oleh permintaan yang semakin meningkat bagi

---

<sup>51</sup> Pengenalan State Bank of Pakistan, dicapai 13 Dec 2013, <http://www.sbp.org.pk/departments/ibd.htm>

<sup>52</sup> Ab.Mumin Ab.Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 258.; Syaukat Ali, *Islamic Development Banks : Saudi Arabia and Dubai dalam Islamic Banking How Far Have We Gone*, ed. Ataul Haq (Reseach Centre, International Islamic University Malaysia, 2006), 305. ; Zakariya Man (1992), The Malaysian Experience. Dalam *Islamic banking : Islam and the Economic Development of Southeast Asia*, ed. Mohamed Ariff (Papers presented at the Workshop on Islam and the Economi Development of Southeast Asia : Islamic Banking held in Singapore from 24-26 June 1986), 69. ; Ahmed Akgunduz, *Studies in Islamic Economics : Islamic Banking and Development* (Islamitche Universiteit Rotterdam, 2009), 41. ; Dubai Islamic Bank, dicapai 20 Nov 2013, <http://www.dib.ae/about-dib/overview>

perkhidmatan kewangan Islam di kalangan segmen pelanggan yang berbeza dalam UAE. Laporan tersebut menunjukkan bahawa bank-bank Islam telah memainkan peranan utama dalam membiayai projek-projek infrastruktur UAE , harta kediaman untuk warga UAE dan pembangunan pasaran modal insan melalui latihan bakat negara. Tirad Mahmoud , Ketua Pegawai Eksekutif Abu Dhabi Islamic Bank, berkata bank-bank Islam di UAE memainkan peranan penting dalam pembangunan industri perbankan Islam global yang kini bernilai lebih USD 1 trilion. Pertumbuhan industri perbankan Islam didorong oleh permintaan yang meningkat bagi perkhidmatan dan produk-produk Islam dengan jumlah pelanggan yang semakin meningkat, permintaan yang meningkat akibat dari penekanan industri ke atas prinsip-prinsip etika, komitmen dan prinsip ketelusan dan pemakaian prinsip faedah bersama dalam operasi dan transaksi.<sup>53</sup>

### **2.3.2.6 Perbankan Islam di Malaysia.**

Institusi kewangan Islam yang pertama di perkenalkan dalam sistem kewangan di Malaysia ialah dengan penubuhan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) pada tahun 1969.<sup>54</sup> Penubuhan lembaga ini adalah berkait rapat dengan penglibatan yang rendah di kalangan masyarakat Islam Malaysia dalam sistem perbankan negara pada masa itu. Oleh kerana keyakinan masyarakat bahawa Islam melarang perniagaan yang berunsurkan riba, hasrat untuk melaksanakan ibadah haji itu mestilah daripada hasil yang halal.<sup>55</sup>

---

<sup>53</sup> UAE Islamic Banks Account for 30% of Global Islamic Banking Industry, laman sesawang albawaba, dicapai 13 Dec 2013, <http://www.albawaba.com/business/pr/uae-islamic-banks-account-30-global-islamic-banking-industry-409851>

<sup>54</sup> Ab.Mumin Ab.Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 325.

<sup>55</sup>*Ibid.*,

Ekoran dari kejayaan Penubuhan bank-bank Islam di timur tengah dan beberapa negara seperti UAE, Mesir, Pakistan, dan Iran, menjadi dorongan yang kuat kepada masyarakat Islam Malaysia untuk menyuarakan hasrat kepada kerajaan untuk mengadakan sistem perbankan yang selaras dengan landasan Islam di negara ini.<sup>56</sup> Kongres Ekonomi Bumiputera 1980 telah meluluskan usul meminta Kerajaan membenarkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji menubuhkan sebuah Bank Islam untuk mengumpul dan melaburkan wang umat Islam. Hasrat untuk menubuhkan bank Islam telah di suarakan juga pada peringkat negeri dan oleh kumpulan-kumpulan masyarakat Islam. Usaha untuk menubuhkan bank Islam telah pun dibuat secara berasingan sejak tahun 1980 oleh Lembaga Urusan Tabung Haji, dan orang-orang perorangan. Hasil dari usaha ini kerajaan telah menerima syor Lembaga Urusan dan Tabung Haji supaya langkah bagi menubuhkan bank Islam diselaraskan pada peringkat kebangsaan. Berikut dengan itu pada 30 Julai 1981 kerajaan telah melantik Jawatan Pemandu Kebangsaan Bank Islam dengan dipengerusikan oleh YM Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozaman dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji dilantik sebagai urusetia.<sup>57</sup>

Penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) merupakan bank Islam yang pertama di Malaysia dan juga di Asia tenggara didirikan yang bermula operasinya pada Julai 1983 dengan sebuah cawangan di Kuala Lumpur dalam rangkaan menambahkan peserta dalam sistem perbankan Islam, Bank Negara Malaysia (BNM) menggalakkan institusi-institusi perbankan yang sedia wujud itu menawarkan perkhidmatan perbankan Islam. Semua Bank perdagangan, Bank saudagar dan syarikat kewangan dibenarkan untuk menawarkan skim Perbankan Tanpa Faedah (STPF). STPF yang pertamanya dilancarkan pada tahun 1993 dan melibatkan tiga buah

<sup>56</sup>Ibid., 327. ; Joni Tamkin bin Borhan, “*Pelaksanaan Prinsip Syariah dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia*”, dalam *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem ekonomi Islam di Malaysia*, ed. Abdullah Alwi Hj Hasan (Utusan Publications&Distributors Sdn Bhd, 2005), 44.

<sup>57</sup>Bank Islam Malaysia Berhad “Bank Islam : Penubuhan dan Operasi” (dicetak oleh Usaha C & Sdn. Bhd, 1984)

bank perdagangan tempatan yang terbesar iaitu Malayan Banking Bhd, Bank Bumiputra Malaysia Bhd., United Malayan Banking Corporation Berhad (UMBC Bhd). Pada tahun 1999, boleh dikatakan bahawa semua institusi perbankan telah mendapat kebenaran daripada BNM untuk menawarkan kemudahan perkhidmatan perbankan Islam.<sup>58</sup> Pada masa ini, sistem perbankan Islam di Malaysia semakin terus berkembang pesat. Menurut laporan tahunan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) tahun 2010 lebih 50 produk dan perkhidmatan perbankan Islam yang inovatif disediakan oleh Bank Islam menerusi 113 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara.<sup>59</sup> Pada tahun 2012 BIMB Bank Islam kini menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan yang canggih dan inovatif. Bank Islam Malaysia Berhad akan meraikan 30 tahun operasinya di negara ini, yang merupakan bukti kepada kualiti dan kecemerlangan yang berkekalan bagi institusi Perbankan berasaskan syariah yang pertama di Malaysia.<sup>60</sup>

### **2.3.2.7 Perbankan Islam di Iran**

Pemikiran mengadakan perbankan Islam di Iran bermula sejak Revolusi Islam Iran yang dipimpin oleh Ayatullah Khomeini pada tahun 1979.<sup>61</sup> Berdasar ketentuan undang-undang yang disetujui pemerintah pada bulan Ogos tahun 1983. Sebelum undang-undang tersebut dikeluarkan

---

<sup>58</sup>Cheah Kooi Guan, *Sistem Kewangan Malaysia : Struktur, Perkembangan dan Perubahan* (Edisi kedua, Pearson Malaysia SDN. BHD (4409-W), 2002), 122.

<sup>59</sup> Laporan tahunan 2010, laman sesawang *Bank Islam Malaysia Berhad*, dicapai 13 Dec 2013, <http://www.bankislam.com.my/bm/pages/AnnualReports.aspx?tabs=4> .. 11.

<sup>60</sup> Laporan tahunan 2012, laman sesawang *Bank Islam Malaysia Berhad*, dicapai 13 Dec 2013, <http://www.bankislam.com.my/bm/pages/AnnualReports.aspx?tabs=4> .. 3.

<sup>61</sup> Sudin Haron, *Islamic Banking System : Concept & Applications* (Pelanduk Publications (M) Sdn.Bhd, 1997), 23. ; Zubair Iqbal, Abbas Mirakhor, *Islamic Banking*. ( International Monetary Fund, Washington, D.C. March 1987), 9.

sebenarnya telah terjadi transaksi sebesar lebih dari 100 juta yang diuhasakan sesuai dengan sistem Syariah.<sup>62</sup>

Sistem perbankan di Iran dapat dikelompakkan menjadi dua kelompak besar iaitu perbankan komersial dan institusi pembiayaan khusus. Pada tahun 1983 undang-undang Perbankan Islam Iran telah diluluskan oleh Majlis Islam Iran. Menurut undang-undang ini, bank-bank di Iran hanya boleh terlibat dalam urusniaga Islam tanpa faedah, kerana kepentingan faedah dianggap sebagai riba dan diharamkan oleh Islam dan kitab suci Al-Quran. Sistem perbankan di Iran berpegang teguh kepada peraturan Islam yang melarang dari pendapatan atau membayar faedah. Oleh itu, bank-bank Iran melaksanakan transaksi perdagangan yang melibatkan pertukaran barang dan perkhidmatan sebagai balasan untuk berkongsi keuntungan yang. Terdapat lima jenis bank yang beroperasi di Iran iaitu : bank perdagangan milik kerajaan, bank-bank khusus, bank-bank swasta, bank pinjaman tanpa faedah dan bank-bank yang serupa dengannya yang masih beroperasi sehingga sekarang.<sup>63</sup> Menurut Edbiz Consulting yang berpangkalan di London telah mengeluarkan satu kedudukan 10 negara teratas dalam perbankan dan kewangan Islam tahun 2013 di Islamic Finance Country Index (IFCI) mendapati bahawa Iran telah kekal sebagai pasaran nombor satu bagi perbankan dan kewangan Islam, terutamanya kerana perbankan dan kewangan keseluruhan sektor yang beroperasi di bawah undang-undang Syariah.<sup>64</sup>

---

<sup>62</sup> Syafi'I Antonio, Muhammad, *Bank Syariah dari Teori dan Praktik*, (Jakarta : Gema Insani Press, 2001), 24.

<sup>63</sup> S.Husain Ashraf, Ali Alizadeh Giashi, "Islamic Banking in Iran - Progress and challenges," *Kuwait Chapter of Arabian Journal of Business and Management Review* 1, No.2 (October 2011), 33-34.

<sup>64</sup> Pakistan as a global leader in Islamic banking and finance, dicapai 13 Dec 2013,

<http://tribune.com.pk/story/525855/pakistan-as-a-global-leader-in-islamic-banking-and-finance/>

### **2.3.2.8 Perbankan Islam di Turki**

Sejarah dalam pembangunan sistem perbankan Islam di Turki itu layak menerima penghargaan khas, kerana Turki adalah salah satu negara Islam yang memilih ideologi sekularism.<sup>65</sup> Turki juga termasuk negara yang cukup awal memiliki perbankan Syariah. Pada tahun 1984, pemerintah Turki memberikan izin kepada *Dar al-Mal al-Islami* (DMI) untuk mendirikan bank yang beroperasi berdasarkan prinsip perkongsian untung. Menurut ketentuan Bank pusat Turki, bank Syariah diaturkan dalam satu bidang kuasa khusus. Setelah DMI berdiri pada bulan Desember 1984 maka didirikan pula Faisal Finance Institution dan mulai beroperasi pada bulan April 1985.<sup>66</sup>

Justeru itu, Berikutan proses liberalisasi ekonomi Turki pada awal 1980-an , sektor kewangan telah disusun semula yang menjadi inovasi kepada pasaran. Dalam konteks ini, Rumah Kewangan Khas (Special Finance Houses, SFHs), menyediakan produk dan perkhidmatan kewangan yang berasaskan prinsip Islam, telah diperkenalkan kepada pasaran kewangan Turki dan memulakan operasi pada tahun 1985. Ini merupakan sistem “Perbankan dwi sistem” di Turki yang berasaskan perbankan konvensional dan perbankan tanpa faedah yang dapat menjalankan operasi mereka sebelah menyebelah. Walaupun pengenalan instrumen kewangan Turki berkaitan dengan masalah politik dan bukan satu langkah yang berasaskan Islam sepenuhnya, akan tetapi mereka telah berjaya menarik dana daripada kumpulan-kumpulan tertentu dalam membangunkan ekonomi Negara mereka.<sup>67</sup>

---

<sup>65</sup> Sudin Haron, *Islamic Banking System : Concept & Applications* (Pelanduk Publications (M) Sdn.Bhd, 1997), 13.

<sup>66</sup>Syafi'I Antonio, Muhammad, *Bank Syariah dari Teori dan Praktik*, (Jakarta : Gema Insani Press, 2001), 24-25.

<sup>67</sup> Aduman Okumu, “Interest-Free Banking In Turkey: A Study Of Customer Satisfaction And Bank Selection Criteria,” *Journal of Economic Cooperation* 26, 4 (2005), 53.

Dewasa ini, terdapat beberapa bank Islam yang beroperasi di Turki iaitu Turkiye Finans Katilim Bankasi (TKB), Kuwait Turkish Participation Bank, Albaraka Turk Participation Bank, Bank Asya<sup>68</sup> Menurut Osman Akyuz , Setiausaha Agung Turkiye Finans Katilim Bankasi (TKB) dan bekas Pengurus Besar Albaraka Turk Participation Bank, jumlah aset bank penyertaan pada tahun 2010 meningkat sebanyak 25 peratus daripada tahun 2009 yang mencapai USD28.1 billion, deposit meningkat sebanyak 22 peratus mencecah USD21.9 billion, di mana 66 peratus berada dalam mata wang lira Turki dan 34 peratus dalam mata wang asing. Pembiayaan yang diperuntukkan oleh bank-bank penyertaan meningkat sebanyak 25 peratus untuk mencecah USD20.8 billion, jumlah ekuiti pemegang saham meningkat sebanyak 19 peratus mencapai USD3.5 billion, pendapatan bersih meningkat sebanyak 4 peratus mencecah USD491.6 juta dan bilangan cawangan dan beberapa kakitangan bank penyertaan berjumlah 607 dan 12,694 bertambah pada kadar tahun ke tahun sebanyak 8 peratus.<sup>69</sup>

### **2.3.2.9 Penubuhan Islamic Development Bank (IDB)**

Bank Pembangunan Islam adalah lembaga keuangan internasional yang didirikan tahun mengikut hasrat Pernyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Keuangan Konferensi negara-negara Muslim yang diselenggarakan di Jeddah pada Desember 1973 dan Bank secara rasmi menjalankan aktiviti pada tanggal 20 Oktober 1975.<sup>70</sup> Islamic Development Bank (IDB) mempunyai ahli yang terdiri dari 56 buah negara. Perkara asas untuk menjadi ahli ialah pasti menjadi anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)terlebih dahulu dan membayar yuran kepada modal Bank dan bersedia untuk menerima apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang

---

<sup>68</sup> List of Islamic Banks in Turkey, dicapai 13 Dec 2013, <http://www.globalbankingandfinance.com/list-of-islamic-banks-in-turkey/>

<sup>69</sup> Islamic Banks in Turkey, dicapai 13 Dec 2013,  
[http://www.globalislamicfinancemagazine.com/?com=news\\_list&nid=1540](http://www.globalislamicfinancemagazine.com/?com=news_list&nid=1540)

<sup>70</sup> Ahmet Akgunduz, *Studies in Islamic Economic (Islamic Banking and Development)* (IUR PRESS : Islamic Universiti Rotterdam, 2009), 43.

diputuskan oleh IDB Lembaga Gabenor.<sup>71</sup> Tujuan asas penubuhan IDB adalah untuk mendorong pembangunan ekonomi dan kemajuan sosial negara-negara anggota dan masyarakat yang terdiri dari anggota OIC sesuai dengan prinsip-prinsip Syariah. Bank ini berfungsi dalam memberikan pinjaman untuk projek-projek dan perusahaan serta memberikan bantuan kepada negara-negara anggota dalam pembangunan ekonomi dan sosial.<sup>72</sup>

## 2.5 OBJEKTIF SISTEM PERBANKAN ISLAM

Sitem perbankan Islam merupakan sistem yang digunakan dan diaplikasikan dalam bank Islam menurut prinsip syariah Islam. Oleh sebab kesedaran umat Islam yang mana mereka terpaksa duduk di bawah sistem kewangan yang berasaskan riba, maka para cendekiawan Islam mengusaha menuju institusi kewangan yang berteraskan Islam seperti bank Islam. Justeru itu, sistem perbankan Islam mempunyai beberapa objektif sebagai berikut :

1. Perbankan Islam didirikan dengan tujuan untuk mengembangkan penerapan prinsip-prinsip Islam, syariah dan tradisinya ke dalam transaksi kewangan dan perbankan, menentang penjanaan pulangan yang melampau bagi sumber yang sedia ada<sup>73</sup> dan prinsip utama itu adalah larangan dari riba dalam pelbagai bentuk transaksi, melakukan kegiatan usaha dalam bentuk yang sah dan memberi zakat kepada golongan yang berhak untuk menerimanya.<sup>74</sup>
2. Perbankan Islam adalah sebagai institusi yang dapat dibezakan dengan sistem perbankan konvensional adalah perkonsian untung, pihak pemberi modal dan peminjam bersama menanggung risiko untung ataupun rugi. Hal ini membuat kekayaan itu tidak hanya beredar

---

<sup>71</sup> Islamic Development Bank, dicapai 13 Dec 2013,

<http://www.isdb.org/irj/portal/anonymous?NavigationTarget=navurl://24de0d5f10da906da85e96ac356b7af0>

<sup>72</sup> Ahmet Akgunduz, *Studies in Islamic Economic (Islamic Banking and Development)* (IUR PRESS : Islamic Universiti Rotterdam, 2009), 44

<sup>73</sup> Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 260

<sup>74</sup> Zainul Arifin, *Dasar-dasar Manajemen Bank Syariah* (Azkia Publisher, 2009), 3.

dalam satu golongan sahaja yang menjadi penyebaran modal yang juga bererti penyebaran kesempatan usaha.<sup>75</sup>

3. Ada penghapusan bunga atau riba dalam semua bentuk transaksi. yang sedia kita maklum bahawa dunia kewangan sekarang dikuasai oleh sistem yang berdasarkan riba.
4. Perbankan Islam bukan hanya terhad kepada pelanggan Islam sahaja, bahkan diberi perkhidmatan kepada siapa sahaja tidak kira bangsa dan agama.
5. Meningkatkan kualiti hidup ummah dengan jalan membuka peluang untuk berusaha yang lebih besar terutama kepada golongan miskin, menuju terciptanya kesendirian usaha.
6. Menciptakan suatu keadilan dalam ekonomi dengan jalan meratakan dalam agihan pendapatan malalui aktiviti investasi, pelaburan, agar memberi peluang kepada pihak yang memerlukan dana.

## **2.6 PERBEZAAN SISTEM PERBANKAN ISLAM DENGAN SISTEM PERBANKAN KONVENTSIONAL**

Perbankan Islam menawarkan perkhidmatan perbankan yang berlandaskan syariah. Berdasarkan dari definisi ini, operasi sesebuah bank Islam wajib memenuhi dua syarat iaitu ; a) Mematuhi prinsip Islam sepenuhnya dan b) mematuhi semua keperluan sesebuah bank yang cekap. Bagi mematuhi syarat pertama, setiap bank Islam mempunyai panel penasihat syariah, ini adalah salah satu ciri utama yang membezakan Bank Islam daripada Bank konvensional.<sup>76</sup>

Beberapa aspek perbezaan di sistem perbankan Islam dan konvensional

### **a) Aspek keuntungan**

---

<sup>75</sup> Afif Muhammad, MA, *Buku Pelajaran Fikih untuk kelas IX Madrasah Tsanawiyah* (Penerbit Grafindo Media Pratama, 2008), 67.

<sup>76</sup> Radiah Abdul Kader, *Ekonomi Islam* (Univision Press SDN. BHD., 2001), 144.

Pulangan keuntungan berdasarkan usaha yang sah menurut Islam. Sebagai mana contoh : keuntungan kepada modal asal wang hendaklah berdasarkan pengkongsian untung rugi yang dikongsikan bersama (*Profit, Loss Sharing*). Jika sesuatu pihak sahaja yang menanggung kerugian manakan satu pihak lagi tetap mendapat untung, ini adalah ketidakadilan dan nyata sebagai pengamalan riba. Penggunaan riba sebagai keuntungan kepada modal asal wang tidak dibenarkan dalam sistem perbankan tanpa faedah, kerana keuntungan sebegini bukan pulangan yang sah di sisi Syariah. Bagi perbankan konvensional, pulangan adalah berdasarkan kepada keuntungan yang mempunyai pengertian khususnya di dalam aktiviti yang tabungan awam dan secara tidak langsung melibatkan amalan riba.

**b) Perhubungan antara pelanggan**

Bank Islam adalah pengurus wang yang sebenar bagi pelanggan yang berkongsi segala maklumat dengan mereka. Para pelanggan bank Islam boleh berkongsi semua kesan negatif tanpa sebarang jaminan keuntungan daripada bank. Bagi para pelangan bank konvensional, hanya terhad kepada hubungan antara pemutang dan peminjam sahaja. Tidak seperti bank Islam yang pihak bank akan bertindak selaku pengurus projek atau amanah yang berdasarkan kepada perkongsian untung rugi.

**c) Prinsip asas**

Perbankan Islam ia ditubuhkan berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah. Prinsip asasnya adalah keadilan dan kesaksamaan serta juga mempertimbangkan soal pahala dan dosa. Tetapi dalam sistem perbankan konvensional, ia merupakan ciptaan, rekaan dari pemikiran manusia dan boleh diubah mengikut keadaaan.

#### d) Kepentingan

Sistem perbankan Islam mempunyai kepentingan yang tidak tertumpu kepada pemilik modal sahaja, tetapi kepada setiap lapisan masyarakat tidak kira kaya dan miskin, yang berlainan dengan sistem perbankan konvensional yang hanya tertumpu kepada pemilik modal sahaja.

Dibawah ini adalah jadual perbezaan diantara bank Islam dan bank konvensional ;

**Jadual 2.1 Perbezaan diantara bank Islam dan bank konvensional**

Perbankan konvensional	Perbankan Islam
Fungi dan operasinya di dasarkan sepenuhnya oleh prinsip dan disiplin yang dibuat oleh akal manusia “ <i>Man-mand principels</i> ”	Fungsi dan operasinya dipastikan sedaya mungkin agar menurut kehendak al-Qur'an dan al-Sunnah.
Dalam produk pelaburannya, pelabur dijanjikan dengan kadar faedah tetap. Ia sebenarnya adalah aktiviti pinjam-meminjam dengan riba	Dalam produk pelaburannya, bank Islam mempromosikan sistem perkongsian risiko dan untung di antara pelabur dan pengurus dana pelaburan. Tiada sebarang kadar keuntungan tetap dijanjikan berdasarkan keuntungan sebenar.
Mensasarkan keuntungan tanpa sebarang had batasan agama dan moral	Mensasarkan keuntungan yang menepati disiplin Islam yang terhadap kepada sesuatu yang mendatangkan manfaat kepada masyarakat sejagat.
Tidak mengendahkan persoalan zakat	Terlibat dalam pembayaran zakat, ia merupakan tanggungjawab sosial yang diberikan oleh bank-bank Islam
Produk pinjaman penggunaanya mengamalkan sistem pemberian pinjam wang kepada pelanggan dengan dikenakan faedah ( <i>interest</i> ) yang berganda.	Produk penggunaannya menggunakan transaksi jual beli atau sewa aset dan bukan akad pinjaman wang.
Mengenakan tambahan wang penalti yang <i>compounding</i> di atas wang pinjaman sekiranya terdapat kelewatan pembayaran.	Mengenakan wang <i>compensation</i> ke atas kelewatan tetapi tidak dimasukkan di dalam pendapatan bank, sebaliknya disalurkan terus kepada kebajikan.
Kepentingan utama hanyalah menjaga	Memberikan penekanan kepada projek

kepentingan bank, tiada sebarang kepentingan untuk memastikan pembangunan ekuiti.	yang boleh memberikan manfaat kepada kepentingan masyarakat. Sasaran utama adalah memastikan pembangunan berserta ekuiti.
Pemberian pinjaman oleh bank konvensional adalah mudah, tanpa memerlukan sebarang aset. Konsep mereka, wang boleh melahirkan wang.	Wang tidak boleh melahirkan wang melalui pinjaman. Justeru itu, sebarang pembiayaan mestilah mempunyai aset yang dikenal pasti ( <i>underlying asset</i> )
Penilaian besar diberikan kepada kemampuan peminjam untuk membayar pinjaman sahaja, tanpa mempedulikan berkenaan apa berlaku dengan sesuatu projek yang dilakukan pelanggan.	Penilaian besar juga diberikan terhadap potensi atau <i>viability</i> prestasi dan prospek projek yang sedang dibiayai.
Bank mendapat pendapatan melalui kadar tetap faedah ( <i>fixed interest</i> ) yang dikenakan kepada pelanggan.	Memperoleh pendapatan mengikut konsep kongsi untung dan rugi bersama pelanggan, pihak bank memberi perhatian lebih kepada membiayai perkembangan projek
Hubungan bank dan pelanggan adalah ; pemberi pinjam dan peminjam	Hubungan bank Islam dan pelanggan adalah penjual, pembeli atau rakan kongsi.

Sumber : Zaharuddin Abd. Rahman (2008), Wang, anda dan Islam : halal dan haram kewangan dan perbankan. True Wealth Sdn. Bhd, 70-71.

## 2.7 PRINSIP-PRINSIP SYARIAH DALAM SISTEM PERBANKAN ISLAM

### 2.7.1 Al-Mudārabah

Dari segi bahasa *al-Mudārabah* bermakna berjalan di muka bumi وَهُوَ السَّيْرُ فِي الْأَرْضِ dan pada istilah ialah akad perkongsian dalam keuntungan dari pemilik modal dan pihak pengusaha.<sup>77</sup>

Penduduk bandar *Hijāz* memanggil akad ini *al-Muqāradah* dan *al-Qirād* yang dipanggil oleh

<sup>77</sup>Ahmad al-Syarbasi, *al-Mu'jam al-Iqtisādi al-Islāmi* (Dar al-Jail, 1981), 426. ; Syams al-dīn Muḥammad bin al-Khaṭīb al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifah maāni'l-alfāz al-Minhāj* (Berut : Dār al-Ma'rifah, 1998), 2: 399. ; Abū Zakariyyā Muhyī al-Dīn Yahyā bin Syaraf al-Nawawi : *Minhāj al-Talibīn wa 'Umdah al-Muftīn* (Berut-Dār al-Minhāj), 300.

ahli penduduk di Iraq, dua perkataan itu mempunyai makna yang sinonim.<sup>78</sup> berdasarkan kepada laporan berkaitan dengan `Uthmān bin`Affān, Khalifah Islam Ketiga yang melaburkan modalnya dalam bentuk akad *al-Muqāradah*. Istilah ini diambil dari kata dasar *qard* yang bererti memotong, kerana dalam akad ini, pelabur mengeluarkan dan memindahkan sebahagian modalnya kepada usahawan atau agen untuk dilaburkan dalam sesuatu pelaburan tertentu yang halal. Ini lah dikatakan peristiwa yang menjadi asal usul istilah *al-Muqāradah* digunakan.<sup>79</sup> *Al-Qur'ān* menyebut prinsip ini secara umum melalui firman allah;

﴿ وَأَخْرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ بَيْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ ﴾

Terjemahan : dan Yang lainnya orang-orang Yang musafir di muka bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah...

Surah al-Muzzammil 73:20

Dari ayat tersebut menunjuk bahawa Islam menggalakkan mencari rezeki, Kerana bahawa Nabi Muhammad S.A.W pernah menjadi pengusaha bagi pemilik modal iaitu Khadijah R.A untuk perniagaan di Syam.<sup>80</sup>

Prinsip ini adalah akad kerjasama usaha antara pihak pemilik dana (*sahib al-māl*) dengan pengelola modal (*Profit and loss Sharing*), prinsip pelabuaran yang penting dalam sistem perbankan Islam yang mana prinsip ini pihak bank (*Mudārib/Pengusaha*) dan pelanggan menanggung untung dan rugi bersama (*Risky Business*).

<sup>78</sup> Hisyām al-KāmilHāmid, *al-'Imtā' bi al-Syarh Matan Abu Syujā' fī al-Fiqh al-Syāfi'i*, Dār al-Manār, Kaherah, 2011), 256. ; al-Nawawi (676H.), Majmu' Syarh al-Muhazdhab (Dār al-Fikr), 358.

<sup>79</sup> Joni Tamkin Bin Borhan, Che Zarrina Sa'ari, "Sumbangan Pemikiran Ibn Rushd (M. 595/1198) dalam Muamalah: Analisis terhadap akad al-Muḍārabah dalam Bidayah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtashid" *Jurnal Usuluddin*, no. 26 (2007), 138.

<sup>80</sup> al-Khatīb al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma 'rifah maāni'l-alfāz al-Minhāj*, 2 : 399. ; Lihat juga : Muhammad Syafi'i Antonio, *Bank Syariah dari Teori dan Praktik*, (Gema Insani Press, 2009), 97.

## 2.7.2 Al-Murābahah

Didefinisikan dalam kitab *Mu'jam al-Iqtisādi*, Murābahah ialah jual beli yang harganya lebih daripada harga asal.<sup>81</sup> Jualan ini pasti dengan syarat bahawa dimaklumkan kepada pembeli harga modal dengan penuh amanah. Sebarang penipuan harga modal akan membawa kepada rosaknya akad jual beli ini.<sup>82</sup> Masuknya harus bagi menjual barang dengan memberi tahu harga asal barang tersebut kepada pembeli<sup>83</sup> dan ditambahkan keuntungan yang diketahui oleh kedua-dua pihak. Akad ini juga dinamakan *al-Murābahah Ii al-Āmir bi al-Syirā'* di mana penjual melakukan pembelian barang setelah ada permintaan dari pembeli. Murābahah dengan pesanan. Dalam Murābahah jenis ini, penjual melakukan pembelian barang setelah ada pesanan dari pembeli. *Murābahah* dengan pesanan dapat bersifat mengikat atau tidak mengikat atau tidak mengikat pembeli untuk membeli baran yang dipesannya kalau bersifat mengikat, bererti pembeli harus membeli barang yang dipesannya dan tidak dapat membatalkan pesanannya.<sup>84</sup>

Islam telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba dan juga melarang dari memakan harta orang dengan batil yaitu memperolehi harta dengan cara yang salah serta tidak paksa memaksa dalam proses pemperolehi harta itu. Seperti mana yang di sebut dalam al-Qur'an ;

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجْرِيَةً  
عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

<sup>81</sup> Ahmad al-Syarbāsī (1981), *al-Mu'jam al-Iqtisādi al-Islāmi*, Dār al-Jail, h. 415; Lihat : Zaharuddin Abd. Rahmān, *Panduan Perbankan Islam : Kontrak & Produk Asas* (Telaga Biru Sdn. Bhd., 2009), 19.

<sup>82</sup> *Ibid.*,

<sup>83</sup> Abū al-Ḥasan ‘Ali bin Muḥammad bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Baṣrī al-Baghdādī al-Māwardī (450H), *al-Hāwi al-Kabīr fī fiqh Madhhabi al-Imām al-Syāfi‘I wa huwa Syarh Mukhtaṣar al-Muzāni* (Berut : Dār al-Kutub al-‘ilmīyyah), 5.

<sup>84</sup> al-Nawawi : *Minhāj al-Talibīn wa ‘Umdah al-Muftīn* 3. ; Lihat juga : Sri Nurhayati, Wasilah , *Akuntasi Syariah di Indonesia* (Salemba Empat, 2009), 163.

Terjemahan : Wahai orang-orang Yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu Dengan jalan Yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali Dengan jalan perniagaan Yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuhan-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.

Surah Ali-'Imrān 4:29

Dan lagi dalil pengsyariatan jual beli, di mana Islam menggalakkan membuat akad jual beli atau kontrak jual beli, oleh kerana, akad inilah yang jadi tempat perbezaan di antara akad jual beli secara Islam dan yang bukan Islam. Seperti mana firman Allah S.W.T ;

يَأَيُّهَا الْذِينَ إِذْ مُنْزَلَتْ آوْفُوا بِالْعُقُودِ ..

Terjemahan : Wahai orang-orang Yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian...

Surah al-An'am 5:1

### 2.7.3 Bay' Al-'ināh

*Bay' al-'Ināh* adalah salah satu kontrak yang diaplikasikan dalam sistem perbankan Islam, ia dapat didefinisikan menurut *al-Rāfi'i* daripada Mazhab *al-Syāfi'i* merujuk kepada : “Iaitu apabila seseorang menjual satu barang dengan harga tangguh dan menyerahkan barang tersebut kepada pembeli, kemudian dia (penjual tadi) membeli semula sebelum menerima bayaran (daripada hasil jualan pertama)dengan harga yang lebih rendah secara tunai”<sup>85</sup>

Secara ringkasnya jual beli dengan cara *al-Ināh* adalah seseorang membeli suatu barang dengan harga yang tertentu secara ansuran, lalu ia kembali membelinya dengan harga yang

---

<sup>85</sup> Syams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Ali bin Abd. Al-Khāliq, al-Minhājī al-Asyūṭī (880), *Jauharah al-Uqūd wa Muaiyyin al-Qudati wa al-Mūqi‘in wa al-Syuhūd*. Tahqiq oleh Mus‘id Abd. Al-Ḥamīd Muḥammad al-Sa’dani (Berut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah), 61. ; Lihat juga : Zaharuddin Abd.Rahman (2009), 26.

kurang dari harga asal secara tunai.<sup>86</sup> Justeru itu, kaedah *bay' al-'Inah* ini banyak dipertikai dalam kalangan ulama, di mana hukum bagi praktis ini dipertikai dan sama sekali tidak diiktiraf oleh majoriti ulama Syariah di peringkat antarabangsa kecuali Brunei dan Malaysia sahaja yang mengiktirafkannya. Ini kerana, Pertama : ia kembali kepada pertikaian berkenaan hukum *Bai' al-'Inah*. Kedua : Teknik sebegini teramat jelas satu helah pihak bank untuk meniru kesemua khidmat bank konvensional.<sup>87</sup>

#### 2.7.4 Bay' bithaman al-Ājil

*Bay' Bi al-thaman Al-ājil* (البَيْعُ بِالثَّمَنِ الْأَجِلِ) (BBA) atau dikenal juga dengan istilah “*Bay' bi al-taqṣīt*” (البَيْعُ بِالتَّقْسِيتِ). Menurut dari segi bahasa merupakan perkataan dari bahasa arab iaitu “*al-bay'*” yang bermaksud jual beli perkataan “*al-ājil*” yang bermaksud tangguh, perkataan “*bi al-thaman*” bermaksud dengan harga, maka perkataan “*bay' bithaman al-ājil*” memberi maksud jual beli dengan harga bertangguh.<sup>88</sup>

Dalam proses akad ini yang sah pada syarak, menurut persidangan muktamar di Jeddah pada 20 March 1990 bahawa transaksi jualan secara ansuran ini, adalah harus tambahan harga dari harga asal dengan sebab tangguhan bayaran dan jika berlaku kesamaran dalam transaksi tersebut, maka akad itu tidak sah pada syarak.<sup>89</sup> Prinsip ini banyak memberi manfaat kepada mereka yang berpendapatan rendah, supaya mereka dapat membeli barang keperluan secara bayaran ansuran, prinsip ini juga diaplikasikan dalam sistem perbankan Islam.

---

<sup>86</sup> Abū Zakariyyā Muhyi al-Dīn Yahyā bin Syaraf al-Nawawi ( 676H.), *Rauḍah al-Talibīn wa 'umdat al-Muftīn* (Berut :al-Maktabah al-Islāmī), 418.

<sup>87</sup> *Ibid.*, 32.

<sup>88</sup> Ali Ahmād al-Salūs, *Mausū'ah al-Qadāyā al-Fiqhiyyah al-Mu'āṣirah wa al-Iqtiṣādī al-Islāmi*, ed. Ke 7 (Dār al-Qur'ān, 2002), 438. ; Norazlina Abd. Wahab, *al-Bay' Bithaman Ajil : Suatu Alternatif Kepada Pinjaman Berasaskan Riba*. Dalam *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem ekonomi Islam di Malaysia* ,ed. Abdullah Alwi Hj Hasan (Utusan Publications&Distributors Sdn Bhd, 2005), 90.

<sup>89</sup> Ali Ahmād al-Salūs, *Mausū'ah al-Qadāyā al-Fiqhiyyah al-Mu'āṣirah wa al-Iqtiṣādī al-Islāmi*, ed. Ke 7 (Dār al-Qur'ān, 2002), 605

## 2.7.5 Bay' Al-Salam

Bay' al-Salam itu ada menjual sesuatu barang yang tidak dilihat zatnya, hanya ditentukan dengan sifat barang itu ada dalam pengakuan atau tanggungan si penjual.<sup>90</sup> Contohnya si penjual berkata : “Saya jual kepada kamu sebuah kereta baru jenama Honda Civic, 2000cc, warna kuning, empat pintu, dengan harga RM20,000” lalu kata pembeli, “*saya beli kereta dengan sifat-sifat itu dengan harga RM20,000.* ” kemudian dia membayar wangnya pada waktu akad itu tetapi kereta itu belum ada. Jadi *Salam* ini bermakna jual beli hutang dari pihak si penjual dan tunai dari pihak pembeli, sebab wangnya sudah dibayar.<sup>91</sup> Rukun jual salam ada tiga rukun iaitu :

1. Penjual dan Pembeli
2. Barang dan wang
3. Lafaz akad

Allah berfirman :

يَتَأْمِنُهَا الَّذِينَ كَفَرُوا إِذَا تَدَآيْنُتُم بِدَيْنِ إِلَيْ أَجَلٍ مُسَمًّى فَآكِثُرُوهُ ...

Terjemahan : Wahai orang-orang Yang beriman! apabila kamu menjalankan sesuatu urusan Dengan hutang piutang Yang diberi tempoh hingga ke suatu masa Yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya)...

Surah al-Baqarah 2:282

Dari sebuah hadith Ibn ‘Abbas yang dibenarkan jual salam, dengan syarat pasti menjelaskan kadar sifat barang dan masa tertentu. Seperti riwayat ḥadīth seperti berikut :

<sup>90</sup>Abū Zakariyyā Muhyi al-Dīn Yahyā bin Syaraf al-Nawawi ( 676H.), *Raudah al-Talibin wa ‘umdhah al-Muftin* (Berut :al-Maktabah al-Islāmī), 242.

<sup>91</sup>Ahmad al-Syarbasi, *al-Mu’jam al-Iqtisādī al-Islāmī* (Dar al-Jail, 1981), 426. ; Syams al-dīn Muhammad bin al-Khaṭīb al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma’rifah maañal-al-fāz al-Minhāj* (Berut : Dār al-Ma’rifah, 1998), 2: 133. ; Lihat juga : Haron Din, *Islam : Agama Bisnes & Pengurusan* (PTS MILLENNIA SDN.BHD, 2007), 19.

عَنْ أَبْنَى عَبَّاسٍ قَالَ : قَدَمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ وَهُمْ يَسْلُكُونَ فِي الثَّمَارِ السَّنَةِ وَالسَّنَتَيْنِ ، فَقَالَ : { مَنْ أَسْلَفَ فَلَيُسْلِفْ فِي كُلِّ مَعْلُومٍ وَزُنْ مَعْلُومٍ إِلَى أَجَلٍ مَعْلُومٍ } رواه الجماعة وهو حجة في السلم في منقطع الجنس حالة العقد

Terjemahan : “barang siapa menjual kurma secara salam, maka hendaknya dia menjualnya dalam takaran yang jelas,timbangan yang jelas dan jangka waktu yang jelas”<sup>92</sup>  
Dalam menyempurnakan penjualan secara salam pasti memenuhi syarat-syarat sah kontrak salam

seperti berikut : <sup>93</sup>

1. Wang harga perlu dibayar pada majlis akad
2. Barangnya dapat diserahkan pada masa perjanjiannya tiba,
3. Barangnya menjadi hutang ke atas penjual
4. Barang itu jelas ukurannya, baik dengan sukatan timbangan ukuran ataupun bilangan
5. Dimaklum dan disebutkan sifat barangnya dengan satu persatu
6. Disebutkan tempat menerimanya.

### 2.7.6 Al-Ijārah

Perkataan *Al-Ijārah* dalam bahasa arab diberi erti upah, sewa, jasa. *al-Ijārah* merupakan salah satu bentuk kegiatan muamalah dalam memenuhi keperluan hidup manusia seperti sewa-menewa, kontrak dan lain-lain.Bererti jual beli manfaat, jual beli manfaat yang tertentu dengan imbalan tertentu<sup>94</sup>

فَإِنْ أَرَضَعْنَ لَكُمْ فَقَاتُوهُنَّ أُجُورُهُنَّ ...

<sup>92</sup>Muhammad bin ‘Ali al-Syaukāni, *Nail al-Aytār*, ed. Ke -5 (Dar al-Hadīth, 1993), 268. ; Syams al-Dīn al-Khatīb al-Syarbīnī, 2:134.

<sup>93</sup>*Ibid.*, 20.

<sup>94</sup>Ahmad al-syarbāṣī (1981), 17. ; Syams al-Dīn al-Khatīb al-Syarbīnī, 2:427. ; Lihat juga : Nasrun Haroen, *Fiqh Muamalah*, (Jakarta : Gaya Media Pratama, 2000), 228

Terjemahan : dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya

Surah al-Talaq 65 :6

Dan satu ayat lagi yang berkaitan dengan al-Ijarah ;

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَأْبَى أَسْتَعْجِرُهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَعْجَرَتِ الْقَوْيُ الْأَمِينُ<sup>٩٤</sup>

Terjemahan : Salah seorang di antara perempuan Yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambila Dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), Sesungguhnya sebaik-baik orang Yang ayah ambil bekerja ialah orang Yang Kuat, lagi amanah"

Surah al-Qasas 28:26

Di atas menunjuk bahawa perkataan الأجرُ yang diberikan maknanya iaitu “upahan” atau “sewa” dapat difaham bahawa dibenar sewa, dengan membayar kepada pemilik harta atas pengambilan manfaat dari harta tersebut.

### 2.7.7 al-Qard al-Hasan

Menurut perkata *al-Qard al-Hasan* dari sudut bahasa maknanya potongan yang baik<sup>95</sup>. Dari segi istilah diberi maksud memberi milik sesuatu yang akan dipulangkan perkara tersebut.<sup>96</sup> Merujuk kepada *al-Qard al-Hasan* yaitu pimjaman tanpa faedah yang diberikan untuk digunakan kerana

<sup>95</sup> Abū al-Ḥusain Yaḥyā bin Abī al-Khair bin Sālim al-‘Imrāni al-Yamani al-Syāfi‘ī (558H), *al-Bayān fi Madhhab al-Imām al-Syāfi‘ī*, ed. Qāsim Muḥammad al-Nūri (Jeddah- Dār al-Minhāj), 181. ; Lihat juga : Osman Sabran, *Urus Niaga Al-Qard Al-Hasan Dalam Pinjaman Tanpa Riba* (Skudai : UTM, 2001), 59.

<sup>96</sup> Syamsuddin Ḳhaṭib al-Syarbīnī (t.t), 2:117. ; Ahmad al-syarbāṣī (1981), 356. ; Waḥbah al-Zuhaili (1985), *al-Fiqh al-Islāmi wa adillatuh* (Damsyik :Dār al-Fikr, 1985), 4:720.

tujuan kebaikan. Ia tidak dikehendaki dibayar apa-apa yuran. Namun peminjam boleh memberi hadiah sagur hati (Hibah) kepada pemberi pinjam tanda penghargaan dan terima kasih.<sup>97</sup>

Dari sudut syarak ditakrif dengan pelbagai takrif menurut mazhab, tetapi kesemua itu diberi maksud yang sama yang dibuat kesimpulan iaitu pinjaman yang diberikan kepada peminjam kerana Allah untuk membantunya dalam menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.<sup>98</sup>

Sehubungan dengan itu, tentang memberi pinjaman kebanjikan ini, telah disebut dalam al-Qur'an yang menggalakkan membuat perkara yang baik tersebut. Allah S.W.T telah menegaskan dalam al-Qur'an :

يَأَيُّهَا الْمُنَّىٰءِ إِمَّا مُؤْمِنُوا أَرْكَعُوا وَأَسْجُدُوا وَأَعْبُدُوا رَبَّكُمْ وَأَفْعَلُوا الْخَيْرَ

لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Terjemahan : Wahai orang-orang Yang beriman, rukuklah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang), dan Beribadatlah kepada Tuhan kamu (dengan mentauhidkanNya), serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu berjaya (di dunia dan di Akhirat).

Surah al-Haj 22:77

## 2.7.8 al-Wakalah

al-Wakalah adalah yang bermaksud di segi terminologi ialah memberi kuasa kepada seseorang. Dari segi istilah ialah membuat perjanjian melantik seorang wakil dan orang yang diwakil itu

<sup>97</sup>Wahbah al-Zuhaili (1985), 4:356. ; Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 282. ; Nor Muhammad Yakcop (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia* (Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 1996), 93.

<sup>98</sup>Osman Sabran, *Urus Niaga Al-Qard Al-Hasan Dalam Pinjaman Tanpa Riba* (Skudai : UTM, 2001), 60.

diberi kuasa untuk melaksanakan sesuatu kerja atau tugas untuk menjaga dengan memenuhi syarat tertentu.<sup>99</sup>

Telah disebut dalam al-Qur'an tentang perwakilan tentang kewangan yang telah sepakat dalam seseorang untuk menguruskan sesuatu, seperti ayat dibawah :

فَابْعَثُوا أَحَدَكُم بِوْرِقُكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلَيَنْظُرْ أَيُّهَا أَزْكَى طَعَامًا  
فَلَيَأْتِكُم بِرِزْقٍ مِّنْهُ وَلَا يُشْرِنَّ بِكُمْ أَحَدًا ﴿١٩﴾

Terjemahan : Utuslah salah seorang dari kamu, membawa wang perak kamu ini ke bandar; kemudian biarlah Dia mencari dan memilih manapun jenis makanan Yang lebih baik lagi halal (yang dijual di situ); kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya; dan hendaklah ia berlemah-lembut Dengan bersungguh-sungguh (semasa di bandar); dan janganlah Dia melakukan sesuatu Yang menyebabkan sesiapapun menyedari akan hal kamu.

Surah al-Kafîf 18:19

Dan juga disebutkan tentang perwakilan Nabi S.A.W kepada Jabir untuk mengambil wang dari wakilnya di Khaibar

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، أَنَّهُ سَمِعَهُ يُحَدِّثُ، قَالَ: أَرَدْتُ الْخُرُوجَ إِلَى خَيْرٍ، فَأَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَلَّمَتْ عَلَيْهِ وَقُلْتُ: إِنِّي  
أَرَدْتُ الْخُرُوجَ إِلَى خَيْرٍ فَقَالَ: «إِذَا أَتَيْتَ وَكِيلِي فَخُذْ مِنْهُ خَمْسَةَ عَشَرَ وَسُقَّا»<sup>100</sup>

<sup>99</sup> Abû Bakr bin Muhammâd bin 'Abd Al-Mu'min bin Hazîz bin Mu'allâ bin al-Husain al-Hâsani, Taqiy al-Dîn al-Syâfi'i, *Kifâyah al-Akhyâr fî hal Ghâyah al-Ikhtîṣâr*. Tahqiq oleh 'Ali Abd. al-Hamîd Baltaji dan Muhammâd Wahbi Sulaimân (Damsyik :Dâr al-Khair, 1994), 271.

<sup>100</sup> Ahmad bin al-Husain bin 'Ali bin Mûsa al-Khuraujidi al-Khurasâni Abû Bakr al-Baihaqi, *al-Sunan al-Saghîr li al-Baihaqi*, "Bâb al-Wakâlah". No. hadith 2107. (Pakistan : Jâmiah al-Dirâsât al-Islâmiyyah, 1989), 2:308.

Terjemahan : Dari Jabir ra berkata, aku keluar hendak pergi ke Khaibar, lalu aku datang kepada Rasulullah saw., aku katakan kepada Beliau, "Sungguh aku ingin keluar ke Khaibar". Lalu Beliau bersabda, "Bila engkau datang pada wakilku di Khaibar, maka ambillah darinya 15 wasaq.

Hadith diatas menunjuk bahawa di dalam kehidupan sehari-hari Rasulullah mewakilkan kepada orang lain dalam menanggani berbagai urusan. Membayar hutang, mewakilkan penetapan had dan pembayarannya, mewakilkan penanganan unta dan lain-lain sebagainya yang merupakan contoh konkret diakuinya *al-Wakālah* di masa Nabi.

### 2.7.9 al-Wadi‘ah

Perkataan *al-Wadi‘ah* yang mempunyai maksud barang yang di beri simpan pada orang lain untuk menjaga barang tersebut<sup>101</sup>, demi memelihara daripada berlaku kerosakan dan kehilangan atau sebagainya.<sup>102</sup> Seperti mana petikan dari al-Qur’ān yang mempunyai maksud tempat simpanan. Iaitu kalimah مُسْتَوْدِعٌ seperti yang disebut dalam dalam al-Qur’ān :

وَهُوَ اللَّهُ الَّذِي أَنْشَأَكُمْ مِّنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ فَمُسْتَقْرٌ وَمُسْتَوْدِعٌ قَدْ فَصَلَّنَا أَلْيَاتٍ لِقَوْمٍ  
يَفْقَهُونَ

Terjemahan : dan Dia lah Yang mencipta kamu dari diri Yang satu (Adam), maka (bagi kamu) disediakan tempat tetap (dalam tulang sulbi bapa kamu atau di bumi), dan tempat simpanan (dalam rahim ibu atau Dalam kubur). Sesungguhnya Kami telah jelaskan tanda-tanda kebesaran (Kami) satu persatu bagi orang-orang Yang mengerti (secara mendalam).

Surah al-An’ām 6:98

<sup>101</sup>al-Khaṭīb al-Syarbīnī (t.t), 3:104.

<sup>102</sup>Aḥmad al-Syarbāsī (1981), 476.; Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 268.

Dan lagi ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan akad *al-Wadi'ah* yang mana akad *al-Wadi'ah* itu tergantung atas amanah dan tanggungjawab, iaitu firman Allah S.W.T

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمْنَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَن تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾

Terjemahan : Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan Segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum Dengan adil. Sesungguhnya Allah Dengan (suruhannya) itu memberi pengajaran Yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

#### Surah al-Nisa' 5:58

Menurut ayat di atas menunjuk bahawa amanah itu penting. Barang yang diberi amanah untuk menjaga, dan jika berlaku kehilangan atau kerosakan, wajib atas orang yang berpegang amanah atau yang menerima simpanan itu kembalikan apa yang disimpan oleh penyimpan.<sup>103</sup>

#### Jenis akad *al-Wadi'ah*<sup>104</sup>

- i. *Al-Wadi'ah Yad Damānah* – *al-Wadi'ah* di bawah konsep *Damānah* ini, penerima simpanan dapat memanfaatkan wang simpanan tersebut dengan izin pemiliknya dan menjamin untuk dikembalikan simpanan tersebut bila-bila masa yang dikehendaki oleh pemiliknya.
- ii. *Al-Wadi'ah Yad Amānah* – *al-Wadi'ah* di bawah konsep ini, di mana yang menerima simpanan tidak bertanggungjawab atas kehilangan dan kerosakan yang terjadi pada simpanan

<sup>103</sup> Isā 'Abduh (1976), *al-'Uqūd al-Syar'iyyah al-Hākimah li al-Mu'amalāt al-Māliyyah al-Mu'āsirah* (Jāmi'ah al-Imām Muḥammad bin Sa'ūd al-Islāmiyyah: Dār al-'Itiṣām, 1976), 115.

<sup>104</sup> Abū Abd. Allāh Muḥammad bin Idrīs bin al-'Abbās bin 'Usmān bin Syāfi' bin Abd. Al-Muṭṭalib bin Abd. Manāf al-Maṭlabi al-Qurasyī al-Makki al-Syafī'i, *al-Umm*. (Berut :Dār al-Ma'rifah, t.t), 142. ; Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 268.

tersebut, selama mana kejadian itu bukan akibat dari kelalaian atau kecuaian penerima simpanan dalam memelihara simpanan tersebut.

### 2.7.10 al-Rahn

*Al-Rahn* atau pajak gadai mempunyai makna dari sudut bahasa ialah tetap dan kekal<sup>105</sup> setengah dari ulama ada yang mengatakan ialah *al-Habs* yaitu tertahan. Sedangkan dari sudut istilah iaitu menjadikan suatu benda yang mempunyai nilai harta dalam pandangan syarak untuk kepercayaan suatu hutang, sehingga memungkinkan mengambil seluruh atau sebagian hutang dari benda itu.<sup>106</sup>

Justeru itu, *al-Rahn* atau pajak gadai dibenar dalam Islam, yang mana telah disebut dalam al-Qur'an, firman Allah S.W.T :

﴿ وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَى سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرَهِنْ مَقْبُوضَةً فَإِنَّ أَمِنَ بَعْضُكُمْ بَعْضًا فَلَيُؤْدِي اللَّهُذِي أَوْتُمْنَ أَمَنَتَهُ وَلَيَتَقَبَّلَ اللَّهُ رَبَّهُ وَ... ﴾

Terjemahan : dan jika kamu berada Dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang Yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang Yang memberi hutang). kemudian kalau Yang memberi hutang percaya kepada Yang berhutang (dengan tidak payah bersurat, saksi dan barang gadaian), maka hendaklah orang (yang berhutang) Yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang Yang diamanahkan kepadaNya, dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya...

Surah al-Baqarah 2:283

Menurut ayat di atas, adalah menjadi dasar hukum memperbolehkan gadaian, jika berlaku muamalat tidak secara tunai. Dan dari sejarah hidup Rasulullah S.A.W pernah membuat

<sup>105</sup> Ahmad al-Syarbāī (1981), 201.

<sup>106</sup> Abū al-Hasan ‘Ali bin Muḥammad bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Baṣāri al-Baghdādi al-Māwardī (t.t), *al-Ḥāwi al-Kabīr fī fiqh Madhab al-Imām al-Syāfi‘i wa huwa Syarh Mukhtaṣar al-Muzāni* (Bairut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah), 6: 4.

transaksi dengan seorang yahudi dengan menjadikan baju besinya sebagai jaminan, Seperti hadith :

عَنْ أَنَسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: وَلَدَنْ رَهْنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دِرْعَةً بِشَعِيرٍ...<sup>107</sup>

Maksudnya : Di riwayat dari Anas R.A berkata : Sesungguh Rasullah S.A.W telah menggadaikan baju besinya dengan gandung...

Berdasar kepada dua sumber hukum tersebut para ulama sebahagian jumhur telah bersepakat bahawa *al-Rahn* itu merupakan transaksi yang diharuskan dalam Islam, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa Gadaian adalah perjanjian antara penggadai dan pihak yang menerima gadaian di mana penggadai mengemukakan sesuatu barang yang berharga sebagai cagaran atau sandaran kepada pihak yang menerima dagaian untuk meyakinkan bahawa haknya dalam sesuatu hutang atau pinjaman yang diberikan akan hilang sekiranya pihak yang berhutang tidak dapat menjelaskan hutang itu. Jika sekiranya pihak yang berhutang tidak dapat menjelaskan hutangnya seperti yang dipersetujui, pihak yang menerima gadaian akan menjual barang gadaian tersebut dan harganya diambil sekadar jumlah yang belum jelas dan bakinya dikembalikan kepada penggadai.<sup>108</sup>

### 2.7.11 Al-Kafalah

*Al-kafalah* berasal dari kata كفالة (menanggung) merupakan jaminan yang diberikan oleh penanggung (كفيل) kepada pihak ketiga untuk memenuhi kewajiban pihak kedua atau yang ditanggung.<sup>109</sup> Dasar hukum untuk akad *kafalah* ini dapat dilihat di dalam al-Qur'an, sebagai berikut :

<sup>107</sup> Muhammad bin Ismail Abū ‘Abdullāh al-Bukhāri al-Ja’fiy (t.t), *al-Jāmi’ al-Musnad al-Šahīh al-Mukhtaṣar min ‘umūri Rasūlillāh Ṣallalāh ‘alaihi wa sallam wa sunanāh wa aiyāmihī*, Šahīh al-Bukhāri, Bāb al-Rahn fi al-Hāḍar, No. Ḥadīth. 2508. (Dār Ṭuq al-Najāt), 3 :142.

<sup>108</sup> Bank Islam Malaysia Berhad, *Bank Islam Penubuhan dan Operasi*. Purnama Kuala Lumpur, 1989), 13-14.

<sup>109</sup> Ahmad al-syarbāṣī (1981), 386. ; Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia, 1999), 283.

قَالُواْ نَفِقْدُ صُوَاعَ الْمَلِكِ وَلَمَنْ جَاءَ بِهِ حَمْلٌ بَعِيرٍ وَأَنْبَانِ بِهِ رَعِيمٌ

Terjemahan : orang-orang menteri menjawab: "Kami kehilangan cupak raja. dan sesiapa Yang memulangkannya akan diberi (benda-benda makanan) sebanyak muatan seekor unta, dan Akulah Yang menjamin pemberian itu".

Surah Yusuf 2:283

Dan dalil dari sunnah yang menunjukkan bahawa diperbolehkan al-Kafalah itu sebagai berikut :

عَنْ سَلَمَةَ بْنِ الْأَكْوَعِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: كُنَّا جُلُوسًا عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، إِذْ أَتَيَ بِجَنَازَةً، فَقَالُوا: صَلَّ عَلَيْهَا، فَقَالَ: «هُنَّ عَلَيْهِ دَيْنٌ؟» ، قَالُوا: لَا، قَالَ: «فَهُنَّ تَرَكَ شَيْئًا؟» ، قَالُوا: لَا، فَصَلَّى عَلَيْهِ، ثُمَّ أَتَيَ بِجَنَازَةً أُخْرَى، فَقَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، صَلَّ عَلَيْهَا، قَالَ: «هُنَّ عَلَيْهِ دَيْنٌ؟» قَيْلَ: نَعَمْ، قَالَ: «فَهُنَّ تَرَكَ شَيْئًا؟» ، قَالُوا: ثَلَاثَةُ دَنَابِيرَ، فَصَلَّى عَلَيْهَا، ثُمَّ أَتَيَ بِالثَّالِثَةِ، فَقَالُوا: صَلَّ عَلَيْهَا، قَالَ: «هُنَّ تَرَكَ شَيْئًا؟» ، قَالُوا: لَا، قَالَ: «فَهُنَّ عَلَيْهِ دَيْنٌ؟» ، قَالُوا: ثَلَاثَةُ دَنَابِيرَ، قَالَ: «صَلُّوا عَلَى صَاحِبِكُمْ» ، قَالَ أَبُو قَتَادَةَ صَلَّ عَلَيْهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَعَلَيَّ دَيْنُهُ، فَصَلَّى عَلَيْهِ<sup>110</sup>

Dari Salamah bin Al Akwa' R. A, beliau berkata : Kami duduk di sisi Nabi S.A.W, lalu didatangkanlah satu jenazah, lalu beliau bertanya, "Adakah dia memiliki hutang?" Mereka (para sahabat) menjawab, "Tidak ada." lalu beliau mengatakan, "Adakah dia meninggalkan sesuatu?"

Lantas mereka (para sahabat) menjawab, "Tidak." lalu beliau S.A.W sembahyang di atas jenazah tersebut. Kemudian didatangkanlah jenazah lainnya, lalu para sahabat berkata, "Wahai Rasulullah solatkanlah dia!"

Lalu beliau bertanya, "Adakah dia memiliki hutang?" Mereka (para sahabat) menjawab, "ya" Lalu beliau mengatakan, "Adakah dia meninggalkan sesuatu?" Lantas mereka (para sahabat) menjawab, "Ada" sebanyak 3 dinar." lalu beliau sembahyang diatas jenazah tersebut. Kemudian didatangkan lagi jenazah ketiga, lalu para sahabat berkata, "Solatkanlah dia!" Beliau bertanya, "Adakah dia meninggalkan sesuatu?" Mereka (para sahabat) menjawab, "Tidak ada"

<sup>110</sup>Muhammad bin Ismail Abū ‘Abdullāh al-Bukhāri al-Ja’fīy (t.t), 3: 93.

lalu beliau bertanya, “Adakah dia memiliki hutang?” Mereka menjawab, “Ada tiga dinar.” Beliau berkata, “Solatkanlah sahabat kalian ini.” Lantas Abu Qatadah berkata, “Wahai Rasulullah, solatkanlah dia. Biar aku sahaja yang menanggung hutangnya.” Kemudian beliau pun sembahyang di atas jenazah tersebut.

Oleh yang demikian, kedua-dua sumber telah bersepakat ulama diperbolehkan akad *al-kafalah* ini. Namun konsep *al-Kafalah* yang digunakan pada masa kini ialah Jaminan Hutang atau Pelaksanaan Kerja adalah perjanjian antara penjamin dan pihak yang menerima jaminan di mana penjamin menerima tanggungjawab untuk menjelaskan hutang atau membayar ganti rugi jika sekiranya pihak yang berhutang

atau berjanji untuk melaksanakan sesuatu kerja itu gagal untuk menuaikan tanggungjawabnya.<sup>111</sup>

## 2.8 KONSEP PEMBANGUNAN DALAM EKONOMI ISLAM

### 2.8.1 Pengertian pembangunan ekonomi

Pembangunan adalah suatu usaha atau kegiatan untuk memajukan dan mengembangkan. Dalam pembangunan ekonomi (*Development of Economic*), ialah usaha-usaha untuk menaikan taraf hidup sesuatu bangsa, yang sering diukur dengan pendapatan per kapita, atau suatu proses peralihan dari tingkat ekonomi yang sederhana menuju ketingkat ekonomi yang lebih maju, atau dalam ertikata lain ekonomi pembangunan adalah satu cabang disiplin ekonomi yang memberikan perhatian khusus kepada negara membangun. Disiplin ini bertujuan menganalisis

---

<sup>111</sup>Bank Islam Malaysia Berhad, 14.

masalah-masalah yang dihadapi oleh negara ini dan mengenal pasti masalah tersebut supaya usaha membangunkan ekonominya dapat dijalankan dengan lebih pesat lagi.<sup>112</sup>

Jika kita lihat pada isu pembangunan ekonomi mula timbul selepas Perang Dunia Kedua, sebelum perang, kebanyakan negara membangun masih dijajah. Negara-negara penjajah tidak mempedulikan soal pembangunan di tanah jajahan mereka kerana motif utama penjajah adalah mengaut hasil keuntungan untuk negara mereka sendiri, negara-negara yang dijajah hanya berfungsi sebagai pembekal bahan mentah dan pasaran untuk keluaran industri negara penjajah. Pemimpin-pemimpin di negara membangun pada masa itu lebih menumpukan kepada soal-soal kemerdekaan daripada soal-soal pembangunan ekonomi.<sup>113</sup>

Pembangunan ekonomi dalam Islam boleh didefinisikan sebagai perbaikan yang seimbang dan kekal dalam kesejahteraan manusia dari segi kebendaan, akan tetapi matlamat ini bukannya semata-mata matlamat dalam pembangunan dalam Islam. Islam tidak menghalangkan pembangunan kenbendaan, tetapi pembangunan itu perlu menjalan selaras dengan ajaran Islam. Dalam keadaan itu, pembangunan lain yang tidak kurang pentingnya iaitu pembangunan membina masyarakat yang memiliki akhlak kehidupan yang terpuji perlu diambilberatkan.<sup>114</sup>

### **2.8.2 Pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam**

---

<sup>112</sup> AB. Razak Dan, *Kajian Ekonomi Pembangunan*, dalam *Teori Pertubuhan dan Pembangunan Ekonomi* ed al., Nor Aini Haji Idris dan Ab. Razak Dan, (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2004), 19.

<sup>113</sup>*Ibid.*

<sup>114</sup> Ahmad Shukri Mohd.Nain & Rosman Yusoff, *Konsep, Teori, Dimensi dan Isu pembangunan* (Universiti Teknologi Malaysia, Johor, 2003), 106. ; Lihat juga : Abdulhasan Muhamad Sadeq, *Economic Development in Islam*. Rohani Sulaiman (terj.), *Pembangunan Ekonomi dalam Islam* (Utusan Publications & distributors Sdn Bhd, 2003), 2.

Islam merupakan agama yang merakumi semua aspek dalam kehidupan sehari-hari umatnya,<sup>115</sup> yang mana dijelaskan dalam Al-Qur'an tentang kesempurnaan Islam :

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْأَسْلَمَ دِينًا

Terjemahan : Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu

Surah al-Māidah 5:3

Oleh yang demikian, kesempurnaan itu adalah merangkumi setiap dari aspek sosial, undang-undang dan ekonomi,<sup>116</sup> di mana ekonomi yang berteraskan Islam yang menuju kesejahteraan didunia dan akhirat. Pada dasarnya berjalan di atas prinsip “*al-Falah*” iaitu kesejahteraan kepuasan fizikal, mental dan kejayaan didunia dan akhirat.<sup>117</sup> Islam juga mempunyai peraturan hidup yang paling lengkap, dalam meletakkan dasar-dasar ekonomi Islam diperlukan amalan dasar secara bersamaan untuk menunjukkan kesatuan sebagai satu keadaan yang tidak dapat dihindarkan.<sup>118</sup>

Dalam cara hidup untuk memenuhi keperluan di dunia, Islam menuntut setiap individu harus berkerja keras untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia ini. Seperti mana Allah S.W.T menegaskan dalam Al-Qur'ān al-Karīm :

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ ...

<sup>115</sup> Muhammad Rāmīz ‘Abd Fattāh al-Uzīzī, *Mabādī’ al-Nizām al-Iqtisadī fi al-Islāmī wa Mumaiyyizatuh* (Amman: Dār Juhainah, 2003), 12.

Munay

<sup>117</sup> Pusat Pengkajian dan pengembangan Ekonomi Islam (P3EI) Universiti Islam Indonesia, Yogyakarta atas Kerja Sama dengan Bank Indonesia, *Ekonomi Islam* (PT Raja Grafindo Persada, Jakarta, 2008), 2.

<sup>118</sup>Mahmud Abu Saud, *Garis-garis Besar Ekonomi Islam* (Gema Insani Press: Penerbit buku andalan, Jakarta, 1996), 17.

Terjemahan : Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa Yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa Yang ada pada diri mereka sendiri. dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri).

Surah Ar-Ra'du 13:11

Dari ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah S.W.T tidak merubahkan nasib seseorang melainkan dia merubahkan nasib mereka sendiri. Ini bermakna Islam tidak melarang manusia dari mencari kekayaan didunia ini, namun kekayaan itu perlu berada atas dasar pertengahan tidak melampaui batasan Syariah.

Prinsip pembangunan Islam, menjadikan al-Qur'an dan Sunnah Nabi Muhammad S.A.W adalah sumber utama. Prinsip pembangunan Islam yang mengandungi falsafah paling asas dalam Islam terdiri dari 3 pokok iaitu : Falsafah Tauhid, Falsafah Khalifah, Falsafah Akhlak.<sup>119</sup> ketigatiga pokok itu mengandungi maksud yang tertentu. Falsafah Tauhid (keesaan dan kekuasaan Allah) adalah yang meletakkan peraturan-peraturan tentang hubungan Allah S.W.T. Dengan manusia dan hubungan manusia sesama manusia.<sup>120</sup>

Falsafah Khalifah<sup>121</sup> ialah falsafah yang menentukan peranan dan status manusia selaku khalifah di muka bumi ini yang bertanggungjawab sebagai pemegang amanah Allah S.W.T. untuk menjaga dan memeliharakannya. Allah S.W.T selaku pemilik segala harta perbendaharan di alam semesta ini. Seperti mana dalam firmannya dalam kitab suci :

---

<sup>119</sup> Ahmad Shukri Mohd.Nain & Rosman Yusoff, *Konsep, Teori, Dimensi dan Isu pembangunan* (Universiti Teknologi Malaysia, Johor, 2003), 97.

<sup>120</sup> Radiah Abdul Kader, *Ekonomi Islam* (Kuala Lumpur :Univision Press Sdn. Bhd, 2001), 8.

<sup>121</sup> Khurhid Ahmad, *Economic Development in an Islamic Framework*. Dalam *Studies in Islamic Economics*, ed. Khurshid Ahmad (United Kingdom : Pusat penyelidikan ekonomi Islam Antara Bangsa, Universiti King Abdul Aziz, Jeddah dan Yayasan Islam, 1980), 178.

وَلَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ لِيَجْزِي اللَّذِينَ أَسْعَوا بِمَا عَمِلُوا وَتَبَحِّرَى اللَّذِينَ

أَحْسَنُوا بِالْحُسْنَى

Terjemahan : dan Allah jualah Yang memiliki Segala Yang ada di langit dan Yang ada di bumi; ( diciptakan semuanya itu) untuk membalaas orang-orang Yang berbuat jahat menurut apa Yang mereka lakukan, dan membalaas orang-orang Yang berbuat baik Dengan balasan Yang sebaik-baiknya.

Surah An-Najm 53:31

Falsafah Akhlak ialah peranan para Nabi dan Rasul yang diutuskan ke alam ini memainkan peranan dalam penyucian hubungan manusia dengan Allah S.W.T., manusia dengan manusia, manusia dengan alam sekitar, dan manusia dengan masyarakat dan negara.<sup>122</sup> Sehubungan dengan itu, Islam juga menggalakkan dalam menghormati harta-harta yang milik orang lain dan melarang mencuri merompak harta orang lain, seperti firman Allah S.W.T :

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقةُ فَاقْطَعُوْا أَيْدِيهِمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَلًا مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ

حَكِيمٌ

Terjemahan : dan orang lelaki Yang mencuri dan orang perempuan Yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan Dengan sebab apa Yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Surah al-Maidah 5:38

<sup>122</sup>Joni Tamkin Bin Borhan, “ Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam,” *Jurnal Usuluddin*, no. 27 (2008), 97.

Berkaitan dengan falsafah akhlak ini, iaitu pembaziran juga di larang oleh Islam, kerana segala harta yang dimiliki oleh seseorang itu, hendaklah dibelanjakan secara pertengahan, tidak terlampaui bakhil dan boros, sentiasa membelanjakan harta pada jalan Allah S.W.T . Seperti mana dalam firman Allah S.W.T :

إِنَّ الْمُبَدِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَنِ وَكَانَ الشَّيْطَنُ لِرَبِّهِ كُفُورًا

Terjemahan : Sesungguhnya orang-orang Yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk Yang sangat kufur kepada Tuhan-Nya.

Al-Isrā' 17:27

Menurut teori ekonomi komunis, konsep pembangunan ekonomi hanya dilihat sebagai sebahagian daripada konsep kebendaan. Apa-apa perancangan ekonomi oleh negara yang lari daripada fahaman di atas dianggap menyimpang daripada fahaman komunis dan dianggap sebagai borjuis. Sementara itu dalam sistem ekonomi Islam, adalah bersifat komprehensif dan bersepadau iaitu pembangunan yang meliputi pembangunan dalam akhlak, kerohanian dan kebendaan.<sup>123</sup> yang berbeza dengan pembangunan sekular di mana mereka menganggap agama itu sebagai penghalang kepada pembangunan. Oleh yang demikian, agama itu perlu dipisahkan daripada semua urusan pembangunan. Agama dalam pandangan sekularis hanyalah merupakan urusan peribadi tidak ada kaitan dengan urusan negara dan masyarakat.<sup>124</sup>

Menurut Islam tidak menetapkan kadar hak milik bagi seseorang, namun diberi kebebasan dalam pemilikan harta sebanyak mana mungkin tetapi dengan cara yang dibenarkan oleh

---

<sup>123</sup>Ibid., 95.

<sup>124</sup>Ahmad Shukri Mohd.Nain & Rosman Md. Yusof, *Konsep, Teori, Dimensi dan Isu Pembangunan*. Skudai :Universiti Teknologi Malaysia, 2003), 133.

Islam. Islam juga menggalakan mencari rizki dalam hal keadaan sentiasa mengingati dan syukur kepada nikmat Allah S.W.T seperti dalam firman Allah S.W.T

فَإِذَا قُضِيَتِ الْصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَآذُكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا

لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Terjemahan : kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa Yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam Segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di Akhirat).

Surah Al-jumuah 62:10

Di samping itu, walau bagaimana pun, dalam mencari rezeki itu, pasti tidak ada penindasan memakan harta secara batil seperti berikut ;

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ وَتُدْلُوْا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ

أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْأَثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Terjemahan : dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu Dengan jalan Yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia Dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).

Surah al-Baqarah 2:188

Justeru itu, sistem ekonomi yang berdasarkan bertujuan membangun kesejahteraan ummah mengagihkan kesaksamaan dalam memiliki kekayaan. Keadilan adalah objektif utama dalam ekonomi Islam untuk mencapai keadilan ekonomi, ahli ekonomi Islam memberi pendapat

bahawa sesuatu masyarakat mestilah mematuhi dua prinsip umum: kesamaan (*Equality*) dan kesaksamaan (*Fairness*) untuk melahirkan kesejahteraan yang berkesan.<sup>125</sup> Inilah keagungan Islam yang mengaturkan cara hidup umatnya secara adil bukan hanya dalam hal ibadat, namun pada semua aspek kehidupan.

## **2.9 HUBUNGKAIT PERBANKAN ISLAM DENGAN PEMBANGUNAN EKONOMI UMMAH**

Pembangunan ekonomi ummah atau pembangunan ekonomi masyarakat, adalah perkara yang penting dalam suatu kehidupan. Dibererti juga dengan menyediakan peluang ekonomi yang lebih banyak kepada setiap rakyat. Penggangguran sifar bererti setiap rakyat mempunyai peluang hidup yang lebih baik pada zaman moden ini, dan taraf kehidupan juga dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa dengan penyediaan pelbagai infrastruktur asas. Pada ringkasnya, pembangunan ekonomi adalah menyediakan keperluan kehidupan fizikal yang asas untuk membolehkan seseorang individu dan masyarakat terus hidup serta dapat menyesuaikan kehidupan mereka yang lebih baik.<sup>126</sup>

Menurut sejarah perkembangan sistem perbankan Islam dari awal sampai kini yang berkembang pesat, yang dapat berdiri teguh melalui krisis kewangan. Perbankan Islam mempunyai hubungkait rapat terhadap pembangunan ekonomi, oleh kerana tujuan dalam penubuhan perbankan Islam ialah mempunyai kewajipan dalam membangunkan ekonomi masyarakat dan juga menjadi sebagai tempat lindung dalam simpanan harta yang tidak berkaitan dengan perkara yang diharamkan seperti riba. Bank Islam juga memberi sumbangan dalam menyediakan pengagihan dana bagi mereka yang berpendapatan rendah supaya dapat peluang untuk berurus perniagaan yang berterusan.

---

<sup>125</sup>Jomo K.S, *Alternatif Ekonomi Islam-Perspektif Kritis dan Haluan Baru* (Kuala Lumpur : Jomo K.S, Shamsudin Ismail (terj.) . Dewan Bahasa dan Pustaka, , Ikraq, 1992), 50.

<sup>126</sup>Ahmad Shukri Mohd.Nain & Rosman Md. Yusof (2003), *op. cit.*, h. 186.

Hubung kait yang sangat jelas di wilayah Selatan Thailand di mana sistem perbankan Islam di Thailand yang dapat di lihat bahawa penubuhan *Islamic Bank of Thailand* yang menjadi perhatian masyarakat dalam pembangunan ekonomi yang selaras dengan prinsip Islam. Maka Islamic Bank of Thailand telah mengadakan satu bahagian khas yang dinamakan “*Fai Phattana Setthakit lae Sangkhum 5 Changwat Chaidan Tai*” (Pusat pembangunan ekonomi dan Sosial 5 wilayah Selatan Thailand) dalam bertanggungjawab khas dalam pembangunan ekonomi bagi penduduk akar umbi atau penduduk di peringkat bawahan dengan penawaran pembiayaan kepada penduduk yang kurang upaya dengan tanpa aset jaminan untuk mengakseskan pembiayaan.

Maka dapat dibuat kesimpulan bahawa bank Islam mempunyai hubungkait yang rapat dari aspek objektif dalam penubuhan. Kerana objektif penubuhan yang telah disebut sebelumnya adalah berpandu dengan al-Qur’ān dan Sunnah, yang mana bank Islam adalah sistem perbankan yang berurusniaga atas dasar tanpa faedah (bunga) dan zakat juga turut diagihkan sebagai satu kewajipannya, ini dapat memberi peluang kepada mereka yang miskin dan kurang upaya sama dengan yang lain dalam masyarakat sejagat. Oleh itu, kesejahteraan dan kesaksamaan tanpa penindasan adalah diutamakan dalam sesuatu masyarakat.

## **2.10 Kesimpulan**

Sistem perbankan Islam sangat memainkan peranan yang amat pentng dalam ekonomi Islam, ia juga menjadi sebagai satu lambang atau simbol bagi keagungan sistem ekonomi Islam. Pembentukan sistem ini, berdasarkan adanya larangan dalam agama Islam, di mana bank Islam ditubuhkan semata-mata untuk menanggung kesejahteraan ummah seluruhnya. Maka dapat kita lihat perbezaan yang jelas diantara sistem ekonomi Islam atau pembangunan Islam dengan sistem ekonomi konvensional, di mana sistem sekular atau konvensional itu mereka hanya

berpegang pada pemikiran manusia yang hanya untuk memenuhi nafsu yang tidak terhad di dunia sahaja, berlainan dengan sistem ekonomi Islam yang berdasar kepada prinsip “*al-Falah*” yang menuju kepada kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat nanti.

## **BAB III**

### **SISTEM PERBANKAN ISLAM DI THAILAND**

#### **3.1 PENGENALAN**

Pada bab yang ketiga ini, penulis akan menggambarkan tentang sistem perbankan Islam di Thailand secara ringkas sahaja supaya pembaca dapat menggambarkan gambaran keseluruhan latarbelakang gerakan sistem kewangan di Thailand dan khususnya di Pattani. Di antara tajuk-tajuk yang akan dibincangkan, adalah sejarah perkembangan sistem perbankan Islam di Thailand, sejarah latarbelakang wilayah Pattani, Rangka kerja perbankan Islam di Thailand serta dengan operasi produk-produk perbankan Islam dalam pembangunan ekonomi di Pusat pembangunan ekonomi 5 wilayah Selatan Thailand.

#### **3.2 MASYARAKAT DAN SEJARAH SISTEM KEWANGAN ISLAM DI THAILAND**

Pemikiran tentang penubuhan tentang perbankan tanpa faedah ini telah lama lebih dari 20 tahun terdahulu dalam sejarah institusi kewangan di Thailand. Namun bagi masyarakat di Thailand ia masih menjadi pekara yang baru diterima. Thailand dianggap sebagai negara yang baru bermula tentang perbankan Islam dan tidak boleh dinafikan bahawa masih ketinggalan jauh jika dibandingkan dengan negara jiran seperti Malaysia.

Di bawah ini akan menjelaskan tentang latar belakang mayarakat Islam dan sejarah sistem kewangan secara ringkas dengan melihat secara keseluruhan sebagai berikut ;

##### **3.2.1 Masyarakat Islam di Thailand.**

Kemunculan Islam di Thailand ada semenjak zaman *Sukhothai* melalui pedagang arab, kemudian pada era *Rattanakosin* Islam berkembang ke rantau ini dan bahagian-bahagian lain di negara

ini<sup>127</sup>. Islam adalah golongan penduduk minoriti yang terdapat pada tiap-tiap wilayah di Thailand, namun majoritinya yang terbesar adalah dikawasan empat wilayah Sempadan Thai, iaitu Pattani, Yala, Narathiwat, Satun dan empat daerah dari wilayah Songkhla. Masyarakat Islam di Thailand.<sup>128</sup> Bagi pentadbiran agama Islam yang dipimpin oleh yang tertinggi di negara Thai ini adalah Chularachamontri<sup>129</sup> yang memainkan peranan dalam keputusan urusan agama Islam di negara ini.

Jurteru itu, selain dari Chularachamontri yang mengambil peranan dalam keputusan umum, seperti urusan hilal yang menentukan hari raya, pemakanan halal, penjelasan tentang masalah hukum-hakam ada lagi bagi setiap wilayah itu mengadakan majlis agama Islam yang dipimpin oleh ketua majlis agama Islam wilayah yang bertanggungjawab urusan dalam wilayah sahaja.

Dari aspek pemakanan, dalam Islam sangat ambil berat tentang perkara ini, di negara Thai juga, ditubuhkan Institusi penyelidikan makanan halal yang terletak di ibu kota Bangkok<sup>130</sup> yang bertanggungjawab tentang memeriksa dan menyelidiki makanan yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat untuk mengesahkan halal makanan dengan memberi jaminan logo halal chularachamontri.

Negara Thailand mempunyai kepelbagaian agama dan budaya dan dinamakan negara pemerintahan beraja di bawah rejim demokrasi dengan memberi kebebasan dalam menganut agama. Namun begitu, masih ada masalah dalam melaksanakan urusan agama walau diberi

---

<sup>127</sup>Jabatan Agama Negara Thailand, dicapai 10 September 2012,

[http://www.dra.go.th/ewtadmin/ewt/dra\\_buddha/main.php?filename=islam\\_1](http://www.dra.go.th/ewtadmin/ewt/dra_buddha/main.php?filename=islam_1)

<sup>128</sup>Surin Pitsuwan (1986), *The Islamic Banking in Thailand*. Dalam Islamic Banking in Southeast Asia (e.d), Mohamed Ariff, 164.

<sup>129</sup>Syaikhul Islam Office, dicapai 15 September 2012, <http://www.skthai.org/>.

<sup>130</sup>The Halal Standard Institute of Thailand, dicapai 15 September 2012, <http://www.halal.or.th/th/main/index.php>.

kebebasan tetapi tiada sokongan yang penuh dari pihak kerajaan dan agensi-agensi yang berkaitan.

### **3.2.2 Masyarakat Islam di Pattani, Selatan Thailand.**

Wilayah Pattani adalah masyarakat melayu Islam yang pada asalnya dalam catatan sejarah adalah sebuah negara yang berdaulat dibawah sistem pemerintahan kesultanan.<sup>131</sup> Kemasukan Islam ke Pattani itu pada zaman pemeritahan Raja Antira (Raja Patani) pada masa itu melalui pedagang arab Pasai yang bernama *Syaikh Safiyy al-Din* pada abad yang ke-13M<sup>132</sup>, Namun beberapa abad pemerintahan Patani dibawah sistem daulat Islam, berlakulah serangan dari pihak Siam (Thailand) menakluk dan menjajah pada masa pemerintahan Sultan Ahmad abad yang ke-17M.<sup>133</sup> Oleh sebab kejatuhan kerajaan Melayu Patani di bawah kerajaan Siam, maka Patani digabung masuk kedalam wilayah-wilayah Negara Thailand sampai sekarang.

Kebanyakan penduduk di kawasan tersebut adalah beragama Islam dan berbangsa Melayu yang berinteraksi dengan bahasa melayu tempatan<sup>134</sup> dan mempunyai kebudayaan yang berlainan dengan pendudukan di kawasan lain dalam negara Thai. Cara hidup dan budayanya hampir sama dengan budaya negeri Kelantan di Malaysia dari segi pemakaian, cakapan, makanan dan lain-lain

Dari sudut pendidikan Patani juga terdapat sekolah agama (sekolah pondok) yang menawar pembelajaran “*Dual-System*” iaitu pengajian Islam disertai dengan ilmu dunia, dibuka dari tingkatan 1-6 (kelas ilmu dunia) selari dengan pengajian agama kelas 1-10(kelas ilmu agama). Dan juga terdapat ratusan pondok lama yang menawarkan pendidikan agama dengan

---

<sup>131</sup>Ibrahim Syukri (2005), *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* (Bangi :Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 34.

<sup>132</sup>*Ibid.*, 32.

<sup>133</sup> Ibrahim Syukri (2005), *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* (Bangi :Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 70-71.

<sup>134</sup>Dialog Melayu Pattani adalah hampir sama dengan dialog Kelantan.

menggunakan kitab turath yang dipimpin oleh Tok guru dalam mentadbirkan keseluruhan pondok.

### **3.2.3 Ekonomi Masyarakat Islam Pattani Selatan Thailand.**

Masyarakat Islam Pattani adalah wilayah yang subur<sup>135</sup> Seperti dari aspek ekonomi adalah perikanan dan pertanian, wilayah Pattani dianggap sebagai wilayah yang subur dengan sumber kekayaan alam, pelbagai tempat pelancongan, serta dengan kepelbagaian kebudayaan tempatan dan juga kawasan terdekat dengan sempadan Malaysia dan Singapore. Oleh itu, wilayah ini adalah wilayah yang berpotensi dalam pembangunan perniagaan, pelabuhan dan pelancongan dengan baik.<sup>136</sup>

Setelah kebelakangan ini telah diambil perhatian oleh kerajaan Thailand terhadap kepentingan yang akan dapat dari kalangan majoriti penduduk Muslim di 5 wilayah Selatan Thai, dengan mengusahakan membuka perkhidmatan khusus yang dinamakan “*Jendela Perkhidmatan Perbankan Islam*” dalam usaha untuk menuju Bank Islam

Selain itu, ada sebuah projek yang menjadi harapan bagi penduduk di wilayah Selatan, iaitu projek pembangunan ekonomi diantara 3 negara iaitu Malaysia, Thailand dan Indonesia yang di kenali sebagai “Ekonomi tiga segi”( Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle : IMT-GT) yang memberi kesempatan kepada orang melayu untuk berkerjasama dalam 3 negara tersebut.

---

<sup>135</sup> Islamic Bank of Thailand, dicapai 9 May 2012, [http://www.ibank.co.th/2010/th/about/about\\_detail.aspx?ID=7](http://www.ibank.co.th/2010/th/about/about_detail.aspx?ID=7) .

<sup>136</sup> Anuwat Songsom, “Pon Kratob khong Pacca phai nork tor pha wa’ Setthakit chang wat Pattani,” (Impak Daripada Faktor-Faktor Luaran Kepada Ekonomi Pattani) *Jurnal Ekonomi dan Pentadbiran Perniagaan, Thaksin University, Songkhla, Thailand 1* Terbitan perdana (Jun-Dec 2006), 31-41.

### **3.3 SEJARAH PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN SISTEM KEWANGAN ISLAM DI THAILAND.**

Kesedaran umat Islam di selatan Thailand yang semakin meningkat, terutama di Selatan Thailand, yang mahu mengamalkan amalan ekonomi sara hidup selari dengan ajaran Islam. Ini dapat dilihat bahawa organisasi pelajar Islam di beberapa buah kampus, sekumpulan ahli akademik, eksekutif perniagaan, serta Para Imam-imam masjid yang cuba untuk menyebarkan pengetahuan mengenai perniagaan perbankan Islam atau perbankan tanpa faedah. Tetapi usaha ini telah mengalami masalah dari kedua-dua sektor dari kerajaan dan swasta, oleh sebab kerajaan tidak memberikan sokongan dalam perkara ini dengan serius dan tiada undang-undang yang menyokong. Sektor swasta juga mengalami kekurangan sumber kewangan dan kekurangan pengetahuan, Pengalaman dan kemampuan untuk menguruskan perbankan. Ini adalah halangan-halangan yang tidak boleh ditubuhkan bank Islam pada masa itu. Namun pada masa itu, telah ada penubuhan institusi kewangan Islam untuk memberikan perkhidmatan kepada orang Islam, seperti berikut :

#### **3.3.1 Tabung zakat dan dana amal chularachamontri**

Tabung ini tidak berjaya disebabkan permasalahan dalam menguruskan dana dan tidak kerjasama oleh para imam dan pemimpin masjid. Oleh sebab keperluan kepada bantuan yang banyak oleh masyarakat Islam, maka wang itu akan membantu mereka dalam masyarakat khususnya. Setelah itu barulah hantar wang yang baki dari itu kepada pusat dana. Walau bagaimanapun, jumlah zakat itu tidak boleh digunakan untuk membiayai perniagaan. Kerana doktrin Islam telah menetapkan bayaran tertentu kepada mereka yang berhak dan menetapkan ciri-ciri yang jelas bagi orang-orang yang layak untuk menerimanya. Oleh itu, pembelanjaan wang pada perkara selain dari itu adalah tidak betul dengan prinsip Islam. Maka tabung ini,

hanya sebagai orang tengah dalam pengurusan pengagihan zakat itu. Hasil tabung ini, sebahagiannya dari wang derma dalam negeri dan luar negeri, yang dapat digunakan dalam pelaburan perniagaan. Walau bagaimanapun, halangan terhadap pergerakan tersebut, menyebabkan kegagalan dalam operasi dana untuk dibangunkan sebagai sumber pembiayaan untuk umat Islam di Thailand.<sup>137</sup>

### **3.3.2 Koperasi dan kelab kewangan Islam**

#### **3.3.2.1 Koperasi Ibnu Affan**

Ibnu Affan adalah salah satu koperasi dalam negara Thailand yang menawarkan perkhidmatan sistem kewangan Islam, terletak di wilayah Pattani Selatan Thailand. Oleh sebab majoriti penduduk adalah Muslim yang mahu kehidupan secara Islam dan juga memerlukan sistem ekonomi tanpa riba. Koperasi ini ditubuhkan oleh kerana cetusan sekumpulan intelektual yang memahami masalah tempatan dan berpandangan terhadap pentingannya institusi kewangan Islam dan kepentingan untuk pembiayaan bagi menyokong usahawan dan generasi baru yang berupaya tetapi tiada sumber kewangan yang halal. Justeru itu, inisiatif untuk menggalakkan masykat dalam simpanan dan pelaburan dalam pelbagai jenis. serta sokongan bersama dikalangan ahli kumpulan dan masyarakat keseluruhan.

Sebagai penghargaan pada Sahabat Nabi Muhammad (S.A.W) yang merupakan usahawan terulung didunia Islam ialah “ Usmān Bin Affān” Khalifah yang ketiga dalam sejarah Islam. Permohonan berdaftar koperasi telah berjaya menurut Akta Koperasi 1999, setelah itu

---

<sup>137</sup>Persatuan Alumni Thailand di Pakistan dan Koperasi Islam Pattni Bhd ; Surin Pitsuwan (1986), *The Islamic Banking in Thailand*. Dalam Islamic Banking in Southeast Asia ed. Mohamed Ariff, 166-.167.

koperasi dapat sokongan dari pihak kerajaan dibawah pendaftaran nama “*Koperasi Ibnu Affan Sdn.Bhd*” No. Pendaftaran A. 008335 berkuat kuasa dari 19 Jun 1992 dan seterusnya.<sup>138</sup>

### **3.3.2.2 Kopersi Islam Pattani Berhad (*The Islamic Saving Co-operative of Pattani Limited*)<sup>139</sup>**

Koperasi ini ditubuhkan pada 19 April 1987 oleh Den To’mina (wakil rakyat pada masa itu) serta dengan ahli jawatan kuasa Majlis Agama Islam Wilayah Pattani, dan juga dijemput pakar-pakar, cendikiawan dan pemimpin agama di Pattani seramai 2000 orang dengan mangadakan seminar untuk mencari solusi dalam pembangunan ekonomi dan masyarakat, di mana majoriti tempatan adalah Muslim. Dalam seminar ini dijemput ahli pakar dari Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan ahli dari jabatan sokongan koperasi. Hasil dari seminar tersebut, didapati bahawa prinsip dan cara koperasi itu selaras dengan cara hidup Muslim dan tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Maka membuat keputusan dalam menubuhkan organisasi entiti dalam bentuk koperasi yang menjadi institusi kewangan dan perusahaan awam. Koperasi Islam Pattani Berhad telah berdaftar di bawah Akta koperasi 1968 pada 28 Oktober 1987 yang dikawal oleh Bahagian ekonomi, Pejabat Jawatankuasa Islam wilayah Pattani. Pada awalnya pejabat terletak di Pejabat jawatankuasa Islam wilayah Pattani, sehingga jumlah perniagaan berkembang, maka berpindah ke pejabat baru di simpang empat Talubok A. Muang Ch. Pattani pada 18 September 1998 Koperasi Islam Pattani Berhad telah dapat sambutan yang baik dari masyarakat dan usahawan Muslim, Urutan lanjutan seperti berikut :

- a) Pada tahun 1996 menubuh cawangan di Pasar Palas A.Mayo Ch.Pattani
- b) Pada tahun 2005 menubuh cawangan di Khokpho A. Khokpho Ch. Pattani

---

<sup>138</sup> Koperasi Ibnu Affan, dicapai 12 May 2012, [http://www.ibnuaffan.com/TH\\_History.html](http://www.ibnuaffan.com/TH_History.html)

<sup>139</sup> Koperasi Islam Pattani Berhad., dicapai 17 May 2012, <http://www.iscop.co.th/historical.html>

- c) Pada tahun 2007 menubuh cawangan di Yala ( kedai buruk) T. Sataeng A. Muang Ch. Yala

Koperasi Islam Pattani Berhad merupakan koperasi yang pertama yang menjalankan perniagaan Islam dalam negara Thailand. didaftar bawah Akta koperasi 1968.

### **3.3.3 Tabung haji**

Di bawah lima prinsip rukun Islam, salah satu daripada rukun Islam ialah menunaikan ibadat haji. Seorang Muslim dikehendaki untuk melakukan Haji di Mekah, Arab Saudi sekali seumur hidup. Umat Islam di Thailand mengalami masalah ketiadaan organisasi untuk membantu dan menyokong simpanan untuk pelaksanaan Haji, Serta membantu untuk memudahkan urusan perjalanan.

Walaupun pada masa itu, Kerajaan Thailand telah bekerjasama dengan kerajaan Arab Saudi untuk menganjurkan pengurusan sistem perjalanan pergi Haji. Namun masih ada Kesukaran dengan kekurangan organisasi yang memberikan bantuan dan sokongan untuk menyokong bagi mangadakan tabung simpanan untuk Haji. Menyebabkan Umat Islam yang ingin pergi Haji harus mengumpul wang pendapatan seumur hidup mereka dengan sendiri ataupun menjual aset-aset seperti tanah, kebun dan sebagainya. Bank-bank tempatan seperti Bangkok Bank Berhad menyedari atas perkara itu, dengan menawarkan perkhidmatan simpanan untuk pergi Haji. Walaupun pihak Bank mengasingkan jenis simpanan akaun simpanan biasa dan akuan simpanan untuk Haji, tetapi deposit kepada pendeposit sistem perbankan secara umum masih boleh didapati. Namun itu, masih lagi tidak memenuhi keperluan umat Islam mengikut kepercayaan agama mereka. Ekoran dari penubuhan Tabung Haji yang kemudian berkembang menjadi Bank Islam dan berjaya dalam pengurusan Tabung simpanan untuk pergi Haji dan memberi kemudahan simpanan wang bagi mereka yang ingin

pergi menunaikan ibadat Haji dan mendapat pulangan ke atas pelaburan perbankan dan Bank mempunyai kelebihan simpanan untuk pelaburan.<sup>140</sup>

### **3.3.4 Penubuhan unit perkhidmatan perbankan Islam di Bank Sri-Nakhon**

Bank Sri-Nakhon adalah bank kerajaan yang bermula operasi perkhidmatan pada 21 Ogos tahun 1950 yang dirasmikan oleh Field Marshal Plaek Phibunsongkhram selaku perdana menteri pada masa itu. Bank ini, menawarkan perkhidmatan sebagai bank konvensional yang dimiliki oleh kementerian kewangan Thailand, bermula operasi dengan dana pendaftaran THB 10 juta dan selama masa operasi, bank ini telah mempunyai cawagan seluruh negara Thai 177 cawangan.

Bank Sri-Nakhon ini, juga turut membuka unit perbankan Islam menurut hasrat kerajaan dalam membuka unit perkhidmatan perbankan Islam dengan memberi perkhidmatan perbankan Islam yang mula beroperasi pada tanggal 1 Disember 1997, namun beberapa lama sahaja membuka perkhidmatan itu, terpaksa berhenti perkhidmatan, oleh sebab krisis kewangan pada masa itu dan dipindah perkhidmatan menurut pengisytiharan kementerian kewangan kepada bank Nakhonlung Thai (*Siam City Bank Public Company Limited*) pada 29 Mar 2002.

### **3.3.5 Penubuhan Government Savings Bank (Om-Sin) dan Unit Perkhidmatan Perbankan Islam**

Goverment Saving Bank (om-sin) menurut hasrat kerajaan dalam menubuhkan sistem yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam (*Jendela Perkhidmatan Perbankan Islam*) sebagai nevigasi untuk penubuhan Bank Islam, memaklum balas terhadap polisi kerajaan. Oleh yang demikian, Goverment bank lalu membuka “*Perkhidmatan Sistem Kewangan Islam*” di 5 wilayah sempadan Selatan Thailand, yang bermula di Wilayah Satun pada tahun 1997, setelah

---

<sup>140</sup>Persatuan Alumni Thailand di Pakistan dan Koperasi Islam Pattani Bhd., 43.

itu berkembang perkhidmatannya di Pattani, Yala, Narathiwat, Songkhla (di daerah Sabayoi dan Hadyai) dan di Bangkok kawasan Nong-chok.<sup>141</sup>

### **3.3.6 Penubuhan Unit perkhidmatan Perbankan Islam di Krung Thai Bank<sup>142</sup>**

Krung Thai Bank PCL bermula operasinya pada 14 Mac 1966, penubuhannya berhasil dari gabungan di antara dua bank iaitu Agricultural Bank Limited dan Monton Bank Limited. Kedua bank tersebut adalah Bank konvensional yang sahamnya dimiliki oleh kementerian kewagan Thailand. Krung Thai Bank menggunakan burung Garuda sebagai lambang bank hingga kini, di mana lambang tersebut pada asalnya adalah lambang burung Garuda itu adalah lambang bagi kementerian kewangan Thailand.

Perkhidmatan kewangan Islam di Krung Thai Bank PCL., atau dengan nama lain iaitu KTB Syariah. Perkhidmatan ini adalah Satu perkhidmatan kewangan menurut prinsip Islam dan ditubuhkan berdasarkan permintaan masyarakat Islam dan polisi kerajaan, maka pada tahun 2002 Krung Thai Bank PCL berjaya menujuhkan satu sistem perkhidmatan perbankan Islam yang dinamakan “Krung Thai Syariah” (*Syariah Banking Service*) di wilayah-wilayah penduduk yang beragama Islam. Krung Thai Bank PCL menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti perkhidmatan simpanan atau tabungan, pembiayaan dan pinjaman yang berdasarkan Mudarabah, Musyarakah, Bay’ bithaman al-Ajil, bay’ Murabahah dan juga pembiayaan tabung haji dan umrah. Setelah mana usaha untuk menujuhkan Bank Islam berjaya beroperasi, maka Bank Islam menanda tangan pemindahan perkhidmatan perbankan Islam di Krung Thai Bank PCL ke Islamic Bank of Thailand pada 9 November 2005.

---

<sup>141</sup> “Islamic Bank of Thailand,” laman sesawang *oknation*, dicapai 7 May 2012,  
<http://www.oknation.net/blog/print.php?id=250369>

<sup>142</sup> Arphandee Hasan, “Pelaksanaan Mudarabah di Krung Thai Bank Public Company Limited, Wilayah Yala, Thailand : Analisis Menurut Perspektif Islam” (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006), 77.

### **3.4 PENUBUHAN ISLAMIC BANK OF THAILAND ( IBANK )**

#### **3.4.1 Sejarahnya**

Dalam negara Thai kira-kira terdapat jumlah 8 juta Muslim adalah golongan kedua terbesar di negara ini. Namun kebanyakannya tinggal di tiga wilayah Selatan, yang sangat memerlukan akses kepada modal yang tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip agama. Dalam usaha untuk menubuhkan perbankan Islam di Thailand. Titik permulaan pertama ialah pada tahun 1994 apabila kerajaan Thailand telah menandatangani. "Ekonomi Tiga Segi" (IMT) dalam Pembangunan ekonomi antara Thailand, Indonesia, Malaysia, di mana Thailand adalah yang bertanggungjawab dalam pelan pembangunan yang disediakan di lima wilayah Selatan Thailand.

Dengan kerjasama dalam projek-projek ini, kerajaan Thailand telah mencadangkan untuk menubuhkan perbankan Islam sebagai saluran perkhidmatan kewangan bagi umat Islam di kawasan projek tersebut. Kerajaan telah melantik Lembaga Pembangunan Ekonomi dan Sosial Kebangsaan bersempena dengan Pejabat Kewangan dan membuat Kajian Kemungkinan Ekonomi dalam usaha penubuhan perbankan Islam. Kesimpulan yang didapati adalah boleh ditubuhkan sistem perbankan Islam di Thailand sebagai contoh perbankan Islam yang ditubuh di beberapa negara, khususnya Malaysia yang terlibat dalam pembangunan ekonomi tiga segi yang telah lama menubuhkan perbankan Islam.

Pada mulanya, bank-bank di Thailand telah menawarkan perkhidmatan kewangan Islam. bermula dari Bank Metropolitan ( Bank Sri-nakhon). Namun itu, ia telah ditutup oleh sebab krisis kewangan pada 1997 kemudian dibuat cadangan undang-undang mengenai perbankan Islam. dengan membuka jendela perkhidmatan kewangan Islam pada bank-bank konvensional sebagai titik permulaan. Bank Omsin (*Government Saving Bank*) menawarkan

jendela perkhidmatan kewangan Islam di lima wilayah. Di samping itu, Bank Pertanian dan Koperasi turut mengadakan “Dana perbankan Islam” dan membuka cawangan di kawasan yang kebanyakannya adalah penduduk Muslim.

Dengan usaha banyak pihak untuk mengadakan bank Islam di Thailand, untuk menjalankan transaksi kewangan yang melandaskan prinsip-prinsip Islam, berdasar maklumat mengenai perkembangan perbankan Islam setelah berlaku krisis kewangan pada tahun 1997 yang kebanyakan bank-bank konvensional terpaksa berhenti perkhidmatan, tetapi tidak terdapat bank-bank Islam Walaupun di Eropah, Amerika dan Malaysia yang berhenti perkhidmatannya.

Setelah mendapat sokongan dari kerajaan dalam penubuhan perbankan Islam telah melalui akta perbankan Islam dibawah modal berdaftar THB1,000 juta yang bermula operasi pada 12 Jun 2003, ibu pejabat di Khlongtan dan kemudian dikembangkan cawangan dalam ibu kota Bangkok dan kawasan wilayah Selatan Thailand.<sup>143</sup>

### **3.4.2 Dasar hukum *Islamic Bank of Thailand*<sup>144</sup>**

Islamic Bank of Thailand adalah sebuah Bank dalam kawalan kerajaan dibawah akta perbankan Islam tahun 2002. Walaupun jumlah penduduk Muslim adalah penduduk minoriti di negara ini, tetapi dengan kesedaran masyarakat yang ingin menjalani kehidupan sesuai dengan ajaran Islam adalah pendorong yang kuat untuk menubuhkan Bank Islam ini.

Setelah mana pemindahan jendela perkhidmatan Islam di dalam sistem perbankan konvensional, kini hanya satu institusi sahaja yang menjalankan sistem perbankan Islam yaitu di Islamic Bank of Thailand. Sebagai pengumuman titah Raja Phumipol Adulyadej yang

---

<sup>143</sup>“Sejarah Ibdk,” laman sesawang *Muslimthaipost*, dicapai 11 May 2012, <http://www.muslimthaipost.com/main/content.php?page=sub&category=105&id=9663>; Islamic Bank of Thailand, dicapai 11 May 2012, [http://www.ibank.co.th/2010/th/about/about\\_detail.aspx?ID=7](http://www.ibank.co.th/2010/th/about/about_detail.aspx?ID=7)

<sup>144</sup> Akta Islamic Bank of Thailand yang di terbit pada 15 Oktober 2002 di Bangkok, Thailand. Semasa Thaksin Shinawatra menjadi Perdana menteri.

sukacita untuk mengumumkan bahawa dengan perlunya untuk menubuhkan Bank Islam di Thailand. Akta ini mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan sekatan-hak dan kebebasan orang menurut Seksyen 29 bersama-sama dengan Seksyen 35 dan Seksyen 48 menurut perlembagaan Thailand yang membenarkan mengguna kuasa menurut undang-undang perlembagaan Thailand.

Justeru itu, menurut Akta Islamic Bank of Thailand bahagian ke 2 seksyen 12 objektif bank Islam itu adalah membuat transaksi kewangan yang tidak mengikat dengan riba. Dasar nama bank ini adalah menurut akta Islamic Bank of Thailand bahagian 1 seksyen 5 penubuhan bank ini dinamakan dengan “Islamic Bank of Thailand” dan dijadikan bank ini sebagai bank perbadanan. Menurut seksyen 6 diletakan ibu pejabat di ibu kota Bangkok atau wilayah yang berdekatan dan penubuhan cawangan atau pejabat wakilan boleh diadakah dalam atau di luar negara. Penubuhan cawangan atau pejabat wakil dan pemindahan ibu pejabat atau cawangan Islamic Bank of Thailand mesti diluluskan oleh kementerian terlebih dahulu.

Menurut akta Islamic Bank of Thailand bahagian 4 seksyen 27 tentang pentadbiran. Jawatankuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk melantik seseorang yang berpengetahuan, Kepakaran dalam kewangan atau lain-lain faedah yang berkaitan dengan perniagaan bank untuk bertindak selaras dengan objektif Bank dan hendaklah semua ini ditugaskan oleh Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah boleh melantik mana-mana orang sebagai seorang pengurus dan pengurus berhak menerima apa-apa saraan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

Setelah itu, pelantikan lembaga penasihat, menurut akta Islamic Bank of Thailand bahagian 5 seksyen 32, Lembaga pengarah hendaklah melantik satu jawatankuasa penasihat yang akan dipanggil dengan “Jawatankuasa Penasihat Perbankan Islam” yang terdiri daripada

pengurus penasihat, dan penasihat tersebut tidak lebih daripada empat orang, mempunyai kuasa untuk memberi nasihat dan membuat syor kepada Lembaga Pengarah tentang prinsip Islam yang dikaitkan dengan operasi bank supaya pelaksanaan bank tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Syariah.

### **3.4.3 Objektif penubuhannya**

Objektif secara amnya dalam penubuhan *Ibank* adalah menjadi sebuah bank universal yang beropersi berasaskan prinsip Syariah dan tidak ada kaitan dengan unsur-unsur riba serta mana-mana urusan yang dilarang oleh Islam dan dapat memberi perkhidmatan kepada setiap rakyat Thailand tanpa mengira agama dan bangsa.

### **3.4.4 Visi dan Misi**

#### **3.3.3.1 Visi**

Untuk menjadi Bank Islam menuju kearah kegemilangan dari aspek “*Retail Banking*” kadar 1 dalam 3 di Asia Tenggara.

#### **3.3.3.2 Misi**

1. Kecemerlangan dalam perkhidmatan dengan dimensi ketepatan, kecekapan (*Services Excellence*)
2. Mengadakan produk-produk terbaik untuk memenuhi keperluan pelanggan dan berdaya saing dalam pasaran (*Products Excellence*)
3. Mengadakan sistem yang terbaik dari segi perkhidmatan pelanggan, komunikasi dan sokongan pentadbiran pekerjaan (*IT Excellence*)
4. Mematuhi dalam Mengurus peraturan tadbir korporat mengikut perundangan kerajaan (*Regulatory Framework Compliance*)

5. Menuju kecemerlangan dalam menguruskan sumber insan (*Human Resource Excellence*).<sup>145</sup>

### 3.4.5 Rasional Logo

Elemen-elemen utama dalam logo *Ibank* ini terdiri dari 3 warna

**Warna hijau** : Merupakan buah kubah hijau yang bererti masjid bagi orang muslim adalah tempat ibadat yang suci dan adalah keindahan yang unik, yang menjadi kesatuan dalam pegangan dan perpaduan.

**Warna kuning emas** : Gaya kesenian Thai Kanok (ialah nama sejenis kesenian yang termasyhur di Thailand), penyesuaian komitmen kepada rakyat Thai di seluruh negara dan kegemilangan.

**Warna biru** : Rupa tangan warna biru mencerminkan berdoa kepada tuhan, menjadi simbol pelukan untuk saling bantu membantu antara satu sama lain yang merupakan prinsip dasar dalam Islam.



Logo Islamic Bank of Thailand pada tahun 2003-2007

Justeru itu, ada perubahan Imej Ibank supaya sejagat moden, mudah diingati. Ibank berhasrat untuk menukarkan nama Bank “ISBT” menjadi “Ibank” dan juga megubah logo serta dengan pakaian uniform kakitangan Ibank.<sup>146</sup>

---

<sup>145</sup> “Visi dan misi,” laman sesawang *Islamic Bank of Thailand*, dicapai 9 May 2012, [http://www.ibank.co.th/2010/th/about/about\\_detail.aspx?ID=2](http://www.ibank.co.th/2010/th/about/about_detail.aspx?ID=2).

Elemen-elemen utama simbol Ibank yang baru ini, terdiri dari pada huruf “*Alif*” dalam abjad bahasa arab yang menunjuk kepada “*Islam*” atau dalam erti kata lain, dalam bahasa Inggeris adalah huruf “*I*” yang dimaksudkan dengan “*Islam*” yang merupakan bulan sabit dan bintang kuning emas pada latar belakang hijau yang diberi maksud sebagai kepimpinan yang kekal dan warna emas kuning mewakili kuasa cahaya, yang berhampiran dengan bitang yang bererti bersatu padu tolong menolong diantara satu sama lain, untuk memandu organisasi ke arah kestabilan dan kejayaan untuk selama-lamanya.<sup>147</sup>



Logo *Ibank* selepas diubah pada tahun 2008 sampai sekarang.

#### **3.4.5.1 Warna kuning emas**

Yang menunjukkan bahawa warna kuning emas itu, adalah kuasa cahaya kegemilangan Islam yang memberikan cahayanya kepada semau alam.

#### **3.4.5.2 Warna hijau**

Diberi erti yang merujuk kepada kegemilangan dan kemajuan

### **3.5 Pelaburan Ibank dalam Syarikat Amanah Leasing**

Syarikat Amanah leasing ini, ditubuhkan pada 15 Januari 1992 dengan modal berdaftar THB1 juta dengan nama asalnya “*Traimit Samphan*” kemudian ditukar nama kepada “Nawa Leasing”

---

<sup>146</sup> Annual Report 2008), 30.

<sup>147</sup> Islamic Bank of Thailand, dicapai 13 May 2012, <http://www.ibank.co.th/2010/th/main/>

pada 20 Oktober 1992 Syarikat ini telah berubah jadi menjadi sebuah syarikat awam pada tahun 1995 dan juga berdaftar masuk dalam bursa saham Thailand dibawah ringkasan nama “NVL” pada 25 Dec 2001 Syarikat Nawa Leasing memberi perkhidmatan dalam pembiayaan, sewa beli, pembiayaan kenderaan peribadi dan kenderaan dalam pengangkutan, yang mengkhusus kereta model pasaran.<sup>148</sup>

Pada tahun 2010 Ibank telah melaburkan dana dalam syarikat “Amanah Leasing” Sdn.Bhd. Yang pada asalnya syarikat ini ialah “*Nawa Leasing*” dalam kadar 49 peratus dari dana yang di keluarkan dan yang berbayar untuk memaklum balas terhadap polisi bank supaya mengadakan produk peruncitan yang bersepada. Justeru itu, bank akan menggunakan Syarikat Amanah menjadi pangkal dalam memperkembangkan pembiayaan runcit, serta dengan pembiayaan sewa beli kereta menurut prinsip dasar Islam

Sekarang ini Amanah leasing telah berdaftar dalam bursa saham Thailand yang melancarkan perniagaan sewa beli menurut prinsip Islam. Kini Amanah Leasing mempunyai cawangan 6 cawangan terletak pada wilayah-wilayah terpenting dan melantik wakil syarikat dari kawasan-kawasan di seluruh negara. Dengan pelaburan Ibank dalam syarikat ini, dapat menyokong memperkembangkan pengusahaan bank dalam pembiayaan kereta dan juga boleh mengakseskan rangkaian saluran pengedaran yang meliputi pangkal pelanggan runcit seluruh negara dengan cepat.<sup>149</sup>

Syarikat gabungan dan pelaburan Islamic Bank of Thailand adalah titik tolak penting bagi perkhidmatan Ibank untuk mewujudkan pelbagai produk kewangan, meningkatkan kualiti perkhidmatan, perniagaan diperluaskan untuk merangkumi pelbagai transaksi kewangan di bawah prinsip Islam.

---

<sup>148</sup> Amanah Leasing Sdn. Bhd, dicapai 12 May 2012, <http://www.amanah.co.th/index2.php>

<sup>149</sup> Annual Report 2010), 85.

Pada tahun 2011, Bank telah melaburkan dalam Syarikat Amanah Taksir harga dan perkhidmatan pendaftaran transaksi yang sah dengan undang-undang untuk menyokong pengembangan pembiayaan Islamic Bank of Thailand. Hasilnya, bank boleh menetapkan dan mengawal piawaian termasuk Kualiti penilaian nilai harta, ia juga memperkemaskan mobiliti dalam transaksi penilaian harta yang lebih cepat.

Selain dari itu, Ibank telah malaburkan dalam “Syarikat Amanah Haji dan Umrah Sdn. Bhd” untuk menyokong pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan Haji dan Umrah di negara Thailand, supaya dapat mengangkatkan taraf perkhidmatan Haji dan Umrah di Thailand untuk memenuhi piawaian antarabangsa. Di samping itu, pelaburan Ibank dalam syarikat tersebut, dapat memperbanyak pelbagai transaksi kewangan di bawah anggaran polisi di bawah rangka kerja bahagian Haji dan Umrah di Islamic Bank of Thailand.

### **Jadual 3.1 Keterangan aktiviti pelaburan Ibank dalam Syarikat Amanah.**

Nama/ lokasi	Perniagaan	Jenis saham	Modal setelah bayar	Bilangan saham yang di jual	Saham	Nisbah pegang saham (%)	Nilai Pelaburan (THB)
Syarikat Amanah Leasing Sdn.Bhd	Pembiayaan sewa beli menurut prinsip syariah	Biasa	950,000,000	950,000,000	465,500,000	49.0%	558,600,000
Syarikat Amanah Taksir harga dan perkhidmatan Sdn.Bhd	Memberi perkhidmatan taksirkan nilai harta dan buat pendaftaran transaksi	Biasa	15,000,000	150,000	73,500	49%	7,350,000
Syarikat Amanah Haj dan Umrah Sdn.Bhd	Memberi perkhidmatan yang berkaitan dengan haji dan umrah dan perjalanan	Biasa	10,000,000	100,000	49,000	49%	4,900,000

S

um

ber

:

(An

nua

1

Rep

ort

201

1).

## **3.6 PRODUK-PRODUK ISLAMIC BANK OF THAILAND DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI.**

### **3.7.1 PRODUK PEMBIAYAAN POLISI**

Produk pembiayaan ini, diadakan dengan sebab menyokong polisi kerajaan dalam membangunkan ekonomi masyarakat dalam meningkatkan taraf hidup rakyat Thailand. Dengan itu, Islamic Bank of Thailand turut memberi perkhidmatan yang kebanyakannya untuk menolong mereka yang berpendapatan rendah dan menolong dalam memperkembangkan perniagaan secara runcit. Produk-produk yang ditawarkan oleh Islamic Bank of Thailand adalah seperti berikut :

#### **3.7.1.1 Projek pembiayaan akar umbi ibank.<sup>151</sup>**

Projek ini adalah satu polisi yang dirancangkan oleh kerajaan kepada Islamic Bank of Thailand. pembiayaan Akar umbi ini adalah projek pembiayaan Ib bank dalam menyokong pembangunan sosial dan masyarakat, untuk membantu dalam sokongan kewangan kepada golongan miskin. Produk ini lebih mengfokuskan kepada lima wilayah Selatan (Pattani, Yala, Narathiwat , Songkhla dan Satun) untuk membiayai perniagaan dan mengembangkan perniagaan kecil yang tidak bercanggah dengan prinsip Islam, supaya melahirkan perdagangan, pelaburan dan pengeluaran yang berpotensi, serta dengan menggalakkan mengadakan simpanan dan disiplin kewangan untuk melangkah ke dalam sistem kewangan biasa.

---

<sup>150</sup> Annual Report 2011, 53.

<sup>151</sup> Islamic Bank of Thailand, dicapai 2 Oktober 2012, <http://www.ibank.co.th/2010/th/products-services/products-detail.aspx?ProductType=5&ID=131&Customer=Main> .

Produk ini beroperasi di bawah Prinsip *Bay' al-'Ināh*. Kelayakan pembiayaan seseorang tergantung atas pengesahan Penyelaras Bank (*Bank Co-ordinator*) terhadap pemohon pembiayaan bahawa mempunyai tingkah laku yang baik tetapi miskin dan mempunyai pekerjaan yang tidak bercanggah dengan prinsip Islam, tetapi kekurangan dana dalam pekerjaan dan tidak pernah menerima pembiayaan daripada institusi kewangan luar serta dengan dapat dipercayai bahawa pemohon pembiayaan berkuasa membayar balik hutang kepada bank. Umur pemohon bersama-sama dengan tempoh pembayaran balik hutang tidak melebihi 60 bulan. Mempunyai kediaman dan tempat pekerjaan tetap boleh dihubungi. Jika pemohon telah menerima pembiayaan daripada dana kerajaan, pasti menyediakan bukti bahawa dana tidak mencukupi untuk menjalankan perniagaan, setelah itu, Bank akan meluluskan pembiayaan tersebut. Kemudahan kredit minimum THB5000 sehingga THB200,000 per-orang. Margin dan yuran kadar keuntungan sebanyak 18 peratus setahun atau 1.5 peratus sebulan untuk amaun pembiayaan yang tidak melebihi THB10,000 dan kadar keuntungan sebanyak 12 peratus setahun atau 1.0 peratus sebulan untuk kemudahan kredit yang lebih daripada THB10,000 ke atas.

### **3.7.1.2 Projek berhenti sementara pembayaran hutang untuk petani yang berhutang kurang dari THB500,000.<sup>152</sup>**

Produk ini adalah salah satu menurut polisi kerajaan yang mempunyai beberapa tujuan seperti berikut ;

#### **3.7.1.2.1 Untuk meringankan beban hutang petani dan rakyat yang berpendapatan rendah dan bermasalah dalam pembayaran hutang. Oleh itu, petani dan orang-orang yang berpendapatan**

---

<sup>152</sup>Islamic Bank of Thailand, 2 Oktober 2012, <http://www.ibank.co.th/2010/th/products-services/products-detail.aspx?ProductType=5&ID=130&Customer=Main> .

rendah diberi peluang mengambil wang bayaran untuk memulihkan dan memperbaiki taraf kehidupan mereka sendiri dalam perhentian sementara pembayaran balik hutang.

3.7.1.2.2 Supaya petani secara runcit dan orang-orang yang berpendapatan rendah dapat akses kepada pengetahuan dalam pembangunan dan penyelenggaraan kehidupan untuk meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup dan penyelesaian masalah hutang yang menjadi bebanan terhadap mereka.

### **3.7.2 Projek pembiayaan buruh pekerja Thai dalam Malaysia.<sup>153</sup>**

Menurut resolusi Kabinet kerajaan pada 29 November 2011 yang bersetuju dengan prinsip Syariah Ibank yang mencadangkan rancangan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan masyarakat di lima wilayah pada tahun 2012-2016" di bawah 4strategi 12 projek dana berjumlah THB12,950 juta, jumlah penduduk yang dapat hasil dari projek ini kira-kira 539,451orang melalui Kementerian kewangan, *Pusat Pentadbiran Pembangunan Wilayah Sempadan Thai* (SBPAC) dan *Lembaga Pengarah Strategi Pembangunan Wilayah Selatan* sebagai yang bertanggungjawab dalam pertolongan sosial untuk mengembalikan pulangan nilai kepada masyarakat .

projek ini adalah untuk menjadi sebagai kos permit kerja dan pembiayaan pekerja yang mahu bekerja di Malaysia dan untuk membiayai bagi orang-orang yang mengendalikan perniagaan di Malaysia, membantu untuk mendapatkan permit kerja (*Work Permit*) untuk pekerja Thailand yang bekerja di Malaysia. Projek ini dikhususkan kepada penduduk dalam kawasan 5 wilayah sahaja, iaitu Pattani, Yala, Narathiwat, Songkhla, Setun. Amaun pembiayaan untuk buruh Thai di antara THB 5,000-50,000 dan bagi yang mempunyai perusahaan sendiri adalah di antara THB5,000- 500,000.

---

<sup>153</sup>Islamic Bank of Thailand, dicapai 2 Oktober 2012, <http://www.ibank.co.th/2010/th/products-services/products-detail.aspx?ProductType=5&ID=133&Customer=Main> .

### **3.7.3 Pembiayaan gerai penjaja dan pekerjaan bebas**

Produk Pembiayaan gerai penjaja dan pekerjaan bebas (Islamic Microfinance Street vendors) adalah bertujuan untuk menjadikan dana pelaburan dalam pekerjaan yang jujur tidak bercanggah dengan Islam. Had pembiayaan jumlah minimum adalah THB5000 dan tidak melebihi THB500,000 per kapita. Tempoh pembayaran balik : adalah ditetapkan tempoh pembayaran tidak melebihi 60 bulan (5 tahun).

### **3.7.4 Pembiayaan Re-Finance hutang luar sistem<sup>154</sup>**

Produk Pembiayaan Re-Finance hutang luar sistem (Islamic Microfinance for Informal Debit) adalah pembiayaan untuk membiayai semula hutang luar sistem ( *Islamic Microfinance for Informal Debit*) tujuan produk ini adalah pelepasan hutang luar sistem bagi pekerja yang tidak bercanggah dengan syariah, diberi amaun minimum THB5,000 dan tidak melebihi THB200,000 dan dihadkan tempoh pembayaran balik pembiayaan sehingga 60 bulan (5 tahun).

### **3.7.5 Pembiayaan perusahaan kecil<sup>155</sup>**

Produk Pembiayaan komuniti enterprise (*Islamic Microfinance for Small Enterprise*) adalah produk yang bertujuan untuk mengendalikan perniagaan kecil yang tidak berkaitan dengan perusahaan SMEs seperti kumpulan pes cili, kumpulan membuat cecair pencuci, kumpulan suri rumah jahit tudung dan kopiah dan lain-lain. Kemudahan kredit pembiayaan amaun minimum THB5,000 sehingga THB500,000/orang. Tempoh pembayaran balik tidak melebihi sehingga 60 bulan (5 tahun).

---

<sup>154</sup> Islamic Bank of Thailand, dicapai 2 Oktober 2012. <http://www.ibank.co.th/2010/th/products-services/products-detail.aspx?ProductType=5&ID=136&Customer=Main>

<sup>155</sup> Islamic Bank of Thailand, dicapai 2 Oktober 2012, <http://www.ibank.co.th/2010/th/products-services/products-detail.aspx?ProductType=5&ID=137&Customer=Main>.

### **3.7.6 Projek mengangkat taraf hidup dalam kawasan 5 wilayah selatan Thai tahun 2012-2016.<sup>156</sup>**

Ini adalah senarai produk-produk yang ditawarkan oleh Ibank dalam mengangkat taraf kehidupan penduduk di kawasan 5 wilayah Selatan Thai. Projek ini kebanyakannya telah dibuat pengesahan dan sokongan dari pihak kerajaan supaya mengadakan projek-projek untuk membangunkan ekonomi di wilayah-wilayah Selatan. Projek-projek tersebut terdiri dari seperti berikut :

- Projek pembiayaan akar umbi ibank.
- Pembiayaan gerai penjaja dan pekerjaan bebas (*Islamic Microfinance Street vendors*)
- Projek pembiayaan buruh Thai dalam Malaysia.
- Pembiayaan Re-Finance hutang luar sistem (*Islamic Microfinance for Informal Debit*)
- Pembiayaan perusahaan kecil (*Microfinance for Small Enterprise*)
- Projek pembiayaan pakaian masyarakat Islam
- Projek pembiayaan makanan halal secara runcit

Projek-projek di atas bertujuan untuk dana membiayai bagi orang-orang miskin dan berpendapatan rendah dalam pekerjaan yang tidak bercanggah dengan syariah. Untuk menjadi kos dalam permohonan lesen dan menjadi modal bagi buruh Thailand yang bekerja di Malaysia. Untuk meringankan beban hutang luar sistem bagi pekerjaan yang tidak bercanggah dengan syariah. Untuk membiayai perniagaan atau mengembangkan perusahaan kecil dalam kumpulan perusahaan komuniti dan kumpulan-kumpulan perusahaan serta dengan kumpulan barang *One Tambon One Product* (OTOP). Untuk menjadi dana untuk penduduk dalam membuat pekerjaan/mengembangkan penubuhan perusahaan pakaian Islam dan perusahaan makanan

---

<sup>156</sup>Islamic Bank of Thailand, dicapai 3 Oktober 2012, <http://www.ibank.co.th/2010/th/products-services/products-detail.aspx?ProductType=5&ID=138&Customer=Main> .

halal. Kemudahan kredit yang diberi tergantung pada kepentingan atau keupayaan untuk membayar daripada THB 5,000 sehingga kepada THB500,000, tempoh pembayaran balik tidak melebihi 60 bulan (5 tahun).

### **3.8 KESIMPULAN**

Hampir sembilan tahun Islamic Bank of Thailand beroperasi, dapat sambutan yang agak menggembirakan dengan melihat dari jumlah simpanan deposit yang tinggi. Dan juga perkembangan pembukaan cawangan yang meluas, terdapat ada cawangan Islamic Bank of Thailand hampir kesemua daerah dalam Wilayah Pattani, serta dengan pelaburan pada syarikat lain dengan jumlah dana pelaburan yang banyak. Selain dari itu, Islamic Bank of Thailand telah menuju unit khas “*Pusat Pembangunan Ekonomi dan Sosial 5 wilayah Selatan Thailand*” untuk memainkan peranan dalam pemabangunan ekonomi mikro. Dengan kita lihat kepada pergerakan penubuhan yang agak lama dan lambat jika dibandingkan dengan negara lain, oleh kerana jumlah penduduk Muslim yang agak sedikit jika dibandingkan dengan Malaysia di mana sistem perbankan di Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1983 lagi. Oleh yang demikian, dengan masa singkat Ibank berdaya membuka ratusan cawangan, bukan sahaja di kawasan penduduk Muslim, tetapi di seluruh negara Thailand.

## BAB IV

### ANALISIS TERHADAP PERANAN SISTEM PERBANKAN ISLAM DI ISLAMIC BANK OF THAILAND (IBANK) DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI UMMAH DI PATANI, SELATAN THAILAND

#### 4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, penulis akan menganalisis peranan perbankan Islam dalam pembangunan ekonomi ummah di Pattani, Selatan Thailand, diikuti dengan beberapa polisi Ibank dalam pembangunan dari aspek ekonomi, penerapan Ibank dan pengaruhnya terhadap perkembangan ekonomi masyarakat, peranan Ibank dalam memajukan masyarakat dari aspek ekonomi dan sosial yang menggunakan maklumat yang diperolehi dari responden seperti pegawai pusat pembagunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand dan maklumat temubual dengan pelanggan yang menerima pembiayaan. Dalam proses pembangunan masyarakat, bank Islam mempunyai kewajiban bukannya pilihan dalam proses tersebut, kerana bank ini membawa simbol-simbol nama Syariah atau Islam. Maka bank Islam adalah salah satu perkara dalam kesempurnaan Islam termasuklah kewajipan dalam pembangunan ekonomi masyarakat terutamanya masyarakat Islam di Thailand.

#### 4.2 BEBERAPA POLISI IBANK DALAM MEMBANGUNKAN MASYRAKAT<sup>157</sup>

4.2.1 Menawarkan pembiayaan pinjaman untuk membina kerjaya Penjaja dan gerai di Bangkok untuk membantu dan sokongan kewangan kepada pekerja yang jujur dan berpendapatan rendah untuk membiayai dalam perniagaan atau usaha kecil yang tidak bercanggah dengan prinsip Syariah.

4.2.2 Pembiayaan akar umbi Ibak (*Islamic Micro Finance*) untuk mewujudkan peluang bagi usahawan kecil dengan sokongan kewangan dan juga menyediakan penasihat dalam

---

<sup>157</sup> Islamic Bank of Thailand, dicapai 2 Jun 2012, [http://www.ibank.co.th/2010/th/about/about\\_detail.aspx?ID=6](http://www.ibank.co.th/2010/th/about/about_detail.aspx?ID=6) .

pengurusan modal dana pelaburan dengan komprehensif supaya menjadi lebih kuat dan juga membangunkan potensi dalam menjalani kehidupan sehari-hari serta dengan mengangkatkan taraf perusahaan untuk mendapat memasuki dalam sistem pembiayaan biasa.

4.2.3 Projek pembiayaan operasi awam, pembiayaan gerai awam, pembiayaan sewa beli teksi, pembiayaan sewa beli motosikal baru serta membantu pelanggan dalam peluang mendapatkan sumber kewangan yang mencukupi dalam menjalankan perniagaan, supaya mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi dan mempunyai kehidupan harian yang lebih baik serta dengan dapat membina disiplin kewangan supaya dapat masuk ke dalam sistem pembiayaan biasa.

4.2.4 Kemudahan kredit bank komuniti (pembiayaan komuniti enterprise) untuk membantu modal kerja untuk mengambangkan pengusaha perniagaan kecil yang tidak bercanggah dengan prinsip Syariah.

4.2.5 Projek dalam mengurangkan tanggungan faedah dari kad kredit. Untuk mencari resolusi dalam meningkatkan akses kepada sumber dana yang adil dan mengurangkan beban kadar faedah yang terlalu tinggi untuk rakyat di peringkat bawahan. Pelanggan yang mengambil bahagian dalam projek ini dapat menangguhkan pembayaran hutang dalam kadar yang rendah dan tidak perlu kepada jaminan.

4.2.6 Projek mengurangkan beban faedah (bunga) atas pinjaman peribadi. Bank mengeluarkan projek *Re-Finance* pinjaman peribadi untuk mengurangkan bebanan kadar faedah yang tinggi dari institusi kewangan (Non-Bank)

4.2.7 Projek pembiayaan untuk pembangunan potensi guru dan kakitangan pendidikan sekolah swasta yang selaras dengan polisi kerajaan dalam menggalakkan kesejahteraan dan

meningkatkan kerjaya guru dan kakitangan pendidikan sekolah agama swasta, menurut dasar polisi kerajaan dalam pembangunan tahun 2011.

4.2.8 Projek pembiayaan sokongan upahan kerja kawasan pembangunan khas dalam 5 wilayah Selatan. Pejabat kesejahteraan sosial telah menyediakan satu projek dalam sokongan upahan kerja dalam kawasan 5 wilayah sempadan Selatan Thailand (Narathiwat, Yala, Pattani, Satun, dan 4 daerah dalam wilayah Songkhla) di mana Pejabat kesejahteraan sosial telah menyumbangkan kepada bank dalam projek ini sebanyak THB 1,000 juta untuk menawarkan pinjaman kepada pengusahaan dan sokongan pekerjaan kepada buruh dalam kawasan tempatan.

4.2.9 Projek pembiayaan dalam pembangunan bidang pendidikan di kawasan khas untuk meningkatkan potensi pendidikan di sekolah-sekolah agama swasta supaya berkesan dalam pendidikan yang bersistem dan pembangunan pembelajaran sekolah, dan sokongan dalam membina bangunan sekolah, bangunan sukan, bahan-bahan peralatan yang perlu dalam urusan pendidikan supaya melahirkan pendidikan yang berkualiti lebih baik dan menjadikan institusi pendidikan sebagai modal masyarakat yang teguh, stabil, menjadi dasar dalam pembangunan komuniti.

4.2.10 Projek pentadbiran dan pengurusan kewangan untuk pinjaman pendidikan

- a) Dalam usaha untuk maklum balas atas dasar kerajaan bagi sokongan terhadap pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik dari segi ekonomi, supaya dapat akses kepada pendidikan dengan diberikan pinjaman untuk pembelanjaan yang berkaitan dengan yuran dan perbelanjaan yang perlu dalam pendidikan. Skim pinjaman ini selaras dengan tujuan akta dana wang untuk pinjaman pendidikan tahun 1998.

- b) Sebagai alternatif untuk pelajar yang beragama Islam yang ingin mendapatkan pembiayaan pendidikan dari dana wang pinjaman melalui sistem kewangan Islam di bawah prinsip Syariah.

#### **4.3 PENERAPAN ISLAMIC BANK OF THAILAND DAN PENGARUHNYA TERHADAP PERKEMBANGAN EKONOMI MASYAKAT DI PATANI SELATAN THAILAND.**

Secara amnya, transaksi itu dapat dikategorikan dalam dua bahagian, iaitu transaksi halal dan haram. Dalam sistem perbankan Islam, transaksi yang digunakan wajib mempunyai prinsip-prinsip yang halal tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Pada asalnya di kawasan wilayah Pattani sebelum wujudnya Islamic Bank of Thailand terdapat beberapa institusi kewangan seperti koperasi yang menawarkan perkhidmatan kewangan di bawah prinsip Syariah tetapi tidak mempunyai potensi yang tinggi yang beri kesan dalam pembangunan ekonomi masyarakat oleh sebab dana yang sedikit yang tidak dapat menyokong perkembangan pengusahaan yang berskala besar.

Kerana salah satu tujuan penubuhan Islamic Bank of Thailand iaitu untuk membangun dan mengangkat taraf kehidupan masyarakat di wilayah Selatan, pihak Bank telah mengadakan satu unit khas dalam Islamic Bank of Thailand untuk mengurus hal pembangunan ekonomi, iaitu unit Pembangunan ekonomi dan sosial lima wilayah Selatan Thailand. Unit ini bertanggungjawab dalam mengkaji kondisi ekonomi dan menawarkan perkhidmatan pembiayaan secara runcit di wilayah-wilayah ini.

Justeru itu, terdapat pelbagai masalah yang telah di hadapi oleh Islamic Bank of Thailand mengiringi konflik yang berlaku di wilayah Selatan ini. Konflik yang berlaku banyak menjelaskan pelaksanaan operasi pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand, di mana dalam pelaksanaan operasi tersebut perlu kepada turun lapangan untuk

melihat situasi dan kondisi pelanggan yang menerima pembiayaan dari Islamic Bank of Thailand dalam melihat perkembangan pelanggan, bagaimana pelanggan menggunakan wang pembiayaan untuk meningkatkan ekonomi.<sup>158</sup>

#### **4.4 PERANAN ISLAMIC BANK OF THAILAND DALAM MEMAJUKAN EKONOMI UMMAH DI PATANI SELATAN THAILAND**

##### **4.4.1 Peranan (Ibank) dalam pembangunan perusahaan SMEs<sup>159</sup>**

Untuk mencapai matlamat keseluruhan bank terhadap pembiayaan SMEs dalam usaha memberi tumpuan kepada kumpulan pelanggan yang berpotensi dan berpengalaman dalam menjalankan perniagaan dengan baik. Maka pihak Bank memperkembangkan pangkalan pelanggan di pelbagai sektor industri seperti Pembinaan, perniagaan, perkilangan, komunikasi dan telekomunikasi, harta tanah, perniagaan perkhidmatan, sewa beli dan sebagainya.

Pada tahun 2011 Bank juga memberi tumpuan kepada perniagaan SMEs sederhana dan kecil, kadar keuntungan yang dikenakan atas pelanggan dua kumpulan tersebut itu adalah berbeza. Hasilnya, kadar pulangan keuntungan port pembiayaan purata kekal baik, yang merupakan satu faktor yang pengaruh keseluruhan bank.

Di samping itu, pembangunan meningkatkan kualiti kakitangan bank, ia juga merupakan satu faktor yang diberi tumpuan penting oleh bank, dengan menghantar kakitangan memasuki kursus ke institusi luar dan juga kursus dalam bank, untuk meningkatkan pengetahuan dan daya perkhidmatan kakitangan dalam pergerakan perniagaan semasa.

---

<sup>158</sup> Abdullah Hayeesaid (Pengurus bahagian penyelarasan rangkaian, Pusat Pattani, Bahagian pembangunan ekonomi 5 wilayah Selatan Thailand), dalam temubual dengan penulis 16 Februari 2013.

<sup>159</sup> Anuwat Tongkomong (Pengurus Islamic Bank of Thailand, Cawangan Saiburi), dalam temubual dengan penulis 6 Februari 2013.

Pada tahun 2012, matlamat dalam meluluskan pembiayaan SMEs berjumlah THB 29,000 juta, dengan menetapkan strategi seperti berikut :

- a) Segmen pasaran sasaran terus diberi tumpuan kepada kumpulan pelanggan yang berpotensi untuk meningkatkan kualiti pembiayaan serta kawalan terhad kepada pembiayaan yang tidak dapat memberi keuntungan (*Non-Performing Financing : NPFs*)
- b) Membina hubungan yang baik antara pelanggan kumpulan sasaran dan agensi bank, dengan mengadakan seminar untuk membina peluang dalam mengembangkan pangkalan pelanggan, serta dapat bertukar-tukar idea, pandangan, mendapatkan maklumat dari pelanggan dan mengetahui masalah dan keperluan pelanggan.
- c) Mengadakan projek *SMEs Easy*, serta dengan *Product Programs*, untuk menyokong pelanggan sasaran segera dengan permintaan pelanggan.
- d) Pelanggan dalam kumpulan perniagaan yang berisiko tinggi itu, pihak Bank akan memantau, mengikuti hasil pelaksanaan yang rapat, sentiasa memberi nasihat, untuk mengetahui masalah-masalah yang mungkin berlaku, supaya mengelakkan dari masalah tepat pada masanya.
- e) Untuk menyelaraskan dengan agensi dalam Bank, untuk mencapai matlamat perkhidmatan pelanggan dalam sektor lingkungan pembiayaan yang sesuai, memenuhi keperluan pelanggan.
- f) Meningkatkan kualiti kakitangan yang berterusan, dengan mengadakan seminar yang menyediakan kursus-kursus kemahiran seperti kursus perakaunan dan undang-undang dan sebagainya.

#### **4.4.2 Peranan IBank dalam pembangunan Industri besar<sup>160</sup>**

Pada tahun 2011 kadar pertumbuhan ekonomi merosot dari tahun sebelumnya kerana sektor pembuatan terjejas oleh sebab bencana di Jepun dan juga dari bencana banjir besar yang meluas di kawasan tengah Thailand, menyebabkan kerosakan industri dan masalah dalam pengagihan produk, menyebabkan juga pengeksport, penggunaan dan pelaburan swasta menguncup pada suku akhir tahun ini.<sup>161</sup>

Walau bagaimanapun, bank-bank besar telah mempercepatkan dan melaksanakan pendekatan yang progresif untuk kesinambungan perniagaan, yang mewakili kadar 86.48 peratus daripada sasaran yang ditetapkan dari segi perbelanjaan dapat melebihi yang disasarkan 5.67 peratus, dari segi menjaga taraf hutang baru pada tahun 2011 (NPFs baru) dikira 1.2 peratus daripada hutang baru semua dan dari NPFs ( pelanggan lama) yang telah berusaha untuk menyelesaikan hutang dan pendekatan mengemas kini struktur hutang untuk mencari jalan keluar dalam mencegah masuk semula (*Re-Entry NPFs*) dengan bersistem.

Perusahaan dan perniagaan besar dari sektor swasta dan awam dengan kredit pembiayaan lebih dari THB300 juta yang meliputi semua perusahaan dan perniagaan utama dalam negara. Pihak bank menyediakan perkhidmatan dan pembiayaan yang sesuai mengikut keperluan pelanggan seperti pembiayaan untuk pelaburan dalam aset tetap, pembiayaan untuk pusingan modal, pembiayaan untuk perdagangan antara bangsa, serta perkhidmatan lain-lain seperti perkhidmatan dari segi Cash Management dan menawarkan instrumen melindungi risiko nilai pertukaran dan sebagainya.

Pada tahun 2011, perekonomian Thailand telah terjejas kerana krisis bencana banjir, keterukan dan kesan yang meluas menyebabkan pertumbuhan ekonomi Thailand pada tahun

---

<sup>160</sup> Annual Report 2011, 40.

<sup>161</sup> *Ibid.*,

2011 jatuh hanya 1.0 peratus dari pada pertumbuhan 7.8 peratus pada tahun 2010, walau bagaimanapun, bank boleh terus pelaksanaan bagi memenuhi matlamat, dari matlamat pengeluaran bayaran dan penjagaan taraf hutang dalam sektor NPFs.

Pada tahun 2012 bank terus memberi tumpuan kepada pengembangan pembiayaan kepada pelanggan lama dan memperkembangkan pangkalan pelanggan baru yang berpotensi, dengan memberi tumpuan pada pengagihan pembiayaan yang sesuai seperti : kredit tambahan perniagaan, perdagangan, industri dan perkhidmatan dan mengurangkan kadar pembiayaan pembangunan hartanah dan sebagainya. Di samping itu, Bank juga memberi tumpuan dalam menyediakan penasihat kewangan (*Valued Advisor*) untuk memberi nasihat tentang gabungan pasaran produk ditambah dengan produk pasaran modal, supaya selaras dengan arah kecenderungan pengendali utama yang mungkin meraih modal, dengan mengeluarkan jaminan sukuk bukannya minta pembiayaan lebih banyak dari Bank. Bank juga memberi kepentingan terhadap pengurusan risiko dan pencegahan pembiayaan yang tidak berbayar, pihak bank akan memantau penggunaan pelanggan dengan teliti.

Pembiayaan dalam pembangunan industri besar dalam wilayah Pattani ini, dari penelitian penulis dengan membuat wawancara dengan pengurus Islamic Bank di luar bandar iaitu cawangan Saiburi, Khokpho, Palas dan Yarang tiada pelanggan yang menggunakan produk ini, oleh sebab semua cawangan tersebut baru di buka lebih kurang setahun sahaja.

#### **4.4.3 Peranan Ibank dalam pembangunan Industri halal**

Ibank juga turut menyokong dalam memberi pembiayaan kepada semua agama yang beroperasi perniagaan yang mendapat jaminan logo halal atau yang ada kecenderungan akan dapat jaminan halal.

Dalam bahagian industri pembuatan, perdagangan dan perkhidmatan, kebanyakan pelanggan adalah usahawan dalam perniagaan pembuatan dan pengeksport makanan beku, dan pengeksport beras dan sebagainya. Justeru, bank turut menyokong pembiayaan kepada kumpulan pelanggan industri halal. Ini akan membantu mempromosikan model perniagaan yang berdasarkan prinsip Islam dalam proses pengeluaran, pencarian dana pembiayaan. Ini akan mewujudkan peluang bagi akses pasaran kumpulan negara-negara Islam di seluruh dunia. Yang jumlah ummah Islam lebih daripada 1,800 juta orang.

Pada tahun 2011 bank telah memberi sokongan pembiayaan kepada industri halal berjumlah THB11,461.78 juta, dikira dari kadar pertumbuhan bertambah 167.91 peratus. Bank telah mengambil bahagian memasuki dalam pelbagai seminar dan pameran yang berterusan dengan pengendali yang merupakan anggota awam dan swasta, juga merupa organisasi utama dalam menyokong dan membantu perusahaan industri seperti Institusi halal Thailand, Pejabat Jawatankuasa Islam Wilayah, Pusat Sains Halal, Universiti Chulalongkorn, Institusi makanan dan sebagainya.

Wilayah Pattani adalah wilayah yang penduduknya adalah Muslim dan banyak pengeluaran produk-produk halal. Dengan ini, ibank telah mengadakan produk dalam membantu dan memperkembangkan pengindusterian halal ini. Dalam menawarkan perkhidmatan ini, pihak Bank telah mengeluarkan produk pembiayaan ini kepada pelanggan pada tahun 2011 sebanyak 2 orang, jumlah pembiayaan sebanyak THB200,000 dan pada tahun 2012 sebanyak 311 orang, jumlah pembiayaan sebanyak THB 24.03 juta.<sup>162</sup>

---

<sup>162</sup> Dokumen laporan Bahagian pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan, Pusat Pattani.

#### **4.4.4 Peranan Ibank dalam pembangunan ekonomi di 5 Wilayah Selatan, Thailand.<sup>163</sup>**

Dalam bahagian ini akan menjelaskan produk-produk perbankan Islam di bawah Pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand dan juga merupakan produk untuk membantu penduduk peringkat akar umbi yang tidak perlu kepada aset jaminan

##### **4.4.4.1 Pengenalan Bahagian pembangunan ekonomi 5 wilayah Selatan Thailand.**

Pada bahagian ini, ibank telah mengadakan unit khas untuk melaksanakan projek ini, di mana terdapat di setiap 5 wilayah ini satu pusat khas, iaitu Pusat pembangunan ekonomi dan sosial dalam pembangunan masyarakat, Ibank juga memainkan peranan penting yang menjadi kewajipan dan mengambil perhatian tentang hal tersebut. Lalu itu, Ibank menawarkan produk pembiayaan untuk pembangunan ekonomi dan sosial di 5 wilayah sempadan Selatan Thailand

Bank sangat memberi tumpuan kepada memperkuuhkan potensi bagi orang miskin dan orang-orang yang berpendapatan rendah serta integriti dalam pekerjaan, supaya menambahkan daya dalam mendapatkan modal dalam pekerjaan dalam menambah pendapatan, dengan menyokong sumber kewangan, terutamanya mereka yang mempunyai akses kepada sumber dana peringkat biasa dalam masyarakat

##### **Objektif penubuhan Pusat pembangunan ekonomi dan sosial<sup>164</sup>**

- Untuk membantu dalam membasmikan masalah kemiskinan di kawasan khas 5 wilayah sempadan Selatan Thailand.
- Untuk membantu dan memulihkan perekonomian bawahan supaya menjadi pangkalan yang kukuh.

---

<sup>163</sup> Annual Report 2011, 46-47. Abdullah Hayeesaid (Pengurus bahagian penyelarasan rangkaian, Pusat Pattani, Bahagian pembangunan ekonomi 5 wilayah Selatan Thailand), dalam temubual dengan penulis 2 May 2013.

<sup>164</sup> Dokumen Memperkenalkan Bahagian pembangunan ekonomi dan masyarakat 5 wilayah Selatan Thai.

- Untuk menyokong pembangunan kualiti sumber insan dan membina kestabilan dalam masyarakat.

#### **4.4.4.2 Pusat pembangunan ekonomi dan sosial wilayah Pattani**

Penubuhan pusat bagi setiap wilayah di 5 wilayah Selatan Thai dan di wilayah Pattani khasnya adalah sangat memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial ekonomi wilayah, oleh sebab pusat ini bertanggungjawab langsung dalam mengeluarkan pembiayaan jumlah kecil kepada mereka kurang upaya dalam mengakseskan pembiayaan dalam sistem kewangan biasa.

Pusat pembangunan ekonomi dan sosial ditubuhkan pada tahun 2010, oleh sebab pihak Islamic Bank of Thailand telah menyedari terhadap masalah kurang sambutan dari penduduk wilayah Selatan peringkat bawahan untuk menggunakan perkhidmatan pembiayaan yang ditawarkan oleh pihak Islamic Bank of Thailand. Oleh itu, pusat ini ditubuhkan bertujuan khas untuk memainkan peranan dalam memberi pembiayaan kepada mereka tersebut.

Dalam rangka kerja dalam bahagian pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand ini, terdapat *Field Officer* (FO) iaitu orang luar yang dilantik oleh bank untuk memeriksa dan mengikuti kegunaan pembiayaan yang diberi oleh Bank supaya selaras dengan objektif yang ditetapkan oleh Bank dan *Bank Co-ordinator* (BC) adalah orang yang dipilih dari lembaga ahli kampong dan adalah orang yang dilantikkan oleh Bank bertugas untuk memilih dan mencari pelanggan sebagai mana yang telah ditetapkan oleh Bank dan untuk langkah seterusnya Bank akan mempertimbangkan dalam meluluskan pembiayaan.<sup>165</sup>

---

<sup>165</sup> Abdullah Hayeesaid, dalam temubual dengan penulis 16 Februari 2013.

Islamic Bank of Thailand telah melaksanakan projek ini bermula pada tahun 2010-2012 seperti berikut<sup>166</sup> ;

### i. Pembiayaan akar umbi

Dalam pelaksanaan produk ini oleh bahagian pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand sebagai produk pembiayaan jumlah rendah yang tidak perlu kepada aset jaminan.

**Jadual 4.1 : Jumlah pembiayaan akar umbi**

Tahun	Orang	Jumlah (THB)
2010	115	1.08 Juta
2011	22	0.21 Juta
2012	337	18.14 Juta
Jumlah semua	474	19.43 Juta

Sumber : maklumat dari laporan pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand, Pusat Pattani.

Menurut jadual di atas Islamic Bank of Thailand telah meluluskan pembiayaan ini kepada pelanggan di wilayah Pattani pada tahun 2010 kepada 115 orang, berjumlah THB1.08 juta. Pada tahun 2011 kepada 22 orang, berjumlah THB0.21 juta. Pada tahun 2012 kepada 337 orang, berjumlah THB18.14 juta.

Produk akar umbi ini adalah produk yang kebanyakannya penduduk wilayah Pattani membuat permohonan, oleh sebab kebanyakannya pelanggan di bawah produk ini adalah perniaga kedai runcit yang mahu memperkembangkan perniagaan yang lebih besar. Menurut penelitian penulis

---

<sup>166</sup> Dokumen laporan penawaran pembiayaan pada tahun 2010-2012, Bahagian pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand, Pusat Pattani.

terhadap maklumat dari FO yang bertanggungjawab untuk memantau pelanggan-pelanggan didapati bahawa kebanyakan pelanggan yang menerima pembiayaan dapat menggunakan wang pembiayaan untuk memperkembangkan perniagaan yang sedia ada dan tepati janji bayar balik bayaran yang telah ditetapkan, namun terdapat sebahagian dari pelanggan yang menjadi masalah di mana mereka tidak bayar balik pembiayaan, dengan sebab konflik yang berlaku menjadi halangan untuk mengambil tindakan terhadap pelanggan sebahagian ini.<sup>167</sup>

## **ii. Pembiayaan untuk gerai dan kerjaya bebas**

Produk ini adalah produk untuk menyokong pekerja gerai secara runcit dalam membantu masyarakat bawahan.

**Jadual 4.2 : Jumlah pembiayaan untuk gerai kerjaya bebas**

Tahun	Orang	Jumlah (THB)
2011	1,106	50.84 Juta
2012	3,196	256.69 Juta
Jumlah semua	4,302	307.53 Juta

Sumber : maklumat dari laporan pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand, Pusat Pattani.

Menurut jadual di atas menjelaskan peningkatan pelanggan yang menerima pembiayaan gerai kerjaya bebas, Produk ini telah ditawarkan kepada penduduk dalam kawasan wilayah Pattani, bermula pada tahun 2011 kepada 1,106 orang, berjumlah THB 50.84 juta. Pada tahun 2012 kepada 3,196 orang, berjumlah THB256.69 juta.

---

<sup>167</sup> Hussam Hayitahe, Field Officer (FO), Pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand. Dalam Temubual dengan penulis pada 20 April 2013.

Kebanyakan pelanggan yang menerima produk ini adalah menggunakan untuk memperkembangkan lagi kedai-kedai runcit, gerai makanan dan didapati bawaha para pelanggan menggunakan wang pembiayaan untuk meningkatkan taraf ekonomi keluarga.<sup>168</sup>

### **iii. Pembiayaan buruh Thai yang bekerja dalam Malaysia.**

Produk ini telah dikeluarkan oleh Islamic Bank of Thailand kepada pekerja atau buruh yang bekerja di Malaysia yang kebanyakannya bekerja membuka restoran tomyam di seluruh Malaysia.

#### **Jadual 4.3 : jumlah pembiayaan buruh Thai yang bekerja dalam Malaysia**

Tahun	Orang	Jumlah (THB)
2012	71	2.00 Juta

Sumber : maklumat dari laporan pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand, Pusat Pattani.

Menurut jadual diatas didapati bahawa Produk ini telah dibiayai kepada pekerja penduduk wilayah Pattani pada tahun 2012 sebanyak 71 orang, berjumlah THB2.00 juta dalam tanggapan dalam tahun ini adalah 900 orang dalam lingkungan pembiayaan THB30 juta.

Penduduk wilayah Pattani yang kebanyakannya bekerja di kedai-kedai tomyam dan gerai-gerai makanan di Malaysia, menurut salah seorang pekerja yang bekerja di restoran makanan di Malaysia mengatakan bahawa pembiayaan ini sukar untuk diakseskan oleh sebab persyaratan yang banyak dan hanya kedai-kedai yang berlesen dan pekerja yang mempunyai permit sahaja yang dapat menerima pembiayaan ini, sedangkan ramai yang tidak berlesen dan mempunyai permit kerja.<sup>169</sup>

### **iv. Pembiayaan perusahaan masyarakat (*Community Enterprise*).**

<sup>168</sup> Islamail Samaeng, Bank Coordinator (BC), Pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand. Dalam Temubual dengan penulis pada 23 April 2013.

<sup>169</sup> Pekerja di sebuah restoran tomyam di Taman bukit angkasa, Pantai Dalam, Kuala Lumpur.

Produk ini, Islamic Bank of Thailand telah mengeluarkan kepada pelanggan pada tahun 2010 sebanyak 507 orang, berjumlah THB50.12 juta. Pada tahun 2011 sebanyak 482 orang berjumlah THB53.71 juta.

**Jadual 4.4 : jumlah pembiayaan perusahaan masyarakat**

Tahun	Orang	Jumlah (THB)
2010	507	50.12 Juta
2011	482	53.71 Juta
Jumlah semua	989	103.83 Juta

Sumber : maklumat dari laporan pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand, Pusat Pattani.

Menurut jadual di atas menunjukkan bahawa sejak bermulanya penawaran produk ini, Islamic Bank of Thailand telah menawarkan kepada pelanggan pada tahun 2010 sebanyak 507 orang, berjumlah THB50.12 juta. Pada tahun 2011 sebanyak 482 orang berjumlah THB53.71 juta. Jumlah sebanyak 989 orang yang menerima pembiayaan ini dapat membuktikan bahawa Islamic Bank of Thailand menjalani mengiringi polisi kerajaan dalam membangun perusahaan masyarakat dalam lingkungan pembiayaan THB103.83 Juta yang diagihkan dalam membangunkan ekonomi di wilayah Pattani.

#### **v. Pembiayaan perniagaan pakaian Muslim.**

Pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand telah menawarkan pembiayaan untuk membantu perniagaan pakaian Muslim, oleh sebab majoriti penduduk wilayah Pattani adalah Muslim dan kebanyakannya menggunakan pakaian yang import dari Malaysia dan Indonesia.

**Jadual 4.5 : jumlah pembiayaan perniagaan pakaian Muslim**

Tahun	Orang	Jumlah (THB)
2011	10	0.91 Juta
2012	224	19.76 Juta
Jumlah semua	234	20.67 Juta

Sumber : maklumat dari laporan pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand, Pusat Pattani.

Menurut jadual di atas pembiayaan ini telah dibiayai oleh Islamic Bank of Thailand untuk memperkembangkan perniagaan secara runcit di wilayah Pattani kepada pelanggan pada tahun 2011 sebanyak 10 orang, berjumlah THB0.91 juta. Pada tahun 2012 sebanyak 224 orang, berjumlah THB19.76 juta. Setelah pihak Islamic Bank of Thailand memperkenalkan produk ini pada tahun 2011 sehingga tahun 2012 melihat jumlah pelanggan yang bertambah ini menunjukkan prestasi Islamic Bank of Thailand dalam menyumbang para penduduk wilayah Pattani di bawah skim pembiayaan tanpa jaminan ini.

**vi. Pembiayaan makanan halal runcit.**

Untuk membangunkan perniagaan jualan makanan halal ini, seperti perniagaan keropok, nasi kerabu, dapat meningkatkan ekonomi dengan memperkembangkan lagi perniagaan yang sedia ada, dengan pembiayaan yang telah diterima oleh pelanggan yang tidak melebihi THB100,000 per orang,

**Jadual 4.6 : jumlah pembiayaan perniagaan makanan halal runcit**

Tahun	Orang	Jumlah (THB)
2011	2	0.20 Juta
2012	311	24.05 Juta
Jumlah semua	313	24.25 Juta

Sumber : Maklumat dari laporan pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand, Pusat Pattani.

Menurut jadual diatas Bank telah meluluskan pembiayaan kepada pelanggan di wilayah Pattani pada tahun 2011 sebanyak 2 orang, berjumlah THB 0.20 juta. Pada tahun 2012 sebanyak 311 orang, berjumlah THB 24.05 juta. Menurut maklumat dari responden selaku pelanggan yang menerima pembiayaan di bawah produk ini didapati bahawa para pelanggan menggunakan pembiayaan untuk meningkatkan kualiti produk jualan supaya dapat menambah lagi nilai barang.<sup>170</sup>

Dari keseluruhan penawaran pembiayaan dengan meluluskan jumlah bajet tahunan sebanyak THB 535.28 juta, jumlah 11,550 orang. Ini dapat membuktikan bahawa Islamic Bank of Thailand berpotensi yang tinggi dalam membangunkan ekonomi di wilayah Pattani.

## **4.5 PERANAN (IBANK) DALAM BIDANG SOSIAL DAN KEMANUSIAAN DI PATTANI**

### **5.7.1 Peranan (Ibank ) dari segi pembiayaan di bidang pendidikan**

Pendidikan adalah perkara yang penting dalam suatu tempatan, kerana dapat menunjuk atas kemajuan masyarakat itu. Dalam wilayah Pattani terdapat ratusan sekolah agama swasta yang memberi pendidikan merupakan *dwi-sistem (Dual System)* iaitu pendidikan agama dan

---

<sup>170</sup> Islamail Samaeng, Bank Coordinator (BC), Pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand. Dalam Temu bual dengan penulis pada 10April 2013.

pendidikan akademik. Oleh sebab, masyarakat Pattani itu adalah masyarakat Melayu Islam yang memerlukan pendidikan agama Islam. Di peringkat universiti juga, terdapat ramai dari kalangan pemuda-mudi masyarakat yang tidak dapat melanjutkan ke peringkat tersebut kerana kekurangan dari segi kewangan. Justeru itu, Ibank melihat dari keperluan masyarakat terhadap dana kewangan, oleh itu, Bank menawarkan pinjaman untuk pendidikan dalam negeri, dan juga pemberian dalam pembangunan sekolah agama swasta.

Islamic Bank of Thailand telah menawarkan skim pemberian dan simpanan untuk pendidikan seperti pemberian untuk membangun institusi pendidikan dan pemberian untuk meningkatkan potensi kakitangan dalam pendidikan, di mana dua produk ini ditanggungjawab oleh Bahagian pembangunan ekonomi dan sosial yang pada tahun 2011 Islamic Bank of Thailand telah meluluskan pemberian kepada pelanggan di bawah skim pemberian untuk pembangunan institusi pendidikan dalam wilayah Pattani sebanyak 17 orang berjumlah THB18.41 juta dan pada tahun 2012 sebanyak 7 orang berjumlah THB5.63 juta. Pemberian untuk membina potensi kakitangan pendidikan yang menawarkan pemberian pada tahun 2011 kepada 48 orang berjumlah sebanyak 5.00 juta Bath.<sup>171</sup>

#### **4.6 PERANCANGAN IBANK DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI**

Menurut polisi Bank dalam pembangunan ekonomi, Islamic Bank of Thailand melaksanakan projek pemberian untuk menggalakkan kerjaya perkhidmatan kereta pengangkutan awam dalam kawasan 5 wilayah sempadan Selatan Thailand, untuk meningkatkan keupayaan dan mengurangkan kos kewangan kepada kerjaya perkhidmatan pengangkutan awam, supaya menjadikan perkhidmatan pengangkutan awam ini lebih cekap dan berkualiti. Pada

---

<sup>171</sup> Dokumen laporan penawaran pemberian pada tahun 2010-2012, Bahagian pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand, Pusat Pattani.

Disember 2011 Bank telah meluluskan projek pembiayaan tersebut kepada 1,425 orang, berjumlah wang sebanyak THB937.03 juta.

Pada tahun 2012 Bank melaksanakan menurut pelan menaikkan taraf hidup rakyat dan masyarakat tempatan di kawasan khas 5 wilayah sempadan Selatan Thailand menurut keputusan kabinet parlimen, seperti berikut :

- i. Kementerian kewangan membuat perjanjian dengan Biro Bajet untuk meminta peruntukan di bawah lingkungan bajet kerajaan yang perlu membayar pampasan sejak tahun 2012-2018 tidak melebihi jumlah THB560 juta menurut keputusan kabinet kerajaan yang telah meluluskan pelan Ibanc dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat dan masyarakat tempatan 5 wilayah sempadan Selatan Thailand, pada tahun 2012-2016.
- ii. Asingkan akaun pelaksanaan menurut polisi (*Public Service Account : PSA*) bagi 8 projek iaitu Projek pembiayaan akar umbi Ibanc, Pembiayaan gerai dan kerjaya bebas, Pembiayaan buruh Thai dalam Malaysia, Projek Pembiayaan untuk projek pembangunan kerjaya kerajaan, Projek *Re-finance* hutang selain bank, Projek pembiayaan dalam masyarakat, Projek pembiayaan perniagaan pakaian Muslim dan Projek pembiayaan makanan halal runcit, di antara tahun 2012-2014 wang berjumlah THB5,600 juta, khusus pada pelaksanaan dalam kawasan 3 wilayah sempadan Selatan Thailand (Pattani, Yala, Narathiwat) dengan kerajaan membayar pampasan kadar perbezaan keuntungan kepada Bank sama dengan kadar keuntungan pembiayaan pelanggan utama secara bagi tempoh masa (SPRL-3.85) dari pada jumlah prinsipal yang tertunggak pada setiap tempoh.
- iii. Bank memohon bajet pembelanjaan yang sebenar, oleh kerana tanggapan dalam penawaran pembiayaan di bawah 8 projek tersebut di 3 wilayah sempadan Selatan Thailand pada tahun 2012-2014 dengan bajet kerajaan perlu membayar pampasan sejak tahun 2012-2018 dan

menggunakan kadar keuntungan SPRL pada sekarang (7.75 peratus) menyebabkan kadar keuntungan yang kerajaan perlu bayar pampasan adalah 3.90 peratus (7.75-3.85) dari jumlah utama anggaran bajet, kerajaan perlu membayar pampasan bagi tahun 2012-2018 itu tidak melebihi 550 juta bath.

Di samping itu, Bank diluluskan dalam pelaksanaan untuk projek pembiayaan menggalakkan kerjaya memberi perkhidmatan pengangkutan awam di kawasan 5 wilayah sempadan Selatan Thailand menurut polisi kerajaan, yang diberi tempoh tindakan pelaksanaan projek ini dari bulan Januari -Jun 2012 berjumlah THB1,000 juta. Seterusnya bank juga berhasrat dalam menyokong matlamat kerajaan untuk meningkatkan taraf pendapatan isi rumah purata meningkat THB120,000/tahun, dengan menetapkan matlamat pembiayaan untuk kerjaya dalam meningkatkan taraf kualiti hidup dan kualiti pendidikan bagi orang miskin berpendapatan rendah, kumpulan masyarakat perusahaan dan perusahaan runcit dalam lingkungan wang pembiayaan THB2,100 juta dalam 8 projek, dijangka memberi manfaat kepada rakyat dan masyarakat, seperti berikut :

- Membantu menyelesaikan masalah kemiskinan dalam proses penyertaan masyarakat untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan menambah pendapatan bagi orang-orang yang miskin dan berpendapatan rendah supaya dapat berdikari.
- Memestikan dan menguatkan semangat dalam kerjaya dan menambah pendapatan kepada pelbagai kumpulan kerjaya dalam masyarakat.
- Mengurangkan penderitaan rakyat dari masalah hutang luar sistem supaya masuk dalam sistem, yang mendapat membina keadilan dan kesejahteraan masyarakat.
- Menambah potensi dan menaikkan taraf kualiti dalam pendidikan di institusi pengajian swasta

- Merangsang perekonomian di peringkat bawahan, mengadakan produk pelaburan dan perdagangan dalam masyarakat tempatan.
- Mengadakan pengagihan hasil pendapatan yang adil dalam sistem ekonomi, mengurangkan masalah ketidaksamaan pendapatan dan mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara yang stabil.

#### **4.7 IBANK TELAH BERDAYA MENDAPAT ANUGERAH DAN PENGHARGAAN**

Sejak pertubuhan Islamic Bank of Thailand hampir satu dekad, Ibank bekerja keras dalam memberi perkhidmatan kewangan dan berpegang teguh dengan prinsip Syariah sehingga memperolehi penghargaan dan berjaya seterusnya

Penghargaan yang diperolehi adalah :

1. Anugerah "*The Best Islamic by Country*" oleh Islamic Finance News (IFN) bagi tahun 2011.
2. Anugerah Finance Bank Islam Terbaik di Thailand "dari Alpha Asia Tenggara bagi tahun 2010-2011.
3. Anugerah "*The Best Islamic by Country*" oleh Islamic Finance News (IFN) bagi tahun 2010.
4. Anugerah untuk "*Organisasi Cemerlang*" bagi tahun 2010 sebagai skim sokongan kewangan yang dibangunkan oleh kerajaan. Untuk meningkatkan prestasi. Organisasi ".
5. Anugerah "*The Best Islamic Finance Bank in Thailand*" dari Alpha Southeast Asia bagi tahun 2009-2010.
6. Anugerah "*The Best Islamic By Country*" dari Islamic Finance News bagi tahun 2009.

7. Anugerah “*The Best Islamic Finance Bank in Thailand*” dari Alpha Southeast Asia bagi tahun 2008-2009.<sup>172</sup>

#### **4.8 Kesimpulan**

Projek pembangunan ekonomi di wilayah Selatan ditubuhkan mengiringi hasrat kerajaan untuk membangunkan ekonomi di kawasan wilayah Selatan melalui Islamic Bank of Thailand yang menubuhkan satu unit khas di 5 wilayah Selatan yang dinamakan “Pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand”. Pusat ini telah menjalankan operasinya selama 3 tahun dan dapat sambutan baik dalam kalangan masyarakat Melayu Islam khususnya di wilayah Pattani. Namun itu, terdapat beberapa masalah yang menjadi kekangan dalam pelaksanaan akibat dari keadaan konflik yang berlaku sejak tahun 2004 menyebabkan pihak pekerja tidak dapat melaksanakan operasi dengan sepenuhnya. Kesimpulan dari bab ini dapat dirumuskan bahawa Islamic Bank of Thailand dapat membantu penduduk wilayah Pattani dalam memberi pembiayaan kepada mereka tidak kuasa untuk mengakseskan pembiayaan dari bank-bank yang lain di mana bank-bank itu perlu kepada aset jaminan untuk meluluskan pembiayaan.

---

<sup>172</sup> Islamic Bank of Thailand, dicapai 11 May 2012, [http://www.ibank.co.th/2010/th/about/about\\_detail.aspx?ID=8](http://www.ibank.co.th/2010/th/about/about_detail.aspx?ID=8)

## **BAB V**

### **PENUTUP**

Penubuhan Islamic Bank of Thailand di negara Thai ini, telah menjadi senario yang menakjubkan bagi penduduk negara Thai, khususnya di wilayah Pattani yang adalah tempat cawangan pertama *Islamic Bank of Thailand* ditubuhkan di kawasan wilayah Selatan. Dalam menjalankan kajian ini, penulis dapat membuat kesimpulan hasil dari keseluruhan disertasi ini. Kajian ini merupakan suatu penyelidikan institusi kewangan yang penting di Thailand pada masa ini. Kajian ini dimulai dengan kajian mengenai definisi-definisi Sistem Perbankan Islam yang telah dikemukakan oleh para cendekiawan, ahli ekonomi dan istilah dari kamus yang biasa digunakan dan juga teori pembangunan dalam ekonomi Islam serta dengan hubungkait antara Sistem Perbankan Islam dalam pembangunan ekonomi ummah.

Dalam kajian ini juga, penulis mengemukakan definisi sistem ekonomi Islam adalah sistem ekonomi yang terulung dan merangkumi semua aspek kehidupan ummah, oleh sebab sistem ekonomi Islam, bukan hanya mementingkan harta benda sahaja, bahkan berprihatin terhadap nilai hidup yang sejahtera dan makmur tanpa penindasan. Sistem perbankan Islam adalah sistem perbankan yang berdaya teguh, walau beberapa abad sahaja ditumbuhkan tetapi sistem perbankan Islam dapat membuktikan kepada dunia sekarang bahawa dapat beroperasi sebagai sistem perbankan tanpa faedah dan berjalan atas dasar prinsip yang tidak bercanggah dengan Syariah.

Perkembangan sistem perbankan pada zaman awal Islam dan moden yang penulis mengemukakan sejarahnya dari awal penubuhan pada tahun 1960-an sehingga sekarang dapat membuktikan bahawa sistem perbankan Islam di seluruh dunia berkuasa berdiri teguh walaupun di tengah-tengah krisis kewangan dunia yang melanda. Dalam kajian ini, penulis

membincangkan tentang gerakan sistem perbankan Islam di Thailand semenjak dari awal sampai sekarang, dari perkembangan institusi kewangan seperti koperasi Islam dan lain-lain yang menjadi tempat tuju masyarakat Islam di Thailand.

Semenjak awal penubuhan Islamic Bank of Thailand, bank ini telah menjadi sasaran simpanan pagi penduduk yang beragama Islam yang ingin mengelakkan dari bercampur dengan unsur riba, namun terdapat sebahagian dalam kalangan penduduk yang beragama Buddha yang mengambil perkhidmatan dalam sistem perbankan Islam. Bank ini telah berkembang pesat dalam tempoh yang singkat, dengan penubuhan cawangan di seluruh negara Thai dari tahun 2004-2011 sebanyak 101 cawangan, khususnya di wilayah Pattani terdapat 8 buah cawangan bank ini, menunjuk bahawa Islamic Bank of Thailand dapat sambutan yang baik dari masyarakat pada satu tahap.

Islamic Bank of Thailand telah beroperasi selaras dengan prinsip Syariah dengan menggunakan mekanisme seperti Mudarabah, Murabahah, Bay' al-'Inah, al-Ijarah, seperti mana kebanyakan bank-bank Islam di seluruh dunia menggunakan pakai. Dalam memainkan peranan sebagai kewajipan dalam pembangunan masyarakat dari beberapa aspek seperti pembangunan ekonomi masyarakat, pembangunan pendidikan. Islamic Bank of Thailand telah banyak membantu bebanan penduduk wilayah Selatan yang berpendapatan rendah supaya dapat akses pembiayaan, seperti pembiayaan akar umbi dan lain-lain, di mana terdapat sebahagian yang tidak berkuasa untuk mendapatkan pembiayaan dari saluran biasa, oleh sebab tiada aset untuk menjamin untuk mendapatkan pembiayaan. Bahagian pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand banyak memainkan peranan penting untuk meningkatkan taraf kehidupan penduduk wilayah Pattani dengan cara yang selaras dengan ajaran Islam.

Hasil dari kajian ini, penulis akan memberi beberapa rumusan, kesimpulan dan cadangan-cadangan kepada pihak Islamic Bank of Thailand untuk meningkatkan daya perkhidmatan dalam pembangunan ekonomi di wilayah Pattani, Selatan Thailand.

## **5.1 Rumusan**

5.1.1 Pusat pembangunan ekonomi dan sosial 5 wilayah Selatan Thailand, Pusat Pattani adalah satu unit di bawah Islamic Bank of Thailand yang bertanggungjawab khas dalam menawarkan perkhidmatan untuk mempertingkatkan ekonomi penduduk wilayah Pattani.

Menurut hasrat kerajaan untuk membangun ekonomi dengan menawarkan pelbagai produk, akan tetapi produk yang amat berpengaruh dalam pembangunan ekonomi iaitu produk pembiayaan akar umbi, produk pembiayaan untuk membangun kerjaya kerajaan, produk pembiayaan buruh Thai di Malaysia, produk pembiayaan perniagaan pakaian Muslim, produk pembiayaan makanan halal runcit. Namun selain dari produk-produk tersebut, tidak banyak berperanan dalam pembangunan ekonomi, oleh sebab tidak dapat sambutan dalam kalangan masyarakat Melayu Pattani.

